

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 2

Selasa

24 April 2012

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong – *Tuan Khoo Soo Seang* (Halaman 27)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 58)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 24 April 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan keberkesanan peranan yang telah dimainkan oleh SME Bank dalam membangunkan usahawan IKS setakat ini. Apakah kemampuan bank tersebut dan strategi-strategi baru dalam memacu pertumbuhan usahawan IKS di samping meningkatkan sumbangan IKS kepada KDNK negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Selamat pagi. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah atas soalan pertama pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, SME yang ditubuhkan pada Oktober 2005 adalah merupakan salah satu sebuah institusi kewangan pembangunan yang dipertanggungjawabkan untuk membantu kerajaan dalam melaksanakan pembangunan sosioekonomi negara. Peranan yang dimainkan adalah berdasarkan kepada mandat yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu melalui bantuan pembiayaan dan khidmat nasihat kepada usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) khususnya kepada usahawan bumiputera.

Dalam menjalankan amanah tersebut, SME Bank di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 dan Ke-9 telah diberi tanggungjawab bagi menguruskan pelbagai dana dan program khas kerajaan seperti program Vendor (SmartBiz), program Pembiayaan *Third Window*, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) dan lain-lain. Berbeza dengan institusi kewangan komersial, SME Bank turut menawarkan perkhidmatan khidmat nasihat kepada PKS dalam bidang pengurusan akaun, khidmat nasihat teknikal pemasaran, pembungkusan, pensijilan dan lain-lain. Selain daripada itu, SME Bank turut menganjurkan latihan asas keusahawanan kepada usahawan PKS dan bakal usahawan yang berminat menceburi bidang perniagaan.

Sehingga Mac 2012, SME Bank telah meluluskan sebanyak RM12.4 bilion pembiayaan bagi membantu lebih daripada 7,500 usahawan PKS dengan purata kelulusan tahunan RM2 bilion kepada 1,200 usahawan PKS setahun. Bagi tahun kewangan 2011, SME Bank telah

merekodkan keuntungan sebelum cukai beraudit sebanyak RM146.3 juta dengan portfolio pembiayaan bersih sebanyak RM3.5 bilion. Pengalaman dan kepakaran SME Bank dalam menguruskan dana dan program pembiayaan juga turut diperakui. Selain daripada menguruskan program pembiayaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), pihak bank turut diberi tanggungjawab oleh kementerian lain untuk menguruskan dana pembiayaan keusahawanan mereka seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi mengurus dana Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Kementerian Pelancongan bagi dana tabung pelancongan khas 2 atau agensi lain bagi menjalinkan kolaborasi pembiayaan usahawan seperti kerjasama dengan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu serta kerjasama dengan SME Corp, MIDF dan MATRADE.

Selaras dengan mandat SME Bank untuk membantu pembangunan PKS, segala usaha SME Bank dalam membantu dan menaik taraf PKS telah menampakkan impak yang positif. Antara kejayaan SME Bank adalah pertama, menyumbang kepada pembangunan teras daripada 40 syarikat teras yang disenaraikan dalam program Teraju, 20 merupakan pelanggan SME Bank. Kedua, membantu 20 syarikat PKS untuk disenaraikan dalam program MATRADE bagi aktiviti perniagaan eksport. Ketiga, berjaya melahirkan 72 peserta program yang berjaya *graduate* daripada program kompleks kilang bimbingan seluruh Malaysia. Keempat, berjaya mengkomersialkan dan menyediakan pembiayaan kepada enam idea bisnes di bawah program idea *box* IQ ladang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan keberkesanan penyampaian dan pelaksanaan operasinya, SME Bank telah memperkenalkan beberapa strategi baru antaranya termasuk, pertama, memperkenalkan model baru perniagaan SME Bank yang membahagikan segmen pelanggan kepada dua iaitu pelanggan berasaskan keperluan ataupun *need based customer* dan pelanggan berasaskan merit atau *merit based customer*. Bagi segmen pelanggan *need based* yang juga termasuk usahawan yang baru memulakan perniagaan, pihak SME Bank memberi fokus bantuan kepada usahawan bagaimana pihak bank boleh mempertingkatkan daya saing perniagaan. Ini termasuk pemberian syarat-syarat pinjaman yang fleksibel bersesuaian dengan jangkaan aliran tunai perniagaan.

■1010

Di bawah program ini juga pihak bank akan mengenal pasti bentuk *business intervention* dengan izin, yang diperlukan seperti latihan keusahawanan, khidmat nasihat, perakaunan, pemasaran, pembungkusan, *business matching*, persijilan, program pemindaan kepakaran ataupun pengetahuan, khidmat nasihat teknikal, pengurusan syarikat dan sebagainya. Bagi memenuhi keperluan pendanaannya, pihak bank juga telah berjaya mendapatkan kelulusan jaminan kerajaan daripada Kementerian Kewangan bagi melaksanakan terbitan sukuk berjumlah RM3 bilion. Cadangan ini adalah bersesuaian dengan hasrat kerajaan

untuk memperkukuhkan SME Bank berupaya menjana sumber pendanaannya sendiri tanpa berterusan bergantung kepada dana kerajaan.

Ketiga, menyusun semula struktur organisasi SME Bank dengan memperkenalkan beberapa anak syarikat baru yang mempunyai peranan masing-masing dalam membantu pembangunan usahawan mendatangkan skop SME Bank yang tertakluk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002. Antara cadangan termasuklah penubuhan anak syarikat yang terlibat dalam Musyarakah *Venture* bagi menjalankan pembiayaan modal teroka dalam usaha berterusan mewujudkan dan membantu syarikat-syarikat PKS yang mampu dan berdaya saing dalam jangka masa panjang.

Keempat, mengembangkan jaringan perbankannya dengan menubuhkan syarikat *enterprise* dan *business centre* yang baru yang lebih inovatif bagi membolehkan lebih ramai usahawan PKS dapat dibantu. Ini juga dilihat dapat mempertingkatkan keberkesanan pencapaian ke daerah kecil dan membantu memudahkan pemantauan dan berhubung dengan pelanggan.

Kelima, menjalin *smart collaboration* dan *partnership* dengan agensi-agensi seperti MATRADE, HDC, SME Corp, Teraju, PEMANDU, Ukas serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan GLC dalam mengerjakan pakej perkhidmatan dan pembiayaan yang lebih kompetitif dan berkesan dalam memenuhi keperluan syarikat-syarikat PKS. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan dengan lengkap juga tadi. Akan tetapi soalan saya dikitarkan kerana hari ini SME Bank sebagai sebuah bank yang ditubuhkan, *entrusted* sebagai sebuah institusi bagi mengendalikan, membantu industri IKS negara. Nampaknya tenggelam disebabkan jumlah dan kemampuan sebenar SME Bank membantu dalam segi sektor kewangan kepada bilangan IKS sebenarnya amat terhad.

Sebagai contoh angka yang diberi tadi sebanyak 7,500 IKS yang telah dibantu setakat ini dalam tempoh tujuh tahun bagi saya adalah satu angka yang rendah dan RM2 bilion yang dikeluarkan setahun adalah satu angka yang kecil kalau kita secara relatif bandingkan dengan mana-mana bank swasta yang boleh berkembang dengan lebih tinggi nilainya kalau dibandingkan dengan RM2 bilion. Itu nombor satu.

Kedua, saya ingin mencadangkan sama ada SME bank ada membuat atau merancang bagaimana kita boleh *synergize* dengan agensi-agensi berkaitan contohnya SME Corp yang dalam hal yang sama tumpuan mereka adalah kepada IKS, kumpulan sasaran yang sama. Sama ada SME Bank telah merancang bagaimana dua agensi besar ini boleh bergabung tenaga dan bekerja lebih efisien lagi sejajar dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ingin melihat agensi-agensi kerajaan terus...

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Bekerjasama ke arah itu..

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: ...dan fokus kepada kumpulan sasar. Contohnya hari ini SME Corp sudah melancarkan apa yang dipanggil "Jom Niaga" di mana gabungan 13 bank bersatu untuk melancarkan satu tabungan bernilai RM2 bilion. Ini saya lihat dalam senarai 13 bank tidak termasuk SME Bank. Itu sebagai contoh ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut yang soalan pertama itu tadi dari segi pencapaian kita dalam usaha untuk membantu usahawan ini. Ini kita boleh kata terpulang kepada dana-dana yang diperuntukkan kepada SME Bank untuk menjalankan pembiayaan kepada usahawan-usahawan yang memerlukan pembiayaan untuk projek-projek ataupun menjalankan perniagaan mereka.

Jadi seperti mana yang saya sebutkan tadi memang dibawa beberapa program dan disebutkan tadi, kita pun sudah dilihat bahawa seperti program *vendor ShowBiz* ini kerajaan telah memberi RM130 million sahaja dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Program pembiayaan *third window* ini yang melibatkan *group* untuk membangunkan usahawan yang kecil supaya mereka dapat meningkatkan lagi perniagaan mereka hanya diberi RM195 million.

Begitu juga dalam Skim pembiayaan Ekonomi Desa ini, peruntukan itu pun terhad juga di mana pihak Kementerian Pengangkutan juga beri peruntukan untuk membantu perniagaan dalam *business* pengangkutan. Jadi oleh sebab itu kita nampak bahawa pencapaian terutama terhad seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Ini terpulang kepada dana-dana yang diberi ataupun peruntukan yang diberi kepada SME Bank ini untuk menjalankan tugas mereka.

Soalan kedua tadi, SME Bank ini dengan seperti mana yang saya sentuh tadi, bank ini memang telah mengambil langkah yang baru untuk memperbaiki lagi operasi dan pencapaian mereka untuk membantu *client-client*. Oleh sebab itu kita, saya sentuh lima langkah-langkah yang diambil oleh SME Bank supaya usaha untuk membantu pelanggan-pelanggan dengan kerjasama dengan agensi-agensi yang lain ataupun kementerian yang lain itu perlu dijalankan secara *smart collaboration* dan *partnership*.

Jadi, sememangnya SME Bank ini apabila membuat perancangan, memang sentiasa memberi sumbangan dan idea-idea dari pihak kementerian ataupun agensi lain seperti MATRADE, HDC - *Halal Development Corporation*, SME Corp, Teraju, PEMANDU, Ukas serta syarikat-syarikat yang lain untuk membantu mereka untuk membuat rancangan yang lebih tepat, yang lebih baik lagi untuk pembangunan usahawan kita pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik terhadap *spec* Skim Pembiayaan Ekonomi Desa. Pertanyaan tambahan saya ialah setakat ini, berapa ramai IKS yang terlibat dengan skim ini? Adakah mereka berjaya dalam perusahaan mereka? Sekiranya jumlah ini tidak menepati sasaran, apakah langkah-langkah

yang akan diambil oleh kerajaan untuk memperluaskan lagi Skim Pembiayaan Ekonomi Desa ini agar ekonomi rakyat khususnya di desa dapat dikembangkan untuk mencapai hasrat kerajaan? Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Kerajaan di bawah tanggungjawab SME Bank ini memang mempunyai peruntukan kepada SME Bank untuk membangunkan kawasan usahawan-usahawan kita yang di kawasan luar bandar ini. Oleh sebab itu peruntukan di bawah program SPED itu diberi supaya kemudahan yang seperti ini dapat diturunkan kepada pelanggan-pelanggan kita yang bermastautin ataupun yang ada di luar bandar ini.

■1020

Kita nampak bahawa dalam program ini kita telah menurunkan peruntukan ini sampai ke peringkat daerah kecil. Kalau kita lihat di kawasan-kawasan daerah kecil, ada juga yang disebutkan usahawan desa dan semua ini tadi untuk kita membantu mereka. Akan tetapi setakat ini saya tidak ada statistik untuk diberi kepada Yang Berhormat. Saya akan memberi secara bertulis oleh kerana saya tidak ada statistik tersebut dari segi pencapaian dan juga pelanggan-pelanggan kita yang telah berjaya dalam program SPED ini tadi.

Keseluruhannya memang kita berpuas hati juga atas pencapaian ini, tetapi kita masih memerlukan lagi usaha untuk mempertingkatkan lagi supaya lebih banyak lagi pelanggan-pelanggan kita di luar bandar dapat juga peluang dan manfaat daripada program seperti ini. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan sama ada kerajaan berusaha untuk memperluaskan pemasangan lampu jalan dengan menggunakan lampu berteknologi diod pemancar cahaya (LED).

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah merancang dan melaksanakan usaha-usaha bagi meningkatkan konservasi tenaga negara. Melalui Program Kecekapan Tenaga, kementerian saya bukan sahaja menggalakkan penggunaan lampu yang menjimatkan tenaga seperti lampu LED iaitu *light emitting diode* dengan izin, malah kementerian saya juga melaksanakan program *rebate SAVE* dengan gelaran *Sustainable Archived via Energy Efficiency (SAVE)* yang dilancarkan pada 7 Julai 2011.

Program SAVE adalah bertujuan untuk menggalakkan rakyat untuk menggunakan peti sejuk, penyaman udara dan *chillers* dengan izin, yang cekap tenaga. Dengan perkembangan teknologi masa kini, pelbagai jenis lampu cekap tenaga seperti lampu *fluorescent T5* atau *compact fluorescent lamp (CFL)*, lampu *light emitting diode* atau LED dan sebagainya telah dihasilkan. Kerajaan sememangnya menggalakkan penggunaan lampu cekap tenaga baik di dalam bangunan atau di luar bangunan seperti lampu-lampu jalan.

Teknologi LED dilihat dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik tahan lama sampai sehingga 50,000 jam dan mesra alam. Kerajaan sememangnya berhasrat untuk memperluaskan lagi penggunaan lampu jalan LED. Namun, ianya bergantung kepada satu keputusan projek perintis penggunaan lampu ini yang sedang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di beberapa lebuhraya di Lembah Klang untuk menguji keberkesanan lampu jalan LED.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya LED merupakan sumber pencahayaan yang terhasil dalam bahan semi konduktor yang mempunyai jangka hayat yang lebih panjang dan kecekapan pencahayaan yang tinggi. Oleh sebab itu kementerian telah ambil pelbagai inisiatif dalam mempromosikan penggunaan jalan cekap tenaga khususnya dalam kegunaan lampu tersebut di dalam bangunan-bangunan tertentu dan juga di dalam kawasan-kawasan lapang yang sedia ada di negara kita ini. Sekian.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih kepada Menteri. Adakah perancangan untuk kerajaan memberi subsidi kepada rakyat jelata yang ingin menggunakan lampu LED?

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapannya adalah tidak. Kita tidak ada rancangan untuk memberi subsidi.

Walau bagaimanapun, dari segi kegunaan alat-alat yang boleh menjimatkan tenaga dan mesra alam seperti di bangunan yang kita sebut *green buildings* dengan izin, di mana bangunan-bangunan tersebut digelar sebagai satu tahap yang agak mencapai pengiktirafan oleh pihak *Green Buildings Index (GBI)* yang dilaksanakan di Malaysia ini, mereka bolehlah menuntut *tax free* dengan izin, iaitu bebas daripada cukai untuk bahan-bahan yang diimport ke negara kita supaya mereka boleh mencapai tahap GBI itu.

Dari segi jumlah kos yang perlu dilaksanakan oleh pihak pemaju, kos ini pun boleh diberi percuma atau dibebaskan dalam cukai pendapatan pemaju tersebut. Ini adalah galakan-galakan yang sudah diumumkan oleh pihak kewangan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri sebagai Menteri Kewangan.

Kita haraplah dengan adanya program seperti ini dan juga program yang lain seperti bangunan-bangunan kementerian tertentu digalakkan untuk menukarkan lampu-lampu di kementerian mereka untuk menggunakan lampu LED ini supaya tenaga yang digunakan oleh kementerian tersebut dalam bangunannya akan diijimatkan atau diturunkan. Sekurang-kurangnya ini sekali gus menjadi satu langkah yang baik bagi pihak kerajaan untuk memberikan satu tauladan kepada pihak swasta untuk menggunakan lampu-lampu yang bersifat cekap tenaga.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa kementerian telah pun melancarkan satu program untuk memberi perkhidmatan lampu LED di taman-taman di Malaysia ini. Saya difahamkan bahawa Miri adalah bandar atau taman pertama di Malaysia yang telah pun mendapat perkhidmatan seperti ini dan seterusnya Cyberjaya dan Putrajaya seperti yang saya difahamkan. Oleh kerana kebaikan menggunakan lampu LED ini

amat ketara, boleh menjimatkan kos dan sebagainya, adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan ini di taman-taman di Malaysia ini dan dengan menggunakan R&D, kementerian juga boleh memperluaskan di luar bandar terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

■1030

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya program yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu bukan satu program yang terlibat dengan kewangan kementerian atau peruntukan kementerian tetapi ia dijalankan oleh satu syarikat di mana kita menggalakkan syarikat ini membuat satu projek perintis di Miri. Syarikat itu memilih tiga taman untuk melaksanakan projek perintis tersebut supaya ia boleh memberi satu gambaran kepada Majlis Bandaraya Miri, berbanding kalau kita dalam sesuatu taman tersebut kita gunakan lampu biasa atau lampu pijar atau lampu *high sodium* yang kita biasa tengok dalam taman itu berbanding dengan LED ini.

Kalaulah ada penjimatan yang ketara maka kita akan menggalakkan melalui kawan saya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung untuk merangka satu program yang sesuai bagi kawasan-kawasan taman supaya ia sekali gus dapat menjimatkan perbelanjaan PBT atau pihak berkuasa tempatan dalam perbelanjaan mereka. Itulah sebabnya projek dijalankan di Miri, di dalam tiga taman tersebut. Ia akan – dalam satu jangka enam bulan di mana setiap lampu tersebut akan diuji, dia ada meter untuk merekodkan jumlah tenaga yang digunakan dalam taman tersebut. Sekian.

3. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk mewajibkan ladang-ladang untuk meningkatkan penggunaan jentera atau kejenteraan dalam operasi perladangan mereka kepada peratusan tertentu demi untuk mengurangkan kebergantungan berterusan kepada pekerja-pekerja asing.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:

Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan. Tuan Yang di-Pertua, industri sawit merupakan sektor yang berintensif buruh. Sehingga Disember tahun 2011 jumlah keseluruhan guna tenaga perladangan sawit adalah seramai 491,339 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 373,049 ataupun 75.92% adalah terdiri daripada pekerja asing daripada Indonesia, Bangladesh, India dan Filipina. Kementerian saya sentiasa menggalakkan penggunaan kaedah jentera di dalam operasi harian sektor perladangan dan komoditi untuk meningkatkan keberkesanan operasi dan produktiviti. Langkah ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh terutamanya buruh asing.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor utama yang perlu dipertimbangkan oleh syarikat-syarikat perladangan sebelum kaedah kejenteraan ini digunakan secara

menyeluruh di ladang-ladang mereka. Di antara faktor penentu meliputi faktor kos perolehan, penyelenggaraan jentera, *practicallity* dengan izin dan kematangan kejenteraan baru yang dibangunkan. Di samping itu bentuk muka bumi dan saiz ladang juga mempengaruhi penggunaan kejenteraan. Dalam hal ni kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan ladang-ladang meningkatkan penggunaan kejenteraan dalam operasi mereka. Kepada peratusan tertentu atau menetapkan sebarang peraturan mengenai penggunaan jentera di sektor perladangan dan komoditi. Walau bagaimanapun untuk menggalakkan kejenteraan telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) menganjurkan seminar pemindahan teknologi yang telah dibangunkan oleh agensi-agensi penyelidikan untuk tujuan pendedahan kepada pihak industri berhubung kaedah kejuruteraan semasa;
- (ii) mengadakan penyelidikan secara usaha sama di antara agensi-agensi penyelidikan dengan pihak industri di dalam bidang kejuruteraan dan;
- (iii) menyediakan insentif melibatkan pengecualian dari duti import dan cukai jualan untuk mesin dan kelengkapan.

Terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya dalam mengurangkan isu pekerja asing, sejauh mana usaha kerajaan menggalakkan pekerja tempatan terlibat dalam sektor perladangan khususnya dalam mengendalikan jentera-jentera perladangan. Dengan izin, *to reduce the foreign workers, what action the ministry is going to take? Thank you*, terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mencari jalan bagaimana dapat dikurangkan pekerja-pekerja asing di negara ini. Baru-baru ini saya telah meminta supaya dikemukakan permintaan-permintaan pekerja asing dan kalau dilihat keperluan di ladang-ladang ini bagi kelapa sawit misalnya kita memerlukan atau kita membenarkan permintaan pekerja asing, kalau dalam lapan hektar itu dia layak untuk mendapatkan seorang pekerja asing. Jadi ini tidak dapat dikurangkan sekarang ini sebab dengan adanya lima juta hektar yang ditanam dengan kelapa sawit, saya ingat pekerja-pekerja tempatan ini saya melihat pun belum lagi berminat untuk bekerja di ladang-ladang.

Memang sukar untuk majikan-majikan untuk mendapat pekerja asing. Jadi sementara ini saya ingat masih ada keperluan untuk kita mendapat pekerja asing dan pekerja asing ini bukan mudah untuk didapati juga. Kalau kita lihat dalam ekonomi Indonesia sekarang misalnya memang pekerja asing lagi ramai datang daripada negara itu sebab ekonomi mereka sendiri berkembang dan juga *plantation* atau *commodity sector* ladang-ladang mereka ini sudah dibangunkan juga dan memang sukar untuk mendapatkan pekerja asing untuk Malaysia ini. Jadi kita terpaksa untuk mencari jalan. Jadi sebab inilah kita menggalakkan mekanisasi dan sebagainya supaya kebergantungan kepada pekerja asing ini akan berkurangan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Apakah sumbangan sektor komoditi seperti sawit, kelapa, koko dan lain-lain kepada pendapatan eksport negara?

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sumbangan kepada sektor komoditi kepada pengeksporan bahan-bahan daripada negara kita ini adalah ketara sekali menyumbang kepada ekonomi negara. Kalau kita lihat sewaktu negara menghadapi masalah ekonomi 1998 komoditi telah dapat menyumbang kepada negara kita dari segi pengeksporan dan segi perkembangan ekonomi.

■1040

Jadi sekarang ini ia turut dapat menyumbang dan saya memang berbangga sekali kerana pada tahun ini kita dapat pada keseluruhannya untuk semua komoditi 140 – 1 bilion, RM141.2 bilion daripada sektor komoditi untuk tahun ini jika kita bandingkan dengan tahun yang lalu iaitu RM114 bilion. Kita melihatkan peningkatan nilai eksport dengan angka 23%, kenaikannya daripada tahun 2010 jika dibandingkan dengan tahun 2011. Ini disumbangkan daripada kelapa sawit iaitu yang telah menghasilkan iaitu kelapa sawit CPO dan semua yang produk-produk hiliran iaitu semuanya RM83.4 bilion daripada kepala sawit sahaja dan daripada kayu kayan RM19 bilion, daripada getah RM32.4 bilion, koko RM4.2 bilion, lada hitam dan putih RM284 juta.

Jadi semuanya menyumbang kepada 20.3% daripada hasil pengeksporan negara. Jadi sumbangan sektor komoditi ini amat besar sekali Tuan Yang di-Pertua dan saya mengharapkan dalam tahun-tahun yang akan datang kita dapat memperbaiki situasi misalnya jentera-jentera kejenteraan ini, mekanisasi sebagainya dan ini akan dapat mempertingkatkan lagi keluaran kepada eksport negara.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, harga kelapa sawit sekarang sangat tinggi jadi keuntungan semua estet-estet berbilion ringgit dan kebanyakannya dimiliki oleh kerajaan ataupun GLC. Akan tetapi kenapa kadar bayaran untuk pekerja tidak boleh dinaikkan. Jika kadar bayaran tinggi warga tempatan boleh bekerja dan kita tidak perlu bergantung kepada pekerja asing, terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita ingin menunggu apa yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nanti tentang labor. *Minimum wage* iaitu ada satu pengumuman yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya lihat sebahagian besar daripada soalan yang telah dikemukakan ini akan dijawab pada itu. Namun pada keseluruhannya syarikat-syarikat perladangan ini memang mengamalkan satu sikap untuk bersama dengan persatuan-persatuan ataupun *union-union* yang melibatkan dengan MAPA misalnya. Jadi semua yang telah dipraktikkan sekarang ini adalah menurut apa yang telah ditepati dengan janji-janji mereka dengan MAPA dan sebagainya. Jadi, semua ini akan diambil kira dan seperti mana yang saya katakan tadi, saya rasa soalan itu akan terjawab dengan pengumuman yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang *minimum wage* nanti.

4. **Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan status projek-projek perumahan di Pulau Pinang yang berjaya diselamatkan semenjak tahun 2008. Nyatakan nama syarikat penyelamat yang dilantik, jumlah unit serta jumlah perbelanjaan yang terlibat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan selamat sejahtera, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal yang telah pun mengemukakan soalan pagi ini, izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bertarikh hari ini yang berkaitan projek perumahan terbengkalai sekali gus dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat seperti berikut, yang pertama sama juga Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal pada 25 April 2012, yang kedua Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon bertarikh 26 April 2012 dan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar bertarikh 7 Mei 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mulai tahun 2009, pengurusan projek perumahan swasta terbengkalai bagi Semenanjung Malaysia telah pun diletakkan di bawah pengawasan dan tanggungjawab Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi tempoh bagi tahun 2009 hingga 31 Mac 2011 sebanyak 100 daripada projek daripada 167 projek terbengkalai telah berjaya dipulihkan ataupun diselesaikan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 14 projek perumahan swasta terbengkalai telah direkodkan bagi Negeri Pulau Pinang, jumlah ini sebanyak lapan projek melibatkan 3765 unit dan 1579 orang pembeli telah berjaya disiapkan ataupun diselesaikan tanpa menggunakan sebarang suntikan dana kerajaan tetapi dengan kerjasama penuh di antara Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan agensi-agensi kerajaan pusat yang lain.

Lima projek sedang dalam projek pelbagai peringkat pemulihan dan satu projek lagi masih dalam perancangan awal untuk dipulihkan. Oleh yang demikian, saya rasa untuk makluman Yang Berhormat iaitu ada 14 projek yang saya katakan terbengkalai di Pulau Pinang, nampaknya tidak lama lagi semua akan diselesaikan, hanya tinggal satu sahaja di mana Taman Telok Air Tawar masih dalam peringkat awal rancangan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek perumahan terbengkalai *Majestic Heights* Paya Terubung Pulau Pinang, ia masih dalam proses pengambilalihan oleh syarikat baru, buat masa ini pelikuidasi dan syarikat berkenaan masih dalam proses untuk menandatangani perjanjian jual beli yang baru dan oleh sebab itu nama syarikat belum boleh didedahkan lagi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kerajaan memang memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli projek perumahan terbengkalai, kementerian telah pun mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia pelikuidasi swasta bagi membantu memulihkan projek perumahan terbengkalai dan

kementerian saya akan bertindak sebagai media *mediator* bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan pihak berkuasa tempatan, agensi teknikal serta pihak pembiaya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada tahun 2011, kementerian saya diberikan KPI Petunjuk Prestasi Utama untuk memulihkan 30 projek terbengkalai swasta dan kita berjaya memulihkan 32 projek. Pada tahun ini KPI kementerian ialah 35 projek pula dan kita sedang berusaha untuk memulihkan 35 projek sekurang-kurangnya. Bagi memantau dan juga membantu meringankan beban para pembeli, kementerian juga telah pun mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut, yang pertama pengeluaran surat pengesahan projek perumahan terbengkalai kepada pembiaya kewangan atau '*end financial*' bagi unit rumah berkaitan, melalui surat pengesahan ini pihak pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (i) memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan mengurangkan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan;
- (ii) memohon pertimbangan daripada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun KWSP bagi permohonan pengeluaran kali kedua.

■1050

Bagi pembeli yang membuat pinjaman perumahan kerajaan pula, mereka boleh mendapatkan kemudahan sama ada pertimbangan untuk membatalkan pinjaman sedia ada dan diberikan peluang untuk memohon pinjaman baru iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama atau diberikan pertimbangan untuk menangguhkan pengenaan faedah pinjaman pada kadar 4% sepanjang tahun projek dipulihkan ataupun selama lima tahun, manamana yang terdahulu. Walau bagaimanapun, semua perkara di atas ini adalah tertakluk pada penilaian institusi pembiaya ke atas peminjam-peminjam yang berkenaan berdasarkan merit setiap kes. Akan tetapi sekiranya pihak pembiaya tidak memberikan sebarang bantuan atau kerjasama yang sepatutnya, pembeli rumah boleh membuat aduan kepada kementerian dan aduan tersebut akan dipanjangkan ke Bank Negara Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya rasa kaedah ini tidak begitu sempurna sebab didapati banyak institusi perbankan swasta, *private commercial institute, financial institution*, yang memberikan pinjaman tidak begitu rela untuk memberikan pertimbangan pada kes-kes pembeli-pembeli untuk projek terbengkalai swasta. Oleh yang demikian, selepas perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kementerian saya sedang menyediakan satu memorandum dan akan dikemukakan kepada Majlis Ekonomi Negara supaya isu ini dapat diperbincangkan dengan mendalam. Kita masih juga menunggu Bank Negara Malaysia untuk memberikan kepada kita sedikit cadangan bagaimana kita dapat meringankan bebanan para pembeli projek-projek perumahan terbengkalai swasta. Kita masih

menunggulah dan tidak lama lagi kita akan membawa ini kepada Majlis Ekonomi Negara (ECC).

Kementerian juga turut membantu pembeli rumah untuk berbincang dengan pihak pembiaya bagi menyambungkan pinjaman ataupun penambahan jumlah pinjaman setelah pemaju penyelamat telah dikenal pasti dan kerja-kerja pemulihan telah dijalankan. Selain daripada itu juga, langkah-langkah yang terbaru yang diambil oleh saya sendiri sebagai Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu bagi mengelakkan projek perumahan terbengkalai pada masa yang akan datang, kita telah pun membuat pindaan ke atas Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 ataupun Akta 118 pada tahun 2011 yang mana peruntukan-peruntukan ialah di antaranya menaikkan kadar deposit pembinaan sebanyak 3%. Kedua, mengetatkan syarat-syarat pengeluaran lesen baru dan peruntukan ke atas projek perumahan yang bermasalah seperti sakit dan lewat.

Kerajaan juga dalam peringkat perbincangan secara holistik dengan semua penggiat industri yang berkenaan bagi mencari mekanisme pelaksanaan terbaik, sistem bina kemudian jual yang menguntungkan semua pihak. Walaupun sedemikian, ia masih belum lagi diimplementasikan dan kita masih giat dalam perbincangan dengan sesetengah pihak. Kita harapkan pada tahun 2015, kita mencapai satu persetujuan semua pihak mengenai sistem bina kemudian jual. Sekian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu terperinci. Soalan saya, sehingga kini berapakah jumlah pembeli rumah yang terlibat dalam projek terbengkalai ini yang telah diisytiharkan muflis oleh sebab kerana tidak membayar pinjaman bank bagi rumah yang belum mereka miliki. Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal. Daripada segi perangkaan, mungkin agak sukar bagi kementerian dapat sebab ia ini melibatkan begitu banyak institusi kewangan swasta. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat minat, saya akan mencari angka itu dan memberikannya kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan saya berkaitan dengan rumah terbengkalai, ini yang pertama. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk menjadikan kes-kes yang membabitkan pembinaan rumah terbengkalai ini sebagai kes jenayah yang boleh dituduh di bawah penjenayah, mungkin di bawah *fraud* ataupun sebagainya. Kedua, adakah kerajaan dalam usaha untuk memastikan perlindungan kepada pembeli rumah ini akan menggubal satu akta perlindungan pembeli rumah atau memasukkan dalam terma dalam *agreement* untuk memastikan bahawa sekiranya pihak bank masih lagi memberikan ataupun mengeluarkan duit kepada pihak pembiaya dan pihak pemaju, mereka juga akan dikenakan tindakan jenayah. Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz. Mengenai soalan tambahan pertama, buat masa ini memang dengan adanya akta-akta yang sedia ada memang tidak mempunyai peruntukan yang mana pemaju-pemaju jika pemaju dengan sengajanya melarikan wang-wang yang telah pun dibayar oleh para pembeli ataupun melakukan kesalahan dengan sengajanya, kementerian ataupun kerajaan tidak dapat mengambil tindakan tegas terhadap mereka. Hanya nama-nama mereka ini disenaraihitamkan dalam rekod kementerian sahaja.

Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, dengan penggubalan ataupun pindaan akta pada Akta Pemajuan Perumahan yang kita telah pun melalui Dewan Negara yang mana-mana Yang Berhormat pada tahun lepas begitu hebat membahaskan pindaan pada rang undang-undang ini. Kita mempunyai peruntukan yang mencukupi yang mana pemaju-pemaju yang sengaja melakukan kesalahan, mereka ini boleh disiasat dan boleh didakwa di bawah peruntukan dalam akta yang baru.

Malangnya, akta yang baru walaupun diluluskan oleh Parlimen tidak dapat diimplementasikan, tidak dapat dikuatkuasakan lagi sebab kita masih lagi mempunyai dua akta yang mana salah satu akta adalah daripada kementerian yang lain, mengenai pengurusan harta berstrata dan pindaan pada akta strata masih belum dikemukakan dan dibentangkan di Parlimen lagi. So, kita tidak ada pilihan lain kecuali perlu menunggu kedua-dua akta ini diluluskan oleh Parlimen, barulah ketiga-tiga akta ini dapat berjalan dengan serentak. Itu masalah kita. So, kita haraplah mungkin bulan sembilan ini, bukan sayalah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dapat mengemukakan pindaan akta berstrata. Barulah selepas kelulusan, kita dapat menjalankannya, berkuat kuasa. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Ng Fook Heng minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah masalah kekurangan guru di SJK(C) berlarutan begitu lama. Apakah langkah-langkah yang drastik yang akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat sembilan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh isu berkaitan kekurangan guru dan langkah-langkah mengatasinya. Pertanyaan-pertanyaan tersebut ialah pertama, Yang Berhormat Senator Dato' Ng Fook Heng pada hari ini; Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang pada 25 April 2012, 2 Mei 2012 dan 7 Mei 2012; Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon pada 26 April 2012 dan juga 7 Mei 2012; Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam pada 3 Mei 2012; Yang Berhormat Senator Dato' Nalla K.S. pada 8 Mei 2012; dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu pada 8 Mei 2012. Oleh kerana pertanyaan tersebut membangkitkan isu yang sama dan saling berkaitan, izinkan saya menjawab semua pertanyaan secara serentak.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa prihatin terhadap isu kekurangan guru di semua sekolah sama ada di sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan di negara kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah drastik yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran ialah dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas menangani isu kekurangan guru di SJK(C) dan juga SJK(T) yang dipengerusikan oleh kedua-dua Timbalan Menteri Pelajaran sebagaimana yang telah diputuskan oleh mesyuarat Jemaah Menteri dan juga mesyuarat pasca Jemaah Menteri di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia.

■1100

Antara langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi menangani isu ini seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran dalam kenyataan akhbarinya bertarikh 4 April 2012 termasuk yang pertama, sebanyak 1,482 guru interim telah pun diagihkan kepada semua negeri. Manakala bakinya, 392 guru interim dibenarkan dilantik pada 1 April 2012 yang lalu. Guru-guru interim ini akan berkhidmat sehingga pengisian oleh guru terlatih dapat dilaksanakan sepenuhnya dan tertakluk kepada kekosongan sebenar berdasarkan anggaran belanja mengurus perjawatan diluluskan.

Pada 27 Mac 2012, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan surat perlanjutan perkhidmatan guru-guru interim di SJK(C) daripada 31 Mac hinggalah 31 Disember 2012. Bagi melaksanakan agenda tersebut, pihak guru besar SJK(C) boleh mencalonkan guru-guru yang memenuhi syarat dan pelantikan akan dilakukan oleh Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Penempatan guru-guru tetap akan dilakukan berdasarkan bekalan guru daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran iaitu SPP.

Yang kedua, Kementerian Pelajaran juga sedang merangka Program Intervensi Tambah Opsyen atau nama singkatannya PITO untuk guru-guru bukan opsyen BM/BI dan mengajar mata pelajaran selain daripada bahasa Cina lebih daripada lima tahun. Kursus ini dijangka bermula selewat-lewatnya akhir tahun ini supaya tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kerajaan telah mengemukakan perancangan mengikut keperluan di SJK(C) dan mekanisme untuk melatih bukan sahaja guru-guru terlatih dan bahasa Cina tetapi juga penambahan pensyarah-pensyarah pengajian Cina.

Buat masa ini, terdapat 72 orang pensyarah pengajian Cina di Institut Pendidikan Guru (IPG) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. KPM telah bersetuju untuk mengambil 30 lagi pensyarah pengajian Cina bagi mempertingkatkan kapasiti latihan guru. Yang ketiga, sebagai langkah penambahan guru terlatih di SJK(C), Kementerian Pelajaran juga telah menyemak dengan SPP dan mendapati dalam kalangan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari institut pengajian tinggi awam yang telah ditemu duga, terdapat seramai 105 orang yang mempunyai kelayakan BC di peringkat SPM. Oleh itu, kementerian telah bersetuju akan

melantik mereka untuk berkhidmat di SJK(C) dalam tempoh yang terdekat tertakluk kepada kelulusan mereka semasa temu duga dengan SPP. Terima kasih.

Dato' Ng Fook Heng: Terima kasih atas jawapan tadi. Terlebih dahulu saya ingin puji pada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini kerana turut hadir bersama pada 25 Mac – HIMPUN atau 325 yang lalu walaupun dihina dan dikasari. Saya rasa dengan kehadiran Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, pihak-pihak yang tertentu tidak dapat mengeksploitasikan keadaan itu sepenuhnya. Soalan saya, saya difahamkan bahawa guru-guru yang sedang mengajar di SJK(C) yang tidak mahir ataupun tidak fasih, tidak mempunyai SPM bahasa Cina akan dihantar keluar dari sekolah Cina. Adakah ini benar? Kalau benar macam mana pula cari guru lain untuk ganti balik mereka?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa ramai setelah membaca surat khabar akan berasa keliru dengan kenyataan ataupun resolusi tertentu. Apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah lantaran daripada apa yang berlaku, kita telah menyemak resolusi yang telah diluluskan semasa himpunan dan juga kita berpandukan pada lapan perkara yang telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan mendapat *endorsement* daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu tentang langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang akan dibuat oleh kerajaan. Dalam konteks ini, kita berpandukan kepada beberapa faktor.

Yang pertama, keperluan guru ini berdasarkan kepada keperluan secara ikhtisas iaitu maksudnya kalaulah kita melihat di SJK(C), SJK(T) kita faham ada tiga mata pelajaran utama ataupun tiga bahasa utama yang dipelajari. Dalam konteks SJK(C) ialah bahasa Cina, bahasa Malaysia, bahasa Inggeris. Maka, latihan untuk guru-guru ini perlulah bersandarkan kepada keperluan guru berdasarkan bahasa yang diperlukan. Dalam erti kata yang lain, selain daripada subjek BM/BI, subjek lain akan diajar dalam bahasa ibunda. Kalau konteks SJK(T) adalah bahasa Tamil, dalam konteks SJK(C) adalah bahasa Cina. Sekiranya terdapat di mana kalau sebelum itu mungkin begitu ramai sekali, mungkin ada terselit mereka yang tidak ada kelayakan untuk mengajar misalan subjek yang bahasa pengantar utamanya adalah BC atau bahasa Tamil, maka kita kena membuat pembetulan dari segi itu.

Akan tetapi itu tidak bermakna sesiapa yang tidak ada kelayakan bahasa Cina akan terus diusir keluar, tidak. Kita kena berpandukan kepada pandangan ikhtisas di mana *learning outcome* merupakan salah satu faktor yang kita kena ambil kira. Saya bagi contoh, bahasa Inggeris. Kalaulah kita telah melatih graduan kita yang memang mahir dalam *Teaching English as Second Language* (TESL) dan mereka itu boleh mengajar di mana-mana sekolah. Akan tetapi kita tahu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri secara terbuka pun telah mengatakan bahawa ada keperluan. Kalau mereka yang pada usia 7, 8 dan 9 tahun iaitu tahun satu, dua dan tiga, mereka mungkin hendak menguasai bahasa secara mendadak adalah sukar sekali tetapi keperluan dwibahasa itu ada. Bermaksud, kita kena melihat, kita kena gunakan guru opsyen untuk tahap dua iaitu tahun empat, lima dan enam.

Dalam konteks ini, satu garis panduan yang jelas telah dipersetujui oleh kerajaan iaitu baik untuk BM atau BI, guru opsyen itu sepatutnya mengajar tahun empat, lima dan enam tanpa mengira warna kulit kerana kita berdasarkan kepada kepakaran seseorang itu menguasai bahasa tersebut. Ini dalam konteks BM/BI. Jadi, satu formula yang cukup jelas telah diluluskan oleh kementerian, diluluskan oleh Kabinet dan saya rasa kita perlu melihat secara praktikal. Kalau ada mana-mana pihak, saya yakin pihak pembangkang pun tidak akan kata kita hendak usir keluar, kita tidak mahu melihat seorang pun guru bukan Cina di SJK(C), tidak. Oleh kerana kita tidak boleh bersikap *chauvinist*, kita kena lihat di SK ada guru Melayu, guru Cina, guru India, tidak ada masalah.

Begitu juga kalau di SJK(C), kalaulah keperluan itu berdasarkan kepada opsyen dan formula yang telah dipersetujui, saya rasa ini akan mewujudkan satu suasana harmoni. Saya rasa kita dalam satu negara atau masyarakat majmuk, kita kena menerima hakikat ini. Malaysia ini memang pelbagai kaum tetapi berdasarkan kepada keperluan ikhtisas dan bahasa yang diperlukan. Jadi, saya rasa kita mengimbangi keperluan di SJK(C) dengan mengambil kira pandangan dari segi profesional. Saya rasa *learning outcome* itu sangat penting.

Saya bagi contoh sedikit lagi. Kalau Tahun Empat, Lima dan Enam, kita bagi orang yang mengajar dalam dwibahasa untuk bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Akhirnya, apabila masuk Tingkatan Satu, orang ini akan terlalu bergantung kepada dwibahasa dan itu mungkin ada masalah dari segi P&P. Jadi, kita kena mengimbangi. Kalau tahap satu, Tahun Satu, Dua dan Tiga memadai dan bila sampai ke Tahun Empat, Lima dan Enam, kenalah berdikari mempelajari sesuatu bahasa. Itu bukan satu perkara yang aneh sekali. Di negara China, mereka kalau hendak mempelajari bahasa Inggeris, mereka juga mempelawa pakar-pakar daripada luar negeri untuk belajar bahasa Inggeris. Jadi, dalam konteks Malaysia berbeza dan kerajaan mengambil kira faktor-faktor ini. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk, saya difahamkan bahawa pada tahun lepas ada seramai 355 calon yang memohon latihan perguruan menggunakan kelayakan UEC dan cuma 14 sahaja yang melepasi syarat. Jadi, soalan saya ialah adakah yang lain semua tidak memenuhi syarat dan berapa di antara 14 itu berapa ditawarkan latihan dan berapa terima latihan? Sekian, terima kasih.

■1110

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, jumlah yang memohon di bawah kategori UEC adalah 355. Memang betul, tetapi ingin saya mengatakan bahawa mereka ini memohon yang ramainya bukanlah mereka yang dari sekolah menengah persendirian Cina. Bermaksud mereka ini kata, "*Saya tidak berjaya dalam SPM, saya hendak cuba bila ada kekosongan pengambilan KPL SPM atau PSMP UEC, saya hendak cuba nasib saya.*"

Oleh sebab itulah berlakunya pelajar-pelajar daripada SMK, SMJK juga memohon. Dibuat semakan, apabila minta mereka keluarkan bukti mereka ini ada sijil UEC, mereka tidak

boleh kerana mereka tidak dibenarkan mengambil UEC. Di dalam konteks ini, yang memohon itu tidak memberi sebarang makna yang *significant*. Akhirnya selepas kita membuat penapisan, jumlahnya terlalu kecil. Setelah kita membuat temu duga, akhirnya dalam lingkungan belasan orang dan akhirnya yang menerima adalah 14 orang.

Semalam pun saya sudah maklumkan dalam *Twitter* saya di mana Kementerian Pelajaran sendiri telah - untuk Sijil Menengah Agama dan juga UEC. Pengambilan telah dibuka dalam tempoh dua minggu ini. Jadi saya rasa ini adalah pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya berharap kali ini kita dapat menambah atau pun galakkan lebih ramai untuk memohon. Ini kerana saya rasa inilah satu komitmen kerajaan dan saya rasa tahun lalu kita sudah lakukan. Tahun ini kita berharap oleh sebab tahun lalu adalah kali pertama, ini adalah kali yang kedua. Saya menjangkakan mungkin sambutan itu lebih baik daripada tahun lalu. Terima kasih.

6. Dato' Boon Som a/l Inong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah penyelia perkhidmatan pengurusan pepejal yang berdaftar dengan Jabatan Pengurusan Sisa pepejal Negara secara terperinci mengikut negeri. Adakah jumlah yang ada mencukupi untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti di seluruh negara memandangkan ada kawasan seperti di kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar yang merosot mutu perkhidmatannya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong yang telah pun mengemukakan soalan beliau pada pagi ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan pertanyaan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat seperti berikut kerana membangkitkan isu yang sama iaitu mengenai pengurusan sisa pepejal. Mereka ini adalah terdiri dari Yang Berhormat Senator Hajah Rohani binti Abdullah bertarikh 24 Februari yang juga dalam senarai hari ini, nombor yang ke lima belas, Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff yang bertarikh 26 Februari 2012, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi bertarikh 7 Mei 2012 dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat bertarikh 9 Mei 2012.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Yang Berhormat, Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2006. Matlamat utama dasar berkenaan adalah untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal dengan menyeluruh, bersepadu, kos efektif dengan memberi keutamaan kepada pengurangan sisa pepejal melalui 3R (*reduce, re-use and recycle*), rawatan perantaraan dan pelupusan akhir. Antara perkara-perkara yang telah dilaksanakan adalah perwujudan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan juga Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Penggubalan dan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

2007 dan juga menutup sebanyak 16 tapak pelupusan yang tidak *sanitary*, yang telah begitu lama digunakan.

Buat masa ini, jumlah keseluruhan penyedia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang telah berdaftar dengan jabatan ini adalah sebanyak 1,027. Dari jumlah tersebut, penyedia perkhidmatan pemungutan sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa dengan sisa pepejal isi rumah adalah sebanyak 165. Manakala bagi perkhidmatan pengurusan pembersihan awam adalah sebanyak 396. Ini adalah termasuk juga penyedia-penyedia pengangkutan yang mengangkut sisa pepejal.

Kedua, pengitar-pengitar semula yang berada di seluruh negara yang telah pun berdaftar dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal. Jumlah penyedia perkhidmatan pemungutan sisa pepejal di negeri-negeri di mana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam berkuat kuasa buat masa ini adalah mencukupi dan adalah menjadi tanggungjawab syarikat konsesi untuk memastikan perkhidmatan pemungutan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam yang dilaksanakan menepati petunjuk prestasi utama yang dipersetujui di dalam perjanjian konsesi. Sekiranya didapati prestasi atau kualiti perkhidmatan syarikat tidak memuaskan, kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap syarikat berkenaan seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam perjanjian konsesi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, menurut surat perjanjian konsesi, petunjuk prestasi utama (KPI) akan berkuat kuasa pada September 2012 iaitu tahun ini di mana semua tempat-tempat di bawah Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya seluruh negara akan dikuatkuasakan dengan KPI. Maksudnya, setakat ini belum lagi walaupun kementerian melalui pihak penguat kuasa sentiasa menjalankan pemantauan, tetapi untuk KPI dikuatkuasakan, maka kita perlu tunggulah bulan September tahun ini. Berdasarkan pemantauan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, mutu perkhidmatan bagi kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar – Terima kasihlah Yang Berhormat bertanya mengenai Alor Setar. Saya pun Ahli Parlimen Alor Setar juga. Oleh sebab saya tidak mempunyai peluang di dalam Dewan ini bertanya, Yang Berhormat bertanya memang satu perkara yang baiklah.

Bagi pendapat sayalah, perkhidmatan bagi kawasan Majlis Bandaraya Alor Setar masih dalam keadaan baik. Ini dapat dilihat daripada perbezaan penurunan bilangan aduan yang diterima telah menurun dari 113 aduan kepada lima aduan sahaja. Jika dibandingkan dengan bilangan aduan yang terima pada bulan September 2011 dengan Mac 2012 iaitu penurunan hampir 95.6%. Pada setiap minggu saya juga balik kawasan, semasa saya membuat lawatan, saya juga memberi perhatian sedikit untuk melihat persekitaran bandar Alor Setar. Walaupun saya tidak kata 100% memuaskan, tetapi kalau hendak banding dengan aduan-aduan yang diterima dahulu sebelum penswastaaan, memang ada lebih baik lagilah.

Akan tetapi ada juga terdapat beberapa tempat, saya mengaku yang masih lagi tidak sampai ke tahap yang kita rasa membanggakan. So kita perlu sentiasa memantau. Jika Yang Berhormat mempunyai masalah atau pun Yang Berhormat dapati tempat-tempat masih tidak

memuaskan dari segi perkhidmatan oleh syarikat konsesi, jangan lupa beritahu kepada saya dengan secepat mungkin dan saya akan dengan secepat mungkin jugalah mengarah supaya syarikat itu menjalankan tugas seperti yang dikenakan kepada mereka.

Sehubungan dengan ini, bagi memastikan syarikat konsesi dapat memberikan perkhidmatan dengan lebih berkesan, semua lori *compactor* yang digunakan untuk mengutip sisa pepejal milik pihak berkuasa tempatan di negeri-negeri yang menerima penguatkuasaan Akta 672 telah diserahkan milik kepada syarikat konsesi. Kementerian juga secara prinsipnya menyokong cadangan supaya syarikat konsesi dikecualikan cukai import untuk membeli kenderaan-kenderaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Namun ianya tertakluk kepada kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Seperti yang saya jelaskan tadi, menurut surat perjanjian, syarikat konsesi harus mempunyai kenderaan dan *compactor* yang mencukupi, yang baru – bukan hanya guna yang diterima daripada PBT-PBT. Mereka ini perlu beli *compactor* dan kenderaan pengurusan sisa pepejal yang baru. Didapati memang sudah banyak, tiga buah syarikat konsesi ini beli *compactor* yang baru.

■1120

Misalnya, Alam Flora telah pun memperolehi 159 buah *compactor-compactor* yang baru dan SWM Environment Sdn Bhd telah membeli 230 unit dan bagi Environment Idaman Sdn Bhd yang bertanggungjawab di negeri Kedah dan Perlis, telah pun membeli 55 buah *compactor* dan kenderaan baru.

Bagi merealisasikan pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan, tiga langkah telah dan sedang diambil oleh kementerian saya iaitu meningkatkan mutu perkhidmatan kutipan sisa pepejal melalui penguatkuasaan petunjuk prestasi utama mulai September 2012 yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan seragam. Maksudnya, pada tahun ini semua kawasan operasi bawah Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran. Tahun depan pula, dia pergi meliputi kawasan-kawasan di bawah operasi Majlis Daerah. Tahun 2014, baru penuh seluruh negara, KPI akan dikuatkuasakan.

Kedua, mempertingkatkan lagi standard tapak pelupusan dengan membina tapak-tapak pelupusan *sanitary* yang baru. Menaik taraf tapak-tapak pelupusan sedia ada menjadi *sanitary* dan juga menutup selamat tapak-tapak pelupusan tidak *sanitary* yang telah mencapai kapasitinya terutamanya yang terletak di kawasan sensitif seperti kawasan tadahan di Muka Sauk.

Ketiga, meneroka kaedah-kaedah rawatan yang lebih canggih, mesra alam dan kos efektif seperti pembinaan *incinerator* dan juga MRF dan lain-lain teknologi yang baru, seperti kita telah pun membina lima buah *incinerator* kecil tidak melebihi 100 tan di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Wilayah Persekutuan Labuan, Cameron Highlands dan Pulau Tioman.

Saya harap rakyat kita boleh terimalah sebab saya difahamkan pada pagi ini saya berada di Dewan untuk menjawab soalan, didapati ada satu kumpulan yang tidak bersetuju

dengan kaedah membina *incinerator* di negara ini akan datang dekat pejabat saya untuk menyerahkan memorandum tidak bersetuju mengenai *incinerator*. Akan tetapi saya harap dengan kempen-kempen dan publisiti-publisiti yang akan dijalankan oleh kementerian saya, kita harap rakyat dapat menerima.

Ini kerana kalau kita buat perbandingan Malaysia dengan negara-negara maju di rantau ini seperti Singapura, Hong Kong, dan Jepun, semua negara telah pun memasuki fasa yang lebih canggih menggunakan teknologi mesra alam. Akan tetapi, teknologi yang canggih untuk menguruskan sisa-sisa pepejal, kita tidak boleh sentiasa mengorek lubang dan kambus sampah-sampah sarap di negara ini sahaja.

Walaupun kita telah pun meng^u*grad*ekkan supaya tapak pelupusan dari *dumb side* yang biasa ke satu tapak pelupusan yang *bersanitary* tetapi kaedah ini masih seperti korek lubang, kambus sampah sarap. Ini satu teknologi yang lamalah dan walaupun kita masih hendak guna juga tetapi kita jangan lupa teknologi-teknologi yang canggih, terkini yang diguna pakai oleh negara-negara maju harus juga boleh diberi pertimbangan oleh kita sekarang.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan yang amat memuaskan. Bagi soalan tambahan saya, saya ingat kalau ada Menteri Kabinet macam beliau, masalah Kerajaan Barisan Nasional tidak lagi ada masalah, *renewable for* Barisan Nasional... [*Tepuk*] Semuanya terjawab. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Oleh kerana soalan asal saya ialah berkaitan dengan *compactor*, jadi saya merujuk kepada soalan yang sama.

Jadi setakat ini mengikut rekod kerajaan, untuk semua PBT seluruh negara, berapakah jangka hayat bagi *compactor-compactor* yang boleh digunakan? Kedua, tadi dimaklumkan bahawa cadangan untuk mengecualikan ini bergantung kepada Kementerian Kewangan. Setakat ini berapakah jumlah cukai yang terkumpul oleh pihak kerajaan dalam kes membabitkan *compactor*? Adakah jumlah cukai ini terlalu besar sehingga tidak boleh dikecualikan? Apakah strategi oleh pihak kerajaan untuk *compactor* ini bagi menjayakan misi untuk *recycle* bagi kitar semula? Ini kerana kita tengok sekarang ini kalau mereka ambil, sekali gus sahaja. Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, terima kasihlah. Kalau saya *renewable*, Yang Berhormat pun *renewable* jugakan.

Terima kasih kepada Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw sebab negeri Kelantan walaupun di bawah pemerintahan kerajaan pakatan tetapi mereka ini rasa ini adalah kaedah yang cukup baik dari segi pengurusan sisa pepejal telah pun menyertai Skim Pengurusan Sisa Pepejal di mana Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang telah terima

konsep penswastaan di negeri Kelantan. Buat masa ini dalam, orang kata sebelum secara rasmi menerima, kita telah pun menjalankan percubaan di negeri Kelantan.

Mengenai *compactor*, pada lazimnya sesebuah *compactor* hanya boleh tahanlah, *shelf life*, di mana boleh guna selama tidak melebihi 12 tahun. Akan tetapi bagi PBT-PBT, memang oleh sebab masalah kewangan, melebihi 12 tahun pun dia guna lagi dan sentiasa di masuk *workshop* sahajalah. Hendak buat macam manakan sebab begitu banyak PBT dan bukan PBT agak kaya raya seperti DBKL ataupun di sesetengah PBT di negeri Johor. Di Kedah, di negeri Kelantan itu memang saya faham oleh kerana masalah kewangan, maka banyak *compactor* masih digunakan.

Bagi syarikat konsesi yang ingin beli banyak *compactor* ini, setakat ini mereka ini tidak dapat lagi pengecualian dari kerajaan. Kita masih membuat representasi membantu supaya ketiga-tiga buah syarikat ini dapat pengecualian dari *tax* kalau hendak beli *compactor-compactor* yang baru. Ini memang penting sebab kalau pengecualian tidak diberikan, maka sebuah *compactor* ini termasuk dengan cukai-cukai akan menjadi lebih mahal dan ini menjadi satu beban kepada tiga buah syarikat konsesi walaupun penswastaan ini dianggap sebagai satu skim perniagaan. Walau bagaimanapun, ini adalah satu masalah yang cukup berat bagi tiga buah konsesi dan kita sedang untuk membantu mereka.

Soalan lain itu apa dia? Saya sudah lupa pula.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Tentang *recycle* tadi.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Salah satu pendekatan kerajaan untuk menguruskan sisa pepejal di negara ini adalah seperti yang diamalkan oleh negara-negara maju iaitu 3R yang saya sebutkan, *re-use*, *reduce* dan *recycle*.

Setakat ini, sebagai satu pengetahuan umumlah, rakyat kita masih tidak begitu mementingkan 3R walaupun kesedaran di kalangan rakyat agak tinggi mengenai 3R itu. Akan tetapi apabila sampai amalan itu, susah rakyat kita, sebab rakyat kita terlalu bertuahlah orang kata, yang tinggal di negara ini sebab kita tidak mempunyai masalah banyak dan apa yang masih boleh diguna kita buang sahaja seperti botol-botol, *can* semua ini kita boleh jual di negara-negara yang lebih mundur, negara-negara yang lebih miskin. Rakyat mereka ini menggunakan semua selepas guna boleh dijual. *That means to say that from trash to cash*. Akan tetapi, rakyat kita lebih *lucky*lah, bertuah dan tidak perlu.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan sedang menjalankan kempen ini dengan hebat dan tidak lama lagi kita akan memperhebatkan lagi kempen-kempen iaitu *recycle*, *re-use*, dan *reduce*.

■1130

Baru-baru ini Kerajaan Pusat telah pun dapat pertolongan dari seorang bintang filem terkemuka Malaysia, Cik Maya Karin yang telah turut bersama-sama dengan kementerian menjalankan kempen-kempen disiarkan melalui Astro, betapa pentingnya 3R ini. Kita masih memerlukan banyak masa untuk berjaya menjalankan kempen 3R ini. Kita bagi rakyat kita satu

masalah tempoh tiga tahun untuk mencapai kesedaran yang tinggi dan amalan 3R ini dapat diperhebatkan hingga satu tahap barulah kita menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di akta yang telah pun diluluskan iaitu kalau lain kali rakyat kita tidak mementingkan 3R, dia buang sampah sarap sewenang-wenangnya, kita mempunyai hak untuk menyaman mereka ke mahkamah. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Paul Kong Sing Chu minta Menteri Pelajaran menyatakan apa tindakan yang diambil oleh kementerian mengenai masalah lalu lintas di kawasan sekolah yang menjadi semakin teruk kerana jalan-jalan dihalang oleh kenderaan-kenderaan yang menghantar dan menunggu murid-murid.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pelan sirkulasi lalu lintas di dalam sekolah memang di bawah jagaan pentadbir sekolah. Maka semua guru besar dan pengetua, mereka ini diberi tanggungjawab untuk menyediakan pelan sirkulasi di dalam kawasan sekolah. Akan tetapi disebabkan ada sekolah yang tidak mempunyai ruang yang cukup, lazimnya kenderaan itu tidak dibenarkan masuk ke kawasan sekolah. Sekiranya untuk kawasan yang mempunyai ruang yang besar, mereka akan menyediakan *pick up and drop out point* kepada mereka yang masuk ke kawasan tertentu di dalam sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat, kawalan keselamatan lalu lintas di luar kawasan sekolah adalah tertakluk kepada bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT). Dalam hal ini, pihak sekolah boleh mendapatkan kerjasama dengan pihak PBT yang berkaitan untuk membantu menguatkuasakan sesuatu peraturan tertentu di luar kawasan. Walau bagaimanapun dalam hal ini, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang terlibat iaitu Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pihak berkuasa tempatan bagi mendapatkan pandangan berhubung perkara ini.

Susulan daripada itu, Kementerian Pelajaran telah pun menyediakan kertas cadangan bagi menambah skop tugas pengawal keselamatan sekolah sebagai pegawai lintasan sekolah iaitu PLS oleh Syarikat Kawalan Keselamatan Sekolah untuk melaksanakan kawalan lalu lintas kepada murid di sekolah yang berisiko tinggi dari segi kemalangan jalan raya atau sekolah yang berada berhampiran jalan raya. Kertas tersebut sedang diteliti oleh pihak-pihak berkaitan sebelum diangkat ke Jemaah Menteri bagi tujuan kelulusan dan pelaksanaan di sekolah-sekolah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, sebenarnya apabila berlakunya masalah lalu lintas di luar kawasan sekolah, ianya apabila menjadi teruk kadangkala berkisarkan kepada sikap pemandu itu sendiri yang tidak sabar-sabar di mana waktu kemuncak itu memang dikhaskan, waktu yang sama sesiapa sampai dulu terpaksa beratur. Apabila ada pihak yang memotong *queue* dengan secara sewenang-wenangnya, itu yang menyebabkan kenderaan hendak masuk tidak boleh, hendak undur pun tidak boleh. Itulah menyebabkan kesabaran diuji. Jadi, saya rasa ini antara faktor yang menyumbang dan oleh kerana ianya hanya berlaku ketika sesi kita hendak hantar anak ke sekolah dan juga mereka pulang dari sekolah. Jadi saya rasa dengan adanya pelan ataupun *management plan* yang cukup baik, ianya dapat diatasi dengan baik. Terima kasih.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah adakah perancangan dan tindakan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menempatkan pengawal trafik sepenuh masa untuk membantu menyelia dan mengawasi keselamatan warga sekolah. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana dalam jawapan asal saya, kita memang dalam proses mengangkat kertas ini untuk memurnikan satu kertas di mana kita hendak wujudkan pengawal lintasan sekolah oleh Syarikat Kawalan Keselamatan Sekolah. Mereka ini diberi tanggungjawab untuk melaksanakan sebagai *traffic warden*, itu yang pertama. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi data, apa yang saya dapati ialah kalau kita lihat dari segi jumlah pelajar-pelajar yang datang ke sekolah. Lazimnya mereka datang ke sekolah bukan semuanya berjalan kaki, 38% ini yang menghantar mereka ke sekolah ialah kenderaan ibu bapa. Jadi 38%, mereka tidak perlu melintas jalan.

Kedua, kalau kita lihat dari segi pejalan kaki, ianya hanya 20%, berbasikal 10.5%, motosikal 3.58%, bas sekolah 26.83%. Kalau kita lihat data ini, kita kena buat satu perancangan yang cukup rapi. Melintas itu adalah satu perkara, pertama, untuk membolehkan mereka menaiki bas. Keselamatan pelajar perlu kita jaga, itu yang pertama. Kedua, adakah kita mewujudkan, mempunyai ruang yang cukup luas untuk kita mengambil pelajar di tempat tertentu supaya mereka ini tidak terdedah kepada risiko kemalangan. Itu perlu kita lihat. Bagaimana dengan mereka, di mana disambut oleh ibu bapa, mesti ada tempat khas untuk menunggu dan biarlah pelajar itu dibawa keluar oleh ibu bapa. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya membenarkan kereta masuk dan mereka ini terus diambil macam itu kerana keselamatan pelajar kadangkala masalah keluarga juga menyebabkan ibu atau bapa berebut-rebut untuk bawa anak.

Jadi kita kena lihat dari segi keselamatan pelajar itu sendiri. Kalau mereka melintas secara fizikal, sudah ada cadangan. Oleh kerana ini perlu dibawa kepada Jemaah Menteri, masih belum lagi mendapat kelulusan. Jadi ini dalam peringkat perancangan untuk kita angkat dan sekurang-kurangnya kita memastikan mereka yang melintas jalan raya ini diberi perlindungan semaksimum mungkin. Terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkaitan dengan masalah lalu lintas di kawasan sekolah ini. Kita lihat banyak gerai jualan yang menjual jajan, minuman di sekeliling kawasan sekolah ini. Contohnya makanan ringan serta barang mainan yang tidak sihat untuk kanak-kanak dan juga minda pelajar itu sendiri. Jadi soalan saya, kenapakah tiada tindakan diambil terhadap mereka. Sejauh manakah kuasa kementerian dalam hal ini dan kenapakah mereka masih dibenarkan meniaga di kawasan sekolah walaupun ada papan tanda dilarang menjaja di kawasan bahu jalan sekolah yang menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator, satu soalan yang cukup baik. Saya ingin mengatakan kalau kita menyemak undang-undang yang sedia ada. Kementerian Pelajaran kita hanya mempunyai kuasa di mana kompaun dalam sekolah itu kita boleh ambil tindakan. Di luar daripada kompaun sekolah, kita tidak mempunyai *jurisdiction* ataupun bidang kuasa yang membolehkan kita mengambil tindakan terhadap mereka. Apa yang boleh dilakukan oleh kementerian ataupun pihak sekolah ialah kita akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan terpulanglah kepada Bahagian Penguatkuasaan PBT untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menjalankan perniagaan atau menjaja secara haram. Itu tanpa lesen, itu pertama.

Kedua, demi mengatasi masalah sebegini, mesti dilihat dari dua perspektif. Penguatkuasaan undang-undang itu tidak dapat mengatasi sepenuhnya kerana tabiat membeli makanan itu adalah sebahagian daripada pendidikan kita. Jadi sebab itulah semalam pun Yang Berhormat Menteri Kesihatan lancarkan satu program. Kita hendak memberi pendidikan tentang penjagaan kesihatan kanak-kanak itu sendiri. Kalau mereka tidak makan barang-barang manis di sekolah, kita juga memaklumkan kepada mereka apa risikonya.

■1140

Kalau kita beli aiskrim yang di luar atau makanan yang baunya mungkin sudah lari, kita perlu minta atau kita memberikan pendidikan yang kita minta mereka hidu dan rasa. Apabila mereka menghidu sesuatu yang tidak kena mereka tidak beli ataupun kalau makanan itu tidak ada khasiat, terlalu tinggi karbohidrat, ini juga akan memudaratkan pelajar itu. Jadi kami dengan cara yang lebih teratur melalui pendidikan kesihatan, kita dapat maklumkan pelajar-pelajar supaya mereka mempunyai kesedaran untuk tidak membeli. Menyekat itu mungkin satu perkara yang boleh dilakukan tetapi yang lebih baik secara mutlaknyalah ialah dengan pendidikan.

Jadi kita gunakan dua pendekatan. Bukan kata kementerian tidak hendak ambil tindakan tetapi bidang kuasa kita terhad. Hanya di dalam kawasan sekolah. Sesiapa yang masuk kawasan sekolah kita boleh mengambil tindakan mencero boh sekolah tetapi di luar sahaja. Mereka memang pandai kalau menjual aiskrim itu memang tidak dalam kawasan sekolah tetapi mungkin dalam lingkungan 50 meter daripada pagar sekolah. Itulah yang menyebabkan kadangkala sambil menunggu bas, itu yang menjadi masalah dan mereka ini ada kesempatan untuk menjual barang-barang yang kurang sihat. Terima kasih.

8. **Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Kesihatan menyatakan, status pelaksanaan dan implementasi Skim Kesihatan Nasional 1Care yang telah menerima tentangan hebat daripada masyarakat umum akibat daripada kekurangan maklumat dan komunikasi mengenai pelaksanaan program ini daripada pihak kementerian.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang di atas soalan yang dikemukakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan empat soalan yang lain menyentuh isu berkaitan 1Care iaitu pertanyaan daripada Dato' Mustafa Kamal bertarikh 25 April 2012, Dr. S. Ramakrishnan bertarikh 26 April 2012, Puan Chew Lee Giok bertarikh 3 Mei 2012 dan Datuk Paul Kong Sing Chu bertarikh 10 Mei 2012 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk membangunkan sistem kesihatan negara supaya ianya turut maju seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Kertas konsep 1Care adalah satu cadangan jangka panjang yang sedang dikaji oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Cadangan 1Care ini bertujuan untuk mengukuhkan sistem kesihatan supaya semua rakyat Malaysia dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi serta dapat diakses oleh semua.

Dari tahun 2009 hingga tahun 2011, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan sebanyak 56 perbincangan, bengkel, seminar, persidangan dan forum melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan atau pun *stakeholders* dengan izin, untuk mengkaji cadangan ini dengan lebih terperinci. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan masih belum ada sebarang keputusan yang muktamad yang dibuat mengenai model sistem kesihatan ataupun opsyen yang akan diguna pakai untuk negara ini. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa bersikap positif, terbuka dan telus untuk mendengar idea-idea dan cadangan-cadangan bernas dari semua pihak. Untuk tujuan tersebut Kementerian Kesihatan terkini sedang mengadakan Siri Jelajah *Public Engagement* Kajian Sistem Kesihatan Malaysia. Pelancaran siri jelajah ini telah diadakan pada 31 Mac 2012 di Institut Pengurusan Kesihatan Kuala Lumpur yang telah dihadiri seramai 257 orang. Siri jelajah berikutnya ialah pada 28 April 2012 di Johor Bharu dan seterusnya ia akan diadakan di negeri-negeri lain mengikut kesesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, cetusan idea dan cadangan daripada rakyat serta pihak-pihak yang berkepentingan ini akan dianalisa dan seterusnya bersama dengan fakta yang lain akan diambil kira oleh Jawatankuasa Teknikal di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia bagi

membangunkan *blueprint* sistem kesihatan yang lebih saksama, berkualiti tinggi dan lestari. Jawatankuasa Teknikal berkenaan dijangka akan melengkapkan penyediaan *blueprint* ini menjelang tahun 2014 dan *blueprint* tersebut akan dikongsi dengan rakyat, pihak-pihak berkepentingan sebelum ianya dibentangkan kepada kerajaan untuk pertimbangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita *search internet* dengan tajuk Kesihatan Nasional 1Care, kita akan dapati banyak yang di depan ini semua komen yang negatif. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan tuduhan-tuduhan yang kita nampak di *internet*. Misalnya apakah sumber-sumber kewangan yang akan membiayai skim ini? Adakah pesakit itu diberikan kebebasan untuk memilih doktor ataupun klinik dan adakah had kos rawatan yang dibenarkan setiap tahun? Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Seperti yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat, memang benar ramai ataupun beberapa pihak telah mengambil kesempatan di atas pelaksanaan ataupun perbincangan mengenai isu ini di mana banyak tuduhan-tuduhan yang tidak rasional telah dilemparkan kepada kementerian mengenai isu 1Care. Namun pihak kementerian ingin menyatakan dengan tegas Yang Berhormat bahawa tidak ada lagi cadangan atau sistem yang dibangunkan di bawah 1Care ini kerana perkara ini masih lagi di peringkat perbincangan dan di mana juga kita di peringkat kementerian mendapatkan idea-idea ataupun cadangan-cadangan daripada pelbagai pihak.

Oleh daripada itu Yang Berhormat, untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai apakah sumber kewangan dan kebebasan untuk memilih sama ada mendapat rawatan di klinik, hospital ataupun melalui doktor-doktor yang tertentu. Juga had kos itu Yang Berhormat, kita masih tidak dapat dijawab ketika ini kerana perkara itu masih baru dan masih diperincikan. Kita masih dalam proses untuk mendapatkan cadangan-cadangan ini dan kita belum bangunkan apa-apa lagi Yang Berhormat.

Seperti yang saya nyatakan tadi di peringkat kementerian kita mempunyai *technical team* dengan izin, yang akan membangunkan *blueprint* dan *blueprint* itu akan disediakan hanya pada tahun 2014 Yang Berhormat seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi dalam tempoh jangka masa ini kita masih menerima cadangan-cadangan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu sahajalah soal-soal lisan yang kita buat pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.”
[23 April 2012]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat masih lagi belum selesai ucapan Yang Berhormat, saya benarkan Yang Berhormat menyambung dalam masa sepuluh minit Yang Berhormat. Dipersilakan.

11.48 pg.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk menyambung Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Semalam terakhir saya menyentuh tentang isu pembantu rumah khususnya pembantu rumah Indonesia.

Berhubung dengan isu ini saya ingin mendesak agar kementerian berdiri teguh dengan keputusan awal iaitu gaji minimum pembantu rumah RM600 sebulan dan boleh melakukan beberapa tugas seperti menjaga anak atau orang tua di samping memasak dan mengemas rumah. Ini adalah demi kepentingan 4.5 wanita yang berkerjaya di Malaysia. Janganlah kita jadi Tuan Yang di-Pertua, kera di hutan disusukan, anak sendiri kelaparan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan tentang cadangan untuk menubuhkan Institut Pembantu Rumah Malaysia bagi melatih rakyat Malaysia sebagai pembantu rumah sedikit masa dahulu oleh Kementerian Sumber Manusia. Cadangan ini pada asasnya telah dipersetujui oleh kerajaan. Bagaimana pun cadangan ini nampaknya macam berkubur sahaja dan tiada tindakan alternatif telah diambil bagi merealisasikan negara mengeluarkan pembantu rumah sendiri.

■1150

Baru-baru ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menyatakan hasrat untuk memperkenalkan program khusus...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Adullah: Boleh saya minta laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Dato' Zaitun binti Mat: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Adullah: Saya tertarik sangat dengan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat benarkan?

Dato' Zaitun binti Mat: Ya, benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Adullah: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma begini, saya tertarik sangat dengan rujukan Yang Berhormat terhadap Institut Latihan Pembantu Rumah, Yang Berhormat sebutkan itu tadi tetapi saya terus terang sahaja sewaktu menteri menjawab semalam, saya rasa kecewa sangat dengan sikap sudah gagal sekali itu seakan-akan tidak ada *follow-up*. Jadi seakan-akan tidak ada keseriusan, minta maaf pihak Menteri, tidak ada keseriusan pihak kementerian berkenaan dalam mencari alternatif terhadap pembantu rumah itu.

Saya beri contoh kalau boleh *elaborate* sedikit Tuan Yang di-Pertua, di salah satu masjid, saya tidak perlu beritahu masjid mana ada usaha daripada ahli lembaga jemaah masjid itu untuk mengumpulkan orang sekeliling untuk memberi latihan di dalam masjid. Jadi ertinya kalau usaha melatih ini dilakukan dengan serius, *insya-Allah* ia akan berjaya. Kalau tidak 100%, 70% boleh berjaya tetapi saya nampak kementerian tidak ada keseriusan dalam memberikan latihan itu. Terima kasih.

Dato' Zaitun binti Mat: Saya setuju Yang Berhormat. Itu sebab saya bawa hari ini. Okey, memperkenalkan program khusus untuk melatih warga tempatan menjadi pembantu rumah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Saya percaya majikan yang berminat untuk mendapatkan pembantu rumah tempatan tidak keberatan untuk menanggung sebahagian kos kursus yang sedang diikuti oleh pembantu rumah warga tempatan ini berbanding terpaksa mengeluarkan bayaran yang tinggi untuk mendapatkan khidmat pembantu rumah warga asing.

Dalam hubungan ini, saya mencadangkan agar kerajaan memartabatkan profesion pembantu rumah sama seperti profesion dalam bidang hospitaliti lainnya. Saya yakin, ramai gadis-gadis Malaysia di luar bandar dan di pedalaman yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang ini jika kerajaan mampu memberikan jaminan kerjaya pembantu rumah seperti simpanan KWSP, PERKESO, perubatan dan sebagainya. Dalam menuju negara maju, kerajaan turut perlu mengambil berat bagi melahirkan pembantu rumah sendiri melalui kursus khas bagi mengelakkan kebergantungan kepada pembantu rumah warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang iklan di televisyen dan radio yang gagal mematuhi peraturan serta sensitiviti kehendak pengguna Islam. Kaji selidik menunjukkan peratusan iklan produk makanan, minuman dan barang kegunaan yang mempamerkan logo pengesahan halal Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) di televisyen masih rendah iaitu sekitar

28% sahaja. Bagaimanapun, setelah penelitian dibuat, hanya 7% sahaja yang berstatus halal. Ini bermakna sebanyak 65% produk makanan, minuman dan barang kegunaan yang diiklankan di televisyen didapati tidak memberikan maklumat yang jelas tentang statusnya kepada pengguna Islam di negara ini.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mendesak kerajaan supaya mewujudkan akta yang mewajibkan setiap iklan di televisyen terutama produk makanan dan minuman supaya mempamerkan logo halal. Selain itu saya ingin juga mendesak kerajaan supaya produk yang tidak jelas statusnya perlu disekat daripada disiarkan di media masa bagi memastikan pengguna tidak terus tertipu oleh pengiklan.

Berhubungan dengan produk halal, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung prestasi eksport produk halal Malaysia yang meliputi makanan dan farmaseutikal bagi tahun 2011 dan jangka perkembangannya bagi tahun 2012 serta nyatakan bilangan syarikat dalam industri halal. Saya juga ingin mendapat penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi memantapkan industri produk halal negara.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan menjunjung kasih Titah Yang di-Pertuan Agong saya ini adalah merupakan ucapan yang terakhir di Dewan Negara yang mulia ini kerana tempoh perkhidmatan saya akan berakhir pada 27 April 2012 ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Diraja Haji Adnan Yaacob, Menteri Besar Pahang yang telah memberi kepercayaan melantik saya untuk mencurahkan bakti sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini dari 27 April 2009 hingga saat ini.

Saya juga ini menyampaikan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Abu Zahar yang telah memberi bimbingan, panduan, sokongan dan dorongan semasa saya menjadi Ahli Dewan Negara ini. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan semua Ahli Dewan Negara ini yang telah memberikan kerjasama. Semoga segala usaha murni dan pengorbanan semua Ahli Dewan Negara akan mendapat balasan yang baik daripada Allah SWT.

Saya doakan agar Malaysia sentiasa menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Saya akhiri ucapan saya dengan pantun Tuan Yang di-Pertua.

Kain batik, kain basahan,

Cantik coraknya lukisan tangan,

Ucapan terakhir tanda perpisahan,

Jauh di mata di hati jangan.

Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat. Saya dengar itu pun sayu. Sebenarnya saya juga mewakili semua Ahli-ahli Dewan Negara yang ada pada masa kini ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas segala pengorbanan, bakti Yang Berhormat yang telah ditunjukkan semasa Yang Berhormat menjadi Senator di Dewan Negara ini. *Insyaa-Allah*

saya berharap Tuhan akan memberi kesihatan dan kebajikan kepada Yang Berhormat sekeluarga pada masa-masa akan datang.

Seterusnya saya persilakan untuk sambung Titah Ucapan Diraja ini. Saya ingin menasihatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat sila kemukakan nama-nama yang ingin berucap dalam sesi pada hari ini ataupun esok untuk memudahkan saya buat satu perancangan masa dan setakat ini saya terima hanya enam orang sahaja. Sila kemukakan khususnya kepada Yang Berhormat yang baru dilantik sebagai Senator. Kita hendak dengar *your maiden speech* dengan izin. So jangan segan silu, Yang Berhormat terpaksa dan sedia menunjukkan bakat Yang Berhormat untuk permulaan berkhidmat di Dewan Negara ini. Sekian terima kasih.

Saya persilakan seterusnya Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff untuk memberi ucapan. Dipersilakan.

11.58 pg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dahulukan dengan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ke-12 dan saya juga Tuan Yang di-Pertua mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan takziah kepada keluarga sahabat saya mendiang Senator Datuk P.K. Subaiyyah yang saya telah kenal beliau lebih daripada 20 tahun walaupun kami mempunyai pandangan politik yang berlainan namun persahabatan tidak bisa memisahkan saya dengan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi ada beberapa *pillar* atau tiang yang perlu kita pelihara untuk memastikan agar amalan demokrasi tersebut berjalan dengan baik seperti yang diharapkan oleh seluruh rakyat di negara ini. Tiang atau tonggak yang dimaksudkan ialah Institusi Peguam Negara dan Institusi Polis Diraja Malaysia.

■1200

Baru-baru ini bekas Pengarah Siasatan Polis Diraja Malaysia iaitu Dato' Ramli Yusof serta diikuti pula oleh bekas Ketua Siasatan Jenayah Kuala Lumpur telah mendedahkan atau mendakwa terdapat tentang salah laku yang membabitkan pemegang jawatan utama iaitu Peguam Negara dan juga bekas Ketua Polis Negara. Dakwaan ini adalah berat dan serius kerana ia membabitkan keyakinan rakyat terhadap integriti kedua-dua institusi ini. Aduan yang bersabit dengan salah laku ini lebih mengejutkan kita kerana ia melibatkan dakwaan melindungi ketua-ketua yang terlibat dengan aktiviti jenayah termasuklah yang membawa kepada hukuman buang daerah.

Data atau maklumat tentang perkara ini telah diketahui umum Tuan Yang di-Pertua dan saya memohon agar Kementerian Dalam Negeri memberi satu penegasan tentang pendirian kerajaan dalam menangani dakwaan ini. Perkara ini adalah penting atas alasan bahawa

kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan dua institusi ini akan menjadi prasyarat kepada perjalanan proses demokrasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya memohon untuk menyentuh sedikit berkenaan dengan *airport tax* yang sekarang ini disebut sebagai *passenger service charge* yang dikenakan ke atas penumpang-penumpang penerbangan AirAsia. Pada masa ini *fees* yang dikenakan ialah RM6 bagi penerbangan domestik dan RM32 bagi penerbangan antarabangsa melalui LCCT. Kebanyakan penumpang mengeluh berikutan proses kutipan PSC ini yang dilihat tidak telus dan membebaskan penumpang. Mengikut peraturan yang ditetapkan, sekiranya penumpang membatalkan penerbangan mereka, mereka tidak perlu membayar *passenger service charge* yang selama ini dibebankan kepada penumpang termasuklah mereka yang membatalkan penerbangan.

Persoalan saya di sini, mengapakah kerajaan membenarkan AirAsia untuk mengutip *passenger service charge* ini. Sepatutnya bayaran ini dibayar terus kepada Malaysian Airport Holdings dan bayaran tersebut hendaklah menggunakan satu mekanisme yang lebih berkesan daripada dibayar melalui AirAsia. Kerajaan harus meneliti supaya prosedur ini yang hanya membenarkan keuntungan kepada AirAsia dan bukannya Malaysian Airport Holdings. Justeru itu, saya memohon dalam Dewan yang mulia ini agar kerajaan menyatakan jumlah kutipan PSC yang telah dikutip oleh AirAsia sejak beroperasi dan jumlah yang telah dibayar kepada Malaysian Airport Holdings dan bagaimana pula bayaran yang telah dikutip dari mereka yang membatalkan penerbangan. Adakah bayaran PSC ini *direfund* atau dikembalikan kepada mereka yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya menarik perhatian Dewan ini adalah atas kenyataan yang telah dibuat sebelum ini oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala, Menteri yang bertanggungjawab ke atas PEMANDU yang menyatakan bahawa Malaysia boleh bankrap menjelang 2019 sekiranya negara kita tidak mengubah cara berbelanja dan mengurangkan pergantungan subsidi. Akan tetapi dalam media baru-baru ini beliau telah berpendapat bahawa risiko-risiko yang beliau sebutkan terdahulu semakin berkurangan kerana menurut beliau pada keseluruhannya prestasi kewangan negara kita ini telah bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya rakyat sekarang mempunyai banyak sebab untuk merasa risau akan keadaan kewangan negara sekarang ini berbanding pada Mei tahun 2010 apabila Yang Berhormat Senator Dato' Sri Idris Jala pada masa itu membuat kenyataan yang cukup membimbangkan kita. Kalau kita melihat perbelanjaan ke atas subsidi telah meningkat dari RM23.1 bilion pada tahun 2010 kepada RM32.8 bilion pada tahun 2011. Perbelanjaan ke atas subsidi gula sebenarnya telah bertambah dua kali ganda iaitu daripada RM262 juta kepada RM567 juta walaupun harga gula sedunia telah menurun. Perbelanjaan pengurusan kerajaan pula telah bertambah pada kadar 18.9% dari tempoh 2010 sehingga 2011 berbanding dengan peningkatan hasil pendapatan dalam sekitar 14.9%.

Dalam tempoh yang sama, perbelanjaan pengurusan ini akan bertambah dengan lebih pesat di bawah skim gaji baru yang telah disemak dan diubah. Menurut sesetengah laporan, keadaan tersebut akan menambah perbelanjaan kerajaan dalam sekitar RM6 bilion setahun. Keadaan tersebut belum lagi mengambil kira peningkatan dalam liabiliti yang telah disebabkan oleh pengeluaran bon-bon oleh syarikat prasarana untuk membiayai projek lanjutan LRT serta bon-bon yang telah dikeluarkan oleh syarikat MRT untuk membiayai projek MRT yang sehingga kini merupakan satu infrastruktur awam yang paling besar dalam sejarah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita melihat pertumbuhan ekonomi negara pada sekitar 5.1% iaitu kadar yang berada di lapisan bawah, di bawah anggaran kadar pertumbuhan 5% hingga 5.5% yang dibuat oleh kerajaan. Kadar pertumbuhan ini telah berada di bawah 6% sebagaimana yang ditetapkan oleh PEMANDU. Sebahagian besar penubuhan ini adalah didorong oleh peningkatan dalam belanjawan kerajaan dan aktiviti-aktiviti kerajaan. Sebagai contoh, penggunaan kerajaan telah meningkat sebanyak 16.8% pada tahun 2011 berbanding dengan kenaikan 6.9% dalam penggunaan sektor swasta. Pada jangkaan yang masa yang sama, *output* sektor perkhidmatan kerajaan bertumbuh sebanyak 11.6% berbanding dengan hanya 4.5% dalam sektor pembuatan dan 6.8% untuk keseluruhan sektor perkhidmatan.

Pertumbuhan ekonomi yang diketuai oleh kerajaan sebegini jelas tidak mapan untuk jangka masa yang panjang kerana pertumbuhan dalam sektor swasta yang sebenarnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pendapatan hasil daripada cukai. Dalam erti kata lain, keadaan kewangan awam negara telah bertambah buruk dalam tempoh satu setengah tahun yang lalu tanpa apa-apa kesan peningkatan dalam pandangan penumbuhan ekonomi negara walaupun adanya program transformasi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat yang saya ingin sentuh sedikit ialah berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Hospital yang kita tahu adalah tempat utama pesakit berjumpa doktor mahupun doktor pakar bagi mendapatkan rawatan pelbagai penyakit dan menerima ubatan untuk penyakit mereka. Kita juga ke hospital semasa kecemasan. Hospital adalah tempat di mana perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan, ia mesti diurus dengan baik serta mendapat sumber yang mencukupi untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar tentu sekali banyak sekali hospital atau klinik swasta yang boleh menjadi pilihan untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Bagi rakyat di desa dan di luar bandar, apa pun hospital kerajaan masih menjadi pilihan utama untuk mendapatkan rawatan walaupun diketahui hospital tersebut mengalami pelbagai kekurangan daripada segi tenaga profesional mahupun perubatan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kes baru-baru ini yang mendedahkan kelemahan di hospital-hospital kerajaan. Kes-kes yang berlaku disebabkan oleh kecuaiian atau kelalaian adalah kerana terdapat kekurangan profesional kesihatan di hospital-hospital sama ada doktor pakar, jururawat, pembantu perubatan malah ahli farmasi menghadapi tekanan kerja

yang serius kerana jumlah pesakit yang terlalu ramai dan pengagihan kerja yang tidak bersesuaian dengan tugas sebenar mereka. Kita melihat kekurangan jururawat di hospital awam agak ketara dan ini memberi kesan yang negatif terhadap kualiti penjagaan pesakit kita. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), nisbah yang dicadangkan bagi jururawat kepada penduduk sesebuah negara seperti Malaysia adalah seorang jururawat kepada 200 penduduk. Saya difahamkan di negara kita sekarang ini nisbahnya adalah satu jururawat untuk 329 penduduk.

■ 1210

Begitu juga dengan nisbah di antara bilangan pesakit dengan doktor. Pada tahun 2010, nisbah doktor dengan penduduk adalah satu doktor kepada 927 penduduk jika dibandingkan dengan syor kesihatan sedunia yang menetapkan seorang doktor kepada 600 penduduk. Sementara di Sabah dan Sarawak nisbah doktor dengan penduduk adalah pada tahap seorang doktor kepada 2,000 penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita berbincang tentang kekurangan di hospital kerajaan yang perlu diberi perhatian segera oleh pihak kementerian, kerajaan telah menyatakan bahawa Malaysia dijangka dapat menarik kira-kira 437,000 orang pelancong kesihatan untuk mendapatkan kesihatan di negara kita yang disebut mampu menjana pendapatan negara sebanyak lebih kurang RM400 juta setahun. Industri perkhidmatan perubatan ini dijangka akan terus meningkat pada kadar 35% setahun. Kita menyokong penuh usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat penjagaan kesihatan yang canggih. Akan tetapi, kerajaan perlulah memberi jaminan untuk menangani segera isu-isu berkaitan dengan kesihatan rakyat sama ada hospital, klinik mahupun pusat rawatan. Semua institusi ini boleh diperbaiki untuk memastikan secara menyeluruh sistem kesihatan negara dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti bagi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff. Saya tertarik dengan isu yang dikemukakan tadi dan saya agak terkejut bila didapati nisbah untuk seorang jururawat di Malaysia adalah 328 orang pesakit. Ini kerana kalau tidak silap saya dalam dua atau tiga hari lepas, kita dimaklumkan bahawa hari ini terdapat lebih daripada lima orang jururawat yang telah pun terlatih tetapi menganggur dalam negara kita. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat apakah perkara ini benar dan apakah tindakan yang sepatutnya dibuat? Terima kasih.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Memanglah jururawat ini kalau kita berdasarkan nisbah WHO, negara memerlukan pada kadar 150,000 orang jururawat untuk memenuhi nisbah yang saya sebut. Akan tetapi apa

yang dibangkitkan adalah mereka yang di dalam hospital swasta dan bukanlah jururawat yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Saya rasa benda ini mustahak dan perlu diberi perhatian bagaimana kita hendak mengatasi masalah kerana ia mempunyai kaitan dengan mutu perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat mengakhiri ucapan, saya ingin bagi komen sedikit. Izinkan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat benarkan?

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: [*Memberi isyarat membenarkan*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan komen Yang Berhormat mengatakan bahawa kedudukan ekonomi negara jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas adalah 'menurun' dengan izin. Saya minta komen Yang Berhormat. Tidakkah Yang Berhormat memikirkan bahawa penurunan ini jika ia betul, adalah disebabkan kedudukan ekonomi dunia yang sememangnya kita tahu bahawa di Eropah dan di Amerika kerana kedudukan ekonomi negara-negara ini adalah menurun dan ini menyebabkan jika ia betul menurun, penurunan ini adalah disebabkan keadaan dunia.

Keduanya, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kedudukan ekonomi negara kita jika dibandingkan dengan kedudukan ekonomi negara, istimewa dengan kedudukan ekonomi negara-negara jiran, adalah lebih baik daripada – kedudukan negara kita adalah lebih baik daripada kedudukan ekonomi negara-negara jiran. Terima kasih. Saya minta komen Yang Berhormat.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akui bahawa ada kesan ekonomi negara dengan menurunnya ekonomi secara global. Itu saya bersetuju. Akan tetapi dalam kalau kita membandingkan dengan negara-negara jiran, kalau kita lihat contohnya kalau kita ambil FDI. FDI ini termasuk kalau banding dengan negara jiran, ia lebih jauh ke depan daripada negara kita. Itu yang saya lihat. Fakta-fakta lain saya rasa perlu kita beri perhatian ialah tentang pertumbuhan ekonomi seperti di Indonesia dan sebagainya, ia jauh ke depan daripada kita pada satu masa yang dulu. Saya ingat itu saya dapat sebut, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bawa perhatian Dewan ini kepada isu yang bahawa saban hari, rakyat Malaysia terus dibebankan oleh kenaikan harga barang. Kalau semalam kita kata tarif elektrik dinaikkan, hari ini harga petrol juga akan dinaikkan. *Means*, esok mungkin harga barang-barang yang lain dan seterusnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala mengumumkan bahawa polisi cukai GST akan diperkenalkan di negara kita. Lambat laun dia akan datang juga. Walaupun kita ketahui bahawa rakyat jelata membantah kenaikan cukai ini, sistem cukai GST ini akan menaikkan lagi harga barang untuk semua barang dan perkhidmatan yang ada di

pasaran. Sistem cukai yang sedia ada akan memberi tumpuan kepada syarikat swasta, rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi. Sistem ini sesuai untuk negara seperti Malaysia yang mempunyai jurang luas antara golongan kaya dan miskin. Sistem seperti ini memestikan bahawa syarikat dan individu yang mempunyai lebih banyak untung dan kekayaan akan memberi kembali sejumlah wang mereka kepada kerajaan dalam bentuk cukai. Ini membolehkan kerajaan menyediakan perkhidmatan yang amat diperlukan oleh rakyat termasuk pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Sistem seperti ini menggalakkan pengagihan kekayaan dan bertujuan untuk membantu kumpulan-kumpulan yang lebih terpinggir dan kurang bernasib baik dalam masyarakat kita. Ringkasnya, kita mengambil dari yang kaya untuk diberi kepada golongan miskin. Ini adalah sebagaimana kita memastikan mereka yang berpendapatan rendah juga mempunyai akses kepada keperluan asas dan perkhidmatan sebagaimana yang dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi. Prinsip asas GST pula adalah bertentangan dengan sistem cukai yang sedia ada. Sebagai pengeluar yang menyediakan barang dan perkhidmatan, mereka perlu membayar cukai untuk barangan dan perkhidmatan mereka. Sudah tentulah mereka akan menurunkan cukai ini kepada pengguna. Cukai GST yang dikenakan adalah secara rambang tanpa mengambil kira tahap pendapatan pembeli. Maka pada dasarnya, kelihatan seperti golongan miskin akan membayar jumlah cukai yang sama seperti golongan kaya dan berada.

Jika orang kaya membayar cukai 4% pada gula, maka golongan miskin juga akan membayar cukai 4% kepada gula. Jika orang kaya membayar cukai 4% ke atas roti, maka golongan miskin juga akan membayar cukai 4% iaitu cukai yang sama. Akan tetapi masalahnya di sini ialah apabila dibandingkan sebagai peratusan kepada pendapatan mereka, yang miskin terpaksa membayar peratusan yang tinggi cukai 4% ke atas semua barangan jika diterjemahkan kepada RM100 sebulan, RM100 adalah peratus yang lebih tinggi bagi mereka yang berpendapatan RM500 sebulan berbanding seseorang yang berpendapatan RM10,000 sebulan. Oleh itu, walaupun setiap orang membayar peratusan cukai yang sama sebanyak 4%, ini mengakibatkan peratusan yang tidak sama rata dari segi pemotongan daripada pendapatan bulanan mereka. Semakin rendah pendapatan mereka, semakin besar beban yang ditanggung oleh mereka yang miskin apabila dibandingkan dengan mereka yang kaya.

Walaupun kerajaan mengumumkan hampir 40 barangan keperluan harian tidak akan dikenakan cukai GST, namun kesan GST akan tetap dirasai oleh setiap rakyat. Sebagai contoh, kerajaan mungkin tidak mengenakan cukai GST terhadap beras namun mengenakan cukai GST terhadap mesin-mesin yang memproses beras yang akan secara tidak langsung menyebabkan kos pengeluaran beras naik dan seterusnya harga beras juga akan dinaikkan.

Oleh sebab itu, bagi pesanan GST, ini kononnya untuk menggantikan sistem cukai yang sedia ada yang tidak berkesan. Akan tetapi jika sistem cukai sedia ada sudah lemah, maka kita haruslah mencari jalan untuk memperbaiki sistem tersebut.

■1220

Jika sistem cukai sedia ada tidak efisien, maka kita mesti mencari jalan untuk menjadikannya lebih efisien dan berkesan. Kerajaan tidak sepatutnya menggantikan sistem sedia ada dengan sistem yang baru yang mana akan menjejaskan golongan pertengahan dan yang berpendapatan rendah. Bagaimana kita boleh mengandaikan bahawa sistem cukai baru akan lebih baik dan efisien? Cukai yang sedia ada dalam sistem dikatakan tidak cekap. Ini kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri telah gagal untuk memungut cukai dengan betul dan berkesan. Akan tetapi jika kita melaksanakan GST, kita mesti bergantung kepada agensi-agensi kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab dengan betul.

Kastam Diraja Malaysia akan memainkan peranan penting jika GST diperkenalkan. Akan tetapi bagaimana kita boleh pasti bahawa Kastam Diraja Malaysia akan bekerja lebih baik daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri? Jika Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dapat mengutip cukai dan memantau dengan cekap, adakah kerajaan menganggap bahawa Kastam Diraja Malaysia boleh menjalankan tanggungjawab tersebut dengan lebih baik?

Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan berkeras untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan di negara ini, maka mereka jugalah mesti memberi tumpuan kepada tahap pendapatan rakyat. Adalah jelas bahawa kenaikan harga barang adalah tidak seimbang dengan peningkatan tahap pendapatan rakyat. Kenaikan harga bergerak secara mendadak sedangkan kenaikan gaji masih statik.

Terdapat banyak tindakan oleh kerajaan untuk menggerakkan Malaysia ke arah menjadikan sebuah negara berpendapatan tinggi. Namun, sehingga hari ini kita tidak dapat melihat sebarang perubahan substantif dalam polisi atau iltizam politik untuk mencapai matlamat ini. Kita hanya dapat mencapai negara berpendapatan tinggi jika tiada ketirisan atau rasuah di kalangan rakyat di Malaysia. Seperti yang kita sedia maklum, saban tahun kerugian berbilion ringgit disebabkan oleh faktor-faktor ini. Jika tahap pendapatan di Malaysia adalah lebih tinggi, maka kenaikan petrol, minyak, gula dan sebagainya tidak akan menjadi satu beban yang berat pada rakyat.

Malangnya, golongan atas yang mempunyai lebih daripada wang yang cukup untuk membayar bayaran-bayaran ini mereka tidak merasai kesusahan yang dihadapi oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Ini kerana golongan tersebut mempunyai gaji yang lebih tinggi untuk berbelanja. Mereka juga tidak menjadi sensitif apabila merangka dasar-dasar yang boleh memberi kesan kepada rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kerajaan...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat kerana tadi Yang Berhormat kata bahawa sistem

pungutan cukai kita tidak berkesan dan tidak efektif ataupun tidak efisien. Jadi kita perlukan satu perubahan yang besar dan mendadak. Jadi di samping itu pula saya dengar Yang Berhormat tidak setuju tentang cadangan untuk GST diperkenalkan sedangkan GST sudah diperkenalkan kepada lebih 130 buah negara. Jadi saya mohon penjelasan apa sebenarnya yang kita perlu buat?

Kedua, tentang perbezaan ataupun efisien di antara Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Yang Berhormat menyatakan bahawa Jabatan Kastam lebih efisien. Daripada angka yang saya tahu, jumlah kutipan yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri jauh lebih tinggi, sebenarnya empat kali ganda lebih tinggi dan lebih besar daripada yang dikutip oleh Jabatan Kastam. Daripada segi *efficiency*, tahun demi tahun peningkatan lebih mendadak yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi nampak sedikit percanggahan di sana. Terima kasih.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada sahabat saya. Saya ingat untuk melaksanakan GST ini, kita perlu mempunyai infrastruktur yang lebih berkesan untuk melaksanakan dasar baru cukai ini dan saya tidak dapat menafikan bahawa walaupun keadaan sekarang ini menunjukkan bahawa keupayaan cukai itu ada tetapi saya rasa kita boleh mempertingkatkan lagi outputnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi untuk mengakhiri ucapan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan berharap bahawa kerajaan tidak harus lupa bahawa tugas adalah berkhidmat untuk kesejahteraan rakyat termasuk golongan miskin golongan dan golongan sederhana dalam Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Chew Lee Giok.

12.25 tgh.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam 1Malaysia saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan pemberita-pemberita di Dewan yang mulia ini. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi persidangan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Kedua Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memangku jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pun menjadi isu dan dikritik oleh pemimpin-pemimpin wanita Pakatan Rakyat. Pada pendapat saya, Perdana Menteri memangku jawatan ini sendiri menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang bertanggungjawab dan mengambil berat terhadap hal ehwal wanita dan juga kebajikan masyarakat.

Saya ingin tanya mengapa sewaktu Datin Seri Wan Azizah meletak jawatan sebagai Ahli Parlimen bagi memberi laluan kepada suaminya Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk bertanding dalam pilihan raya yang kecil dahulu, mengapa pemimpin-pemimpin wanita Pakatan Rakyat

tidak merasai kehilangan seorang Ahli Parlimen wanita? Bukan senang kalau seorang Ahli Parlimen wanita untuk menjawat Ahli Parlimen tetapi dia terpaksa meletak jawatan kerana memberi peluang dan memberi laluan kepada suaminya. Kita kehilangan seorang Ahli Parlimen wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai senator wanita, maka saya akan berbincang mengemukakan tentang hal-hal wanita. Tentang perceraian. Tahap perceraian bagi perkahwinan pasangan Islam dan bukan Islam di Malaysia ini semakin tinggi tahun demi tahun untuk jangka masa 10 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2009 adalah amat membimbangkan. Kadar perceraian daripada perkahwinan untuk pasangan Islam dan bukan Islam untuk tahun 2000 adalah 9.8% dan meningkat hingga 13.6% pada tahun 2009. Kadar perceraian untuk pasangan Islam adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan perceraian untuk pasangan bukan Islam. Untuk 100 perkahwinan, terdapat 14.5% perceraian untuk pasangan Islam berbanding dengan 2.7% untuk pasangan bukan Islam pada tahun 2000.

Kadar perceraian untuk pasangan Islam untuk 10 tahun tersebut semakin meningkat di mana pada tahun 2009 iaitu merekodkan 20.1% pasangan bercerai untuk 100 perkahwinan. Ini yang paling tinggilah. Begitu juga kadar perceraian pasangan bukan Islam di mana iaitu 4.8% bilangan pasangan bercerai untuk 100 perkahwinan pada tahun 2009. Bilangan perceraian untuk setiap 100 perkahwinan bagi pasangan Islam dan bukan Islam yang paling tinggi iaitu pada tahun 2009 adalah 15.3%. Walaupun tidak setinggi di negara lain seperti di Belgium, Sweden, Finland di mana bilangan perceraian adalah hampir atau lebih daripada 50% untuk setiap 100 perkahwinan, di US pada tahun 1998 sebanyak 51%, di Australia pada tahun 1996 adalah 49% tetapi kadar perceraian di Malaysia masih membimbangkan.

Tentang isu-isu berkaitan dengan perceraian ini, perceraian bukanlah hanya melibatkan pasangan suami isteri malahan cahaya mata hasil daripada perkahwinan. Perceraian sama ada di persetujuan oleh kedua-dua pihak atau tidak, di mana hanya satu parti yang setuju bercerai, akan membawa kesengsaraan kepada anak-anak. Impak perceraian ibu bapa terhadap anak-anak adalah amat besar. Dari segi fizikal, anak-anak terpaksa berpisah dengan ibu atau bapa, malahan adik beradiknya sekiranya ibu dan bapa bersetuju pada peraturan hak penjagaan berasingan untuk anak-anaknya. Di samping itu, impak yang tersirat adalah dari segi emosi dan mental di mana keadaan emosi anak-anak kemungkinan besar terjejas dan akan menjejaskan ketenteraman emosi anak-anak kita.

Proses perceraian yang amat lama terutamanya untuk petisyen perseorangan amat mengambil masa, tenaga dan kos. Proses perceraian yang juga meliputi syarat-syarat seperti hak penjagaan dan hak lawatan terhadap anak, nafkah untuk anak dan isteri, kepentingan anak sebagai keutamaan termasuk pendidikan anak.

■1230

Lazimnya terdapat dua tahap masalah yang mungkin dihadapi oleh pasangan yang ingin bercerai iaitu menunggu proses perceraian dan setelah perceraian diizinkan oleh

mahkamah. Pertamanya, isu yang dihadapi setelah perceraian dibenarkan oleh mahkamah, setelah perceraian ibu atau bapa tunggal, kebanyakan ibu tunggal menghadapi masalah menuntut nafkah seperti mana yang ditetapkan oleh mahkamah daripada bekas suaminya. Susulan fenomena ini, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta pada awal Januari 2012 untuk menolong wanita Islam yang telah diceraikan untuk menyara dirinya dan anak-anaknya. Kedua, isu yang dihadapi semasa menunggu perceraian, semasa menunggu perceraian, suami atau isteri mungkin berjuang untuk hak penjagaan sementara anak-anak sepertimana dilaporkan di media, kedua-dua ibu bapa cuba sedaya upaya, tidak kira apa cara untuk memastikan anak berada dengannya.

Hasil daripada kedua-dua ibu bapa enggan berkompromi, ada kalanya ibu atau bapa tidak dibenarkan akses ke atas anak-anak walaupun hak penjagaan belum ditentukan oleh mahkamah. Kepentingan anak-anak pasti terjejas apabila kedua-dua ibu bapa bertanding untuk menjaganya sehingga ada kes di mana hendak dipindahkan keluar daripada sekolah atau dihantar ke tempat lain supaya parti yang lain tidak mendapat sebarang akses terhadap anak-anak. Pasangan bukan warganegara, untuk pasangan di mana salah satu suami atau isteri adalah bukan warganegara, mereka akan mengalami lebih kerumitan, isteri atau suami yang bukan warganegara yang tinggal di Malaysia, dengan hanya pas lawatan dan memerlukan suami atau isterinya sebagai *sponsor* nya akan mengalami risiko didepotasikan. Peluang yang tipis untuk menuntut hak penjagaan ke atas anak-anaknya atau nafkah untuk dirinya atau anaknya kerana tidak dibenarkan bekerja melainkan dengan izin bertulis daripada pasangan warganegara mereka.

Maka pasangan bukan warganegara tidak mempunyai peluang yang sama untuk memperjuangkan haknya untuk terus tinggal di Malaysia untuk menjaga anaknya walaupun telah lama menyumbang kepada keluarganya di Malaysia. Saya ada beberapa cadangan, antaranya:

- (i) penubuhan agensi bantuan anak ataupun keluarga untuk menolong mereka yang mana nafkah tidak diberikan;
- (ii) penubuhan institusi yang menawarkan suatu persekitaran yang neutral untuk rawatan bagi ibu atau bapa sementara menunggu proses perceraian atau selepas perceraian agar kerisauan akan anak dirampas dapat dikurangkan;
- (iii) penyelesaian kreatif seperti di luar negeri seperti mana mereka yang mengingkari perintah mahkamah untuk pembayaran nafkah akan menghadapi risiko tidak dibenarkan memperbaharui lesen memandu dan sebagainya;
- (iv) kebenaran untuk berpindah sekolah yang diproses oleh ibu atau bapa, harus diberikan setelah ibu atau bapa dimaklumkan untuk mencegah

percubaan daripada mana-mana parti untuk menyembunyikan anak atau tidak memberikan akses kepada parti yang lain; dan

- (v) kebenaran bekerja untuk pasangan bukan warganegara hendaklah diberikan tanpa memerlukan kebenaran bertulis daripada pasangan warganegara jika pasangan warganegaranya ingin bercerai dengannya, telah meninggalkannya dan telah menganiayainya secara fizikal, emosi dan mental untuk memastikan haknya sebagai ibu atau bapa kepada anaknya terpelihara demi dapat menyara dirinya dan anaknya.

Persoalan saya yang pertama kepada Jabatan Perdana Menteri:

- (i) sejak peruntukan RM15 juta diberikan untuk menolong ibu tunggal yang suaminya tidak membayar nafkah, berapakah ibu tunggal yang memohon untuk bantuan ini dan berapakah peruntukan yang telah digunakan? Adakah jabatan ini memantau pembayaran semula bantuan ini? Apakah langkah seterusnya sekiranya suami ibu tunggal ini masih tidak membayar setelah ibu tunggal menerima bantuan selama enam bulan berterusan;
- (ii) kepada Jabatan Perdana Menteri, sejauh manakah Tribunal Perkahwinan berjaya dapat usaha pengantaraan antara pasangan yang bercerai? Berapa peratus yang dirujuk kepada mahkamah berjaya?;
- (iii) kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sejauh manakah keberkesanan usaha khusus pra perkahwinan dalam mengurangkan kecenderungan perceraian;
- (iv) ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri, apakah usaha oleh Kementerian Dalam Negeri menolong pasangan bukan warganegara untuk memelihara hak mereka sebagai ibu atau bapa kepada anak mereka supaya dapat terus tinggal di Malaysia dan menjaga anak-anak mereka; dan
- (v) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, untuk statistik perceraian, apakah pecahan mengikut tempoh perkahwinan dan umur? Adakah tren perceraian di kalangan golongan muda dengan tempoh perkahwinan yang amat singkat.

Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa tahun kebelakangan ini, penyokong-penyokong parti tertentu telah mempamerkan gambar-gambar pemimpin seperti gambar lucah, penyiaran artikel dan imej lucah yang boleh menjatuhkan maruah pemimpin dan menjejaskan imej dan nama baik pemimpin. Biasanya ia dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab

contohnya blog *Suara Keadilan Malaysia*, setahu saya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk menutup *blog* atau *website* tersebut.

Walau bagaimanapun, SKMM adalah bertanggungjawab untuk membanteras kegiatan tersebut, apakah inisiatif yang telah diambil oleh SKMM? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menuju kepada Kementerian Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan tahniah kepada polis kerana telah berjaya menumpaskan satu sindiket penipuan Internet dan judi bola sepak antarabangsa yang mampu memperoleh keuntungan melebihi RM3 bilion pada awal bulan April ini di Selangor. Saya ingin mengetahui, terdapat berapa ramai orang tempatan yang kena tipu? Berapa ramai warga negara asing yang telah ditipu? Apakah tindakan yang akan diambil terhadap warganegara asing yang ditangkap, begitu juga warganegara yang ditangkap? Saya ingin meminta kementerian mengambil perhatian terhadap sindiket gores dan menang yang masih berleluasa di bandar-bandar terutama di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Sindiket ini telah mengakibatkan ramai orang tertipu, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini? Sindiket penjualan bayi masih berlaku di dalam Malaysia. Saya ingin bertanya soalan, bagaimana kementerian hendak membanteras jenayah ini dengan lebih berkesan dan berapa kes penjualan bayi yang telah berjaya dikesan oleh pihak polis? Seterusnya kepada Kementerian Pelancongan, seperti Titah Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung, industri pelancongan mendatangkan hasil yang banyak dan juga peluang perniagaan serta pekerjaan. Terdapat pelbagai jenis pelancong, ada pelancong berkumpul yang banyak menginap di hotel tiga bintang, lima bintang, mereka melancong untuk beberapa hari, ada juga pelancong yang suka tinggal berminggu-minggu di hotel bajet dan ada juga yang suka tinggal di kampung iaitu *homestay* dengan izin.

Pada pendapat saya, *homestay* bukan sahaja boleh diwujudkan di kampung Melayu, adakanlah juga di kampung baru Cina, di rumah estet India, rumah panjang di Sarawak, Sabah, begitu juga perkampungan rumah Orang Asli. Pelancongan juga akan mendatangkan hasil kepada restoran, kedai makan, *shopping center*, tempat-tempat peranginan seperti Genting Highland, Cameron Highland dan juga banyak pulau-pulau di semenanjung, Sabah dan Sarawak juga menarik dan digemari oleh pelancong-pelancong luar negeri. Maka Kementerian Pelancongan sememangnya hendaklah mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Saya minta agar AirAsia dan MAS mengadakan tiket kapal terbang yang lebih ekonomi secara berterusan agar boleh membawa lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah, pertama, apakah statistik pelancong asing ke Malaysia mengikut negara pada tahun 2005 hingga 2011? Kedua, berapakah anggaran jumlah perbelanjaan pelancong asing semasa melancong di Malaysia mengikut negara bagi tahun 2010 hingga tahun 2011? Ketiga, apakah strategi Malaysia untuk menarik lebih ramai pelancong dari negara-negara ASEAN? Keempat, apakah strategi Kementerian Pelancongan untuk menarik pelancong-pelancong daripada negara yang mempunyai *population* dengan izin, populasi penduduk yang ramai di dunia seperti di China, India, Brazil dan Indonesia? Ada satu

perkara yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Pelancongan, iaitu kebersihan tandas di tempat-tempat peranginan, restoran dan *shopping center* dengan izin. Biasanya tandas awam atau *public toilet* adalah tidak bersih dan berbau busuk, di mana ia telah menjejaskan pandangan pelancong asing terhadap Malaysia, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah tersebut?

Seterusnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengikut teorem motivasi Maslow, manusia lazimnya mempunyai lima tahap keperluan, tahap pertama ialah keperluan asas seperti makanan, pakaian dan rumah. Semua ini dapat dibeli dengan wang.

■1240

Pada tahun 1990-an, sebuah rumah teres dua tingkat dapat dibeli dengan harga RM125 ribu hingga RM160 ribu di Lembah Kelang ini. Sekarang kalau kita hendak membeli rumah teres dua tingkat ini melebihi RM300,000 di Lembah Kelang. Kos pembinaan melambung tinggi kerana harga bahan mentah seperti batu, simen, besi dan konkrit telah meningkat harganya. Kos tenaga pekerja dan kos tanah juga telah meningkat. Kita mesti sedar bahawa inflasi berlaku di mana-mana negara di seluruh dunia ini. Inflasi adalah suatu fakta kehidupan. Tiada satu kerajaan di dunia ini boleh memberhentikan inflasi secara sengaja. Di US, dengan izin Presiden Obama pun tidak boleh hendak memberhentikan inflasi. Hanya Ketua Pembangkang sahaja Dato' Seri Anwar mengatakan kalau Pakatan Rakyat boleh melumpuhkan Kerajaan Pusat, maka keesokan harinya harga barang tidak akan naik. Ini adalah tidak mungkin terjadi, merupakan pembohongan besar... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah, pertama apakah strategi kerajaan untuk menstabilkan harga barang dan apartmen? Kedua, apakah status pelaksanaan konsep *built and sell*, dengan izin. Ketiga, Bilakah pelaksanaan PR1MA akan bermula? Bagaimanakah PR1MA akan dilaksanakan? Seterusnya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ikan adalah sumber protein yang baik. Orang yang mempunyai masalah kolesterol tinggi kelak dinasihati oleh doktor untuk mengelakkan daging merah. Mereka digalakkan untuk makan daging putih, ikan dan protein berbentuk sayur seperti taufu. Oleh itu adalah penting untuk merangsang, menggalakkan industri perikanan. Bila berkata tentang perikanan, ramai akan terfikir tentang penangkapan ikan di pantai laut dan di laut cetek. Nelayan-nelayan kita sudah menjadi agak profesional. Banyak kapal berlayar telah dilengkapi dengan GPS dan sistem radar *fish finder*.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah pertama, berapakah bilangan nelayan atau syarikat yang terlibat dengan penangkapan ikan di laut dalam? Kedua, mengapakah tidak ramai nelayan yang melabur dalam industri penangkapan ikan di laut dalam? Ketiga, apakah galakan, insentif dan sokongan yang diberikan oleh kerajaan kepada pengusaha penangkapan ikan di laut dalam? Penternakan ikan juga merupakan suatu sektor perikanan yang strategi. Ikan dapat dibela secara komersial dan besar-besaran di kolam, tasik, muara sungai dan juga di tepi pantai laut.

Faktor-faktor seperti kemusnahan ikan, pencemaran sungai, pencemaran laut dan penangkapan ikan dengan pukat tunda serta penggunaan ikan *fish finder* ini telah menyebabkan kepada penurunan populasi ikan di laut. Penternakan ikan secara komersial mampu menghasilkan hasil ikan yang berlipat ganda berbanding dengan hasil penangkapan ikan di laut. Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah apakah statistik penternakan ikan dan udang berbanding dengan penangkapannya di laut bagi lima tahun kebelakangan ini? Kedua, apakah penyelidikan baka ikan dan lain-lain penyelidikan perikanan yang pernah dan sedang dijalankan? Ketiga, apakah sokongan dan insentif yang diberi oleh berbagai-bagai jabatan dan agensi kerajaan kepada pengusaha penternak ikan?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya menuju kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Dahulunya beberapa negeri termasuk Perak dan Selangor cukup terkenal dengan penghasilan bijih timah. Malaysia pernah menjadi pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia. Timah dahulunya banyak digunakan untuk menyaluti kepingan besi untuk mengelakkan karat. Dengan adanya plastik, maka permintaan untuk timah telah menurun. Banyak kilang elektronik terpaksa menggunakan *lead free solder* yakni bahan solder yang tidak mengandungi plumbum.

Ini secara langsung menyebabkan permintaan untuk timah telah meningkat pada hari ini. Banyak mantan pengusaha lombong bijih timah di Perak menghadapi seribu satu masalah untuk menghidupkan semula lombong bijih timah. Bukan sahaja di Peraklah, mungkin di negeri lain juga. Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah pertama, adakah pihak kerajaan masih prihatin terhadap industri perlombongan bijih timah dan lain-lain mineral seperti emas? Kedua, apakah masalah-masalah untuk menghidupkan semula industri perlombongan bijih timah? Ketiga, apakah penyelesaian atau sokongan yang dapat diberi oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan untuk menghadapi masalah-masalah tersebut?

Seterusnya ada satu saya minta menuju kepada Kementerian Kesihatan. Saya memang menyokong penuh klinik 1Malaysia. Saya berharap klinik 1Malaysia hendaklah diadakan di kawasan yang memerlukannya dengan segera. Klinik 1Malaysia perlu dibina di kawasan yang tidak mempunyai klinik dan kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Maka saya berharap klinik 1Malaysia boleh wujudkan di bandar Putera Permai, Sri Kembangan yang tidak mempunyai klinik.

Yang akhir sekali saya hendak sentuh sedikit tentang janji kosong Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah menjanjikan bila mereka menang dalam pilihan raya 2008, maka cukai pintu akan diturunkan. Selepas memerintah negeri Selangor selama empat tahun, cukai pintu satu sen pun tidak diturunkan. Cukai pintu tidak diturunkan tetapi elaun untuk ahli Majlis telah dinaikkan. Yang Berhormat tahu atau tidak Ahli Majlis di negeri Selangor, elaun mereka telah dinaikkan tiga kali dalam empat tahun? Pada dahulunya elaun Ahli Majlis ialah RM500 untuk sebulan. Selepas pemerintahan Pakatan Rakyat, mereka telah menaikkan dari RM500 kepada RM750. Pada tahun 2011, telah dinaikkan kepada RM1,000 dan pada tahun ini 2012 dinaikkan kepada RM1,500.

Begitu juga elaun mesyuarat telah dinaikkan daripada RM50 sewaktu pemerintahan Barisan Nasional telah dinaikkan sehingga hari ini ialah RM150 sekali dia mesyuarat, elaun untuk mesyuarat. Akan tetapi cukai pintu tidak diturunkan. Adakah Yang Berhormat di Dewan ini mengetahui bahawa elaun tetap untuk Ahli Parlimen, untuk Senator, untuk Ahli Dewan Undangan Negeri adalah tetap? Yang tetap, elaun tetap itu adalah sama iaitu RM4,112.79 sen. Adakah Yang Berhormat tahu ADUN Selangor telah dinaikkan daripada RM4,112.79 hingga RM6,000 pada tahun yang lepas, 2011? Kalau Ketua Parti Pembangkang membantah kenaikan elaun untuk Ahli Parlimen agar tidak membebankan kewangan negara, saya bersetuju, saya menyokong. Persoalan saya ialah mengapa kenaikan elaun ADUN dan juga ahli majlis di negeri Selangor di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat juga akan membebankan kewangan kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran? Mengapa Dato' Seri Anwar tidak membantah? Ini menunjukkan *double standard* dengan izin, betul tak?

Beberapa Ahli: Betul... [Tepuk]

Puan Chew Lee Giok: Oleh sebab itu saya mintalah kalau janganlah BN buat apa pun tidak betul, Pakatan Rakyat buat apa pun betul. Ini adalah cara yang tidak baik. Sekian sahajalah perbahasan saya. Sekian, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Seterusnya saya berharap selepas itu yang ada catat dalam rekod di sini ialah Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Datuk Chiw Tiang Chai, Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu. Saya berharap semua Ahli Yang Berhormat ini selepas ini elok berada dalam Dewan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

12.48 tgh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi laluan dan keizinan kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia pada 12 Mac 2012.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Marilah sama-sama kita memanjat syukur ke hadrat Allah SWT di atas segala limpah rahmat kurnianya yang melimpah-limpah kepada kita sejak daripada dahulu sampailah kini dan kita memohon kepada Allah supaya limpah ruah yang telah dan sedang kita nikmati ini berpanjangan sampailah kita menemuinya nanti.

■1250

Syukur kita berada di Dewan yang mulia ini untuk sama-sama memberi pandangan dan tugas dalam melakukan mesyuarat kita dan mesyuarat ini merupakan satu sistem yang telah

dirangka di dalam negara kita yang akhirnya Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan membuat keputusan-keputusan untuk memberi kebaikan-kebaikan kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem mesyuarat yang telah sekian lama wujud itu sebenarnya kita ingin mengungkapkan dua perkara penting iaitu pertama semua orang bersetuju bahawa dalam hidup ini kita mahu kebahagiaan dan pada waktu yang sama kita tidak mahu keburukan berlaku. Jadi, untuk mengawal selia hal-hal seperti ini diletak di atas bahu Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan juga Yang di-Pertuan Agong untuk membuat keputusan akta dan sebagainya untuk memberi ketenteraman kepada kehidupan kita kepada masyarakat ini.

Dalam kita bermesyuarat ini kita diminta supaya membuat berbagai-bagai akta dan juga keputusan-keputusan yang mana boleh, yang mana dihalang supaya ketenteraman itu akan tetap terjaga. Itulah yang menjadi puncak kepada keinginan, kepada setiap insan yang ada di dunia ini. Dalam konteks mesyuarat ini, Allah SWT berfirman [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] - Hendaklah kamu bermesyuarat di dalam semua hal untuk memutuskan selain daripada perkara-perkara yang telah ditentukan dan apabila kamu telah bulat suara, azamnya sungguh-sungguh hendaklah kamu bertawakal kepada Allah dan teruskan kerja-kerja kamu.

Hal yang sama disabdakan oleh Rasulullah SAW di mana baginda mengucapkan [*Membaca sepotong hadis*] "*Tidak akan kecewa orang yang berbincang dan bermesyuarat*". Kerana itu Mesyuarat kita ini merupakan satu medium untuk mencari keputusan-keputusan, idea-idea yang terbaik untuk kita ketengahkan ke dalam masyarakat supaya masyarakat kita dapat hidup aman dan bahagia.

Negara kita ini kalau kita kecilkan ia adalah merupakan sebuah keluarga. Keluarga ada pemimpin, ada anak-anak dan sebagainya. Kalau kita di dalam sebuah keluarga tentulah keluarga kita, kita sebagai bapa atau ibu ingin memberi kebahagiaan dan ketenangan kepada anak-anak kita. Begitulah halnya juga dengan negara, ini merupakan satu kewajipan. Mana-mana orang yang dipilih untuk mentadbir negara dan menerajunya ia adalah merupakan satu tanggungjawab, bukan satu kemuliaan. Ini perlu kita semua fahami kerana itu ada pepatah yang menyebut [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*] Pemimpin kaum adalah sebenarnya sebagai khadam kepada kaum mereka.

Ini merupakan satu gagasan yang perlu kita lihat bahawa apabila seseorang itu dilantik sebagai pemimpin termasuk kita, maka kita sebenarnya adalah bertanggungjawab untuk memberi khidmat yang terbaik kepada orang yang melantik kita. Tidak boleh kita lupa hal ini apabila kita berada di satu tempat. Mungkin kita akan lupa hal-hal yang paling utama.

Tuan Yang di-Pertua, tugas yang kita sandang ini merupakan satu tugas besar. Sayidina Usman pernah berkata [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*] "*Apa yang boleh dicegah dengan kuasa pada waktu yang sama tidak boleh dicegah dengan al-Quran*". Maksudnya ialah dalam negara ada kuasa dan dalam negara juga ada orang yang membaca al-Quran. Orang yang membaca al-Quran boleh mentafsir al-Quran sebagai dai, sebagai

pendakwah mereka tidak boleh berbuat apa-apa, hanya menyampaikan. Akan tetapi bagi orang yang ada kuasa, dia boleh laksanakan keinginannya melalui kuasa itu.

Kerana itulah al-Quran dengan kuasa itu perlu dicantumkan supaya ia sehati dan kehidupan masyarakat dilandaskan kepada wahyu. Dalam hubungan ini Imam Ghazali ada menyebut [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*] Maksudnya saya terjemahkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua; “Agama adalah asas dalam kehidupan dan kuasa pemerintahan adalah pengawal. Mana-mana yang tidak asas dia akan runtuh dan kalau sekiranya tidak ada pengawal dia akan lenyap dan hilang”. Kerana itu agama dengan kuasa merupakan suatu perkara yang tidak dapat dipisahkan. Kerana itulah Sayidina Usman r.a. mengatakan [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*] sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah kita perlu meletakkan bahawa tugas ini adalah tugas besar dan ini merupakan amanah dan kita semua termasuk siapa sahaja yang diberikan amanah akan bertanggungjawab dengan amanahnya dan akan ditanya pada hari akhirat nanti oleh Allah SWT dan itu tidak dapat kita lari ke mana-mana pun.

Perkara yang saya hendak kaitkan dalam perbahasan ini adalah tentang ilmu. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang paling besar pada belanjawan tahun ini yang telah dibentangkan pada akhir tahun lepas ialah tentang pelajaran sama ada di peringkat menengah, daripada rendah sampai menengah dan juga sampai ke peringkat yang tinggi. Tidak kurang daripada RM50 bilion diperuntukkan. Ini menandakan bahawa masyarakat kita, negara kita merupakan satu negara yang memberi tumpuan utama kepada pembangunan, pelajaran dan intelektual. Ini merupakan satu gagasan yang sangat hebat dan untuk mencapai tahap pengajian tinggi dan negara maju dan juga berpendapatan tinggi.

Kita tahu bahawa untuk melahirkan anak-anak ini merupakan modal insan. Saya hendak tambah lagi modal insan soleh. Modal insan, mungkin orang itu pandai, cerdik. Akan tetapi kalau cerdik, pandai, tidak soleh ia tidak akan memberi apa-apa makna kepada dirinya dan juga orang lain. Dia tidak boleh membantu orang. Soleh dan Muslih. Kerana itu di dalam al-Quran sering dikaitkan [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] “orang beriman dan amal soleh”. Kalau orang itu mempunyai ilmu yang baik dan banyak pun kalau tidak mempunyai iman dan amal soleh tidak ke mana-mana. Kerana itu modal insan kita perlu kaitkan dengan soleh, yang dapat memberikan kebaikan.

Model ini ialah yang kita bentuk hari ini sebenarnya adalah untuk menjadi generasi masa depan. Kalau kita hendak tengok negara kita pada masa depan kita tengok generasi sekarang. Anak-anak kita di sekolah. Sekolah mana? Sekolah rendah, menengah atau universiti. Bagaimana keadaan mereka? Maka itu adalah model dan contoh yang akan lahir pada pemimpin dan masyarakat masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita melihat satu trend dalam masyarakat kita untuk melihat anak-anak dapat kelulusan yang cemerlang, tinggi. Itu satu keadaan yang baik. Walau bagaimanapun kita kena melihat kembali trend dapat kelulusan yang baik itu juga perlu kita

sepadukan dengan akhlak mulia. Kelulusan yang baik dengan berbelas-belas A ini dan A+ lagi, kalau sekiranya tidak ada akhlak yang mulia ia tidak akan sampai ke mana-mana. Kerana itu kita tidak mahu lahir pada masa depan orang yang bijak pandai, dia juga khianat terhadap amanah. Dia juga melakukan pecah amanah, dia juga merompak. Kalau duduk di bank dia akan merompak bank dengan cara-cara yang tersendiri. Apa lagi dengan siber sekarang ini.

Kerana itu kita mahu masyarakat kita, anak-anak kita yang model pada masa depan ini ialah mempunyai akhlak yang mulia dan cemerlang dalam pendidikan. Ada di kalangan anak-anak kita yang boleh menghafal rukun sembahyang 13 tetapi apakah mereka solat? Lulus dalam peperiksaan dapat A tetapi adakah akhlak mereka A juga. Itu yang kita perlu garapkan dan kita perlu tengok kembali supaya kita lahirkan insan soleh yang dapat membantu dalam kehidupan kita nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Pelajaran khasnya kerajaan yang telah memberi peruntukan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sungguh seronok mendengar ucapan Yang Berhormat sehingga saya tidak nampak jam telah pukul 1.00. Walau bagaimanapun Yang Berhormat saya persilakan sambung semula selepas jam 2.30.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tangguhkan sekarang dan berjumpa semula pada jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, kita teruskan dengan ucapan Titah Diraja, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat silakan.

2.31 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khasnya dan kerajaan amnya yang telah memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah agama setelah sekian lama diberhentikan. Sejak daripada tahun lepas telah diberikan satu peruntukan. Walau bagaimanapun, saya ingin meminta supaya peruntukan itu ditambah dengan perkembangan sekolah-sekolah yang ada.

Pada waktu yang sama juga saya ingin mencadangkan supaya pembahagian wang itu mengikut per kapita yang selaras sebagaimana yang diperlukan. Ini saya yakin dan percaya bertepatan dengan konsep *wasatiyyah* yang dikemukakan oleh Perdana Menteri yang telah

diterangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam yang menyatakan dia tidak *ifraq wa-tafri'* iaitu ia tidak mengurang dan juga melebihi, tepat. Ini kerana *wasatiyyah* itu ialah adil, tepat, kena iaitu tidak kurang tidak lebih, betul-betul tepat sebagaimana yang dikehendaki. Ini kerana sekolah agama merupakan sekolah yang berada di dalam arus perdana dan tidak lari daripada sistem kebangsaan yang telah dirangka di dalam negara kita.

Cuma yang berbeza ialah ia diberi satu kelebihan belajar di samping pelajaran-pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah kebangsaan. Ia diajar dengan mata pelajaran yang menggunakan bahasa Arab. Hal ini untuk memungkinan pelajar-pelajar tadi menguasai bahasa Arab dan kelak mereka akan menggantikan para ulama', ustaz dan ustazah yang ada sekarang. Kalau sekiranya mereka tidak diberi perhatian, sudah pastinya tidak ada sekolah-sekolah seperti ini tidak diberi perhatian, maka siapakah yang akan mengambil alih atau menggantikan para ustaz, ustazah, kadi, mufti dan sebagainya.

Di sini juga, sekolah menengah agama juga boleh kita lihat banyak di dalam negara kita. Namun, kita melihat pelajar-pelajar di sekolah menengah agama ini tidak akan menceburi diri dalam profesion-profesion sebagai ustaz dan ustazah dan mereka banyak kepada bahagian-bahagian lain. Saya berharap perhatian kepada sekolah agama ini perlulah diberikan perhatian yang baik supaya kita dapat mengembangkan mereka kepada keadaan dan situasi yang menyenangkan pada masa akan datang.

Dasar Kerajaan Malaysia telah membuka ruang untuk menjemput atau mempelawa pelajar-pelajar datang belajar di sekolah-sekolah dan juga di universiti-universiti kita. Ramai pelajar-pelajar luar negara mengambil ijazah pertama dan juga kedua dalam negara kita. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini, meminta supaya Kementerian Pengajian Tinggi khasnya memberi perhatian kepada pelajar-pelajar luar negara yang kita melihat ada beberapa buah negara yang perlu diberi perhatian khusus dan pemantauan. Antaranya ialah negara-negara daripada Afrika, khasnya Nigeria yang kita dengar banyak membawa masalah sosial di dalam masyarakat dan negara kita.

Yang kedua ialah pelajar-pelajar dari Iran di mana mereka ini datang dengan jumlah yang begitu ramai. Pada waktu yang sama juga kita dapat maklumat mereka cuba menyebarkan fahaman Syiah di sini. Saya bimbang kalau hal ini terjadi dan tidak dikawal dan tidak dipantau dengan cara yang betul, saya bimbang berlaku krisis di dalam negara kita pada masa depan dan berlaku seperti negara-negara lain. Sebelum kita menghadapi masalah-masalah ini dan sebelum perkara ini menular dalam masyarakat kita, perlu kita jaga dengan sebaiknya supaya kita dapat menyusun dan mengawal keselamatan.

Saya juga ingin menyebut di sini konsep ISI untuk *confirmation* pensyarah dan juga kenaikan pangkat di universiti. Ada universiti-universiti yang mengenakan syarat ISI. ISI ini adalah jurnal antarabangsa dalam bidang sains dan mereka mensyaratkan supaya mana-mana pensyarah juga untuk naik pangkat kepada profesor madya dan profesor, perlu jurnalnya mendapat dimuat di dalam Jurnal ISI. Sebagaimana kita tahu ISI ini jurnal yang sangat tinggi

nilainya dan dalam bidang sains. Jadi, dalam hubungan ini kita melihat para pensyarah bukan dalam bidang sains amat sukar untuk mendapat tempat di dalam jurnal tersebut sehingga keadaan mereka terpinggir dan tidak *diconfirm* dan juga naik pangkat.

Saya mencadangkan supaya biar betul kita buat saluran. Kalau orang dalam bidang sains, ya dalam bidang sains. Kalau orang dalam bidang sastera, perlu ada *channel*nya yang tersendiri. Baru kita adil dan saksama di dalam memberi penilaian. Jadi, oleh kerana itu saya minta pihak Kementerian Pengajian Tinggi melihat perkara ini secara serius. Jangan sampai ada sebahagian daripada pensyarah dan juga profesor madya dan sebagainya rasa kecewa oleh sebab suasana dan keadaan yang ada di setengah-setengah universiti.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menganjak kepada fatwa di Malaysia.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: [*Bangun*] Sebelum, saya ingin mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: Terima kasih Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Dato' Dr. Johari. Saya tadi sebelum Yang Berhormat berpindah kepada tajuk yang baru, saya ingin bertanya tadi apabila sebut tentang sekolah agama dan minta peruntukan tambahan. Saya teringat dalam dua tahun lepas, bajet yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia bahawa peruntukan untuk sekolah Cina RM100 juta, sekolah Tamil RM100 juta dan sekolah agama RM100 juta. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat Dato' sebagaimana orang yang telah terlibat dalam bidang pendidikan yang begitu lama, adakah bajet ini bertepatan dengan keperluan dan nisbah kepada bilangan sekolah ini dikalangan pelajar-pelajar kita, itu yang pertama.

■1440

Kedua, apa beza di antara sekolah agama Yang Berhormat maksudkan dengan sekolah agama kebangsaan yang telah pun ditubuhkan oleh kerajaan di semua negeri di Malaysia. Jadi dalam konteks ini adakah keperluan dan persamaan yang mengehendaki kedudukan ini disamakan ataupun memang ada perbezaan yang lebih jelas pada pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat [Kelantan]: Terima kasih Yang Berhormat Hajah Mumtaz. Oleh sebab itu saya sebutkan tadi supaya kerajaan melihat kembali tentang peruntukan yang diberikan kerana sekolah agama ini banyak di seluruh Malaysia dan dengan sebab pemberhentian dahulu, banyak sekolah yang ditutup. Oleh kerana itu, saya tengok apabila sekolah-sekolah itu ditutup, kita boleh hidupkan kembali dengan cara memberi bantuan-bantuan sebagaimana yang kita lakukan sekarang. Itu kepada soalan pertama.

Soalan kedua ialah sekolah menengah agama kebangsaan dengan sekolah menengah Arab ini dia ada sedikit perbezaan dan bukan sedikit, banyak perbezaan yang saya tahu. Pertama, sekolah menengah agama kebangsaan ini dia berbeza daripada sekolah menengah biasa ialah dia masukkan Bahasa Arab sebagai satu subjek. Kemudian, sekolah menengah Arab ini di samping subjek-subjek yang diajar di sekolah menengah biasa atau kebangsaan, dia

ada ajar mata pelajaran lain seperti Tafsir, Hadis, Ummul Quran, Ummul Hadis, Bahasa Arab dan semuanya itu diajar dalam bahasa Arab. Bahasa Arab itu diajar supaya pelajar-pelajar ini pada masa depan akan boleh membaca dan juga menelaah serta menjawab di dalam bahasa Arab dan akhirnya mereka boleh mampu merujuk kepada buku-buku asli di dalam agama dan mereka akan sebagaimana saya sebutkan tadi, akan mewarisi para ustaz dan ustazah, kadi, mufti dan sebagainya. Oleh sebab itu kalau kita tengok inilah golongan yang akan menyambung tugas-tugas pada masa depan seperti pelajar-pelajar j-QAF yang ada di sekolah sekarang. Mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang asalnya berlatar belakangkan sekolah Arab agama. Jadi, itu sedikit perbezaan ya. Jadi, kerana itu saya mencadangkan supaya mereka diberi perhatian dan diberi peruntukan yang saksama.

Dari segi, saya sebut tadi fatwa di Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia kita tengok Majlis Fatwa Kebangsaan merupakan salah satu badan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan memberi fatwa, pandangan, dorongan, bimbingan kepada semua permasalahan yang timbul di Malaysia. Apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah saya minta supaya fatwa-fatwa di Malaysia itu khasnya kes-kes ajaran, ajaran salah bagi saya ini boleh di kumpul sebagai jenayah syariah. Kes-kes ajaran salah itu bukan difatwakan di atas nama kumpulan. Akan tetapi difatwakan di atas nama ajaran. Tidak terbahit dengan kumpulan. Sebagai contoh saya buat misal di sini, dahulu Arqam. Arqam apabila difatwakan haram di Malaysia, lalu pengikut-pengikutnya mengubah nama lain. Apabila ubah nama lain, kena fatwa baru dan apabila fatwa baru kepada nama yang baru, dia ubah lagi nama yang lain dan kerja kita tidak selesai. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya kita tidak fatwa di atas nama ajaran tetapi kita fatwa kepada kesalahan ajaran. Kita buat sekali sahaja.

Saya difahamkan ada pihak yang mengatakan susah. Saya mengatakan bahawa kesusahan itu boleh diatasi, kita ada penasihat undang-undang dan berbagai-bagai. Kalau undang-undang jenayah kita boleh buat, bukan masalah Muhammad atau Salleh mencuri tetapi kejadian mencuri. Siapa sahaja, nama siapa, apabila dia curi sabit dengan kes curi. Begitu juga saya misalkan hal ini. Tidak kira siapa membawa ajaran itu kemudian. Apabila kita telah difatwakan bahawa ajaran itu salah. Begitulah juga saya ingin menarik perhatian di sini. Saya dengar tadi daripada Yang Berhormat kita yang berucap tentang perceraian sama ada Muslim atau non-Muslim. Saya difahamkan bahawa proses-proses di Mahkamah Syariah menunggu masa yang lama sehingga kes-kes itu bertimbun.

Oleh kerana itu, saya ingin mengetahui apa sebab yang menyebabkan kes-kes di mahkamah itu bertimbun dan tidak dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang singkat. Hatta, pendaftaran perkahwinan luar negara pun ambil masa yang sangat lama hingga kadang-kadang anak daripada hasil perkahwinan itu, lahir anak tidak boleh didaftarkan lagi dan ia memberi kesan yang sangat tidak baik kepada anak itu pada masa akan datang. Begitulah seterusnya. Saya ingin tahu apa sebabnya dan kalau tahu sebabnya, bagaimana kaedah untuk menyelesaikan masalah ini kerana kita semua apabila diberi jawatan dan tugas itu ialah untuk

memberi khidmat kepada masyarakat. Setiap pihak perlu melihat, apa dia halangan, halangan itu adalah adakah halangan komunikasi atau halangan birokrasi atau apa sebenar halangan? Bagi saya kita kena gunakan sebagaimana Rasulullah SAW sebut... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Perudahkan, jangan menyulitkan. Jadi, ini pun saya rasa konsep *wasatiyyah* yang diperkenalkan.

Seterusnya, keselamatan negara Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah* saya syukur kepada Allah SWT mendengar jawapan Timbalan Menteri di jabatan kementerian keselamatan. Semalam telah memberitahu kita bahawa Malaysia merupakan negara aman. Malaysia merupakan yang tertinggi di Asia Tenggara keamanannya dan yang kedua di Asia. Kita bersyukur hal ini berlaku dan kita menikmati keamanan ini, namun pada setiap hari kita dipaparkan di dalam akhbar berbagai jenayah. Jenayah kecil dan berat. Pada hari ini saya tengok *internet* di sini, ada 23 motosikal di Kuala Lumpur dibakar. Itu di sini. Kecurian di mana-mana sehingga sebahagian masyarakat kita berasa takut tinggal walaupun di desa. Penagihan dadah begitu ramai. Penagih ramai dan penagih ini kita melihat merupakan satu masyarakat yang sudah sekian membiak walaupun ADK berusaha sedaya upaya tetapi dia tetap bertambah.

Oleh kerana itu, saya mengharapkan kerajaan kita perlu duduk dan tengok betul-betul. Apa dia punca sebenar? Apa dia punca yang menyebabkan anak-anak kita jadi begini. Bagi saya, anak-anak kita ini, yang terlibat ini adalah di antara anak-anak kita yang gagal. Gagal tadi bukan bermaksud ialah gagal dalam pelajaran tetapi gagal dalam menemui apa dia tujuan hidup. Ini adalah tugas kita. Tugas kita sebagai kerajaan, tugas kita sebagai wakil rakyat dan tugas kita semua. Kita tidak boleh hendak lepas tangan. Kalau kita tengok "*Oh! Anak orang*". Anak orang itu, bukan anak kita. Sebenarnya rakyat kita adalah anak kita. Biar kita rasa terpanggil. Biar kita rasa sama seperti anak kita. Kita tengok orang lain sakit, itulah yang kita rasa. Kita sakit. Hal inilah yang perlu kita sama-sama menyedari dan begitulah juga jenayah berat pengedaran dadah masih berlaku. Kalau tidak ada pengedar dadah masakan orang dapat mengambil dadah. Perkara ini sampai ke kampung...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Masih lama lagikah? Saya Yang Berhormat satu minit lagi boleh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Satu minit? Satu minit boleh. Kalau tambah dua minit boleh tidak? Pertanian. Saya hendak sebut pertanian. Pertanian ini saya tengok sangat hebat di dalam ucapan Titah Baginda. Cuma satu sahaja yang saya hendak sebut. Dahulu saya ingat masa saya kecil-kecil dahulu bumi hijau. Bumi hijau ini merupakan tanaman oleh suri rumah atau orang-orang di kampung untuk keperluan harian seperti lengkuas, kunyit dan sebagainya. Tidak payah dibeli. Perkara ini perlu diingat kembali. Daripada Thailand ke Malaysia melalui Sungai Golok, empat lori, serai sahaja. Empat lori. Itu penggunaanya orang Kelantan dan orang

sekitarnya. Empat lori ini bukan satu jumlah yang kecil. Akan tetapi kalau kita tanam sendiri, *insya-Allah*, perkara ini boleh diatasi.

■1450

Kemudian komunikasi sikit Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak lagi. Saya tengok TV1 ini, gambar dia tidak berapa cantik ya berbanding dengan TV3 dan TV9. Apa masalah kita ini? Sehingga orang tidak lagi memberi perhatian kepada TV1 dan TV2. Saya harap hal ini – tidak tahulah mungkin *aerial* kawasan-kawasan tertentu, tetapi dikatakan bahawa ini adalah merupakan satu fenomena yang biasa.

Kemudian saya hendak sebut yang terakhir. Maaf, kalau terlebih sikit.

Timbalan Yang Di-Pertua: Cuba gulung Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Perkhidmatan awam ini merupakan tonggak kepada kerajaan dan pemangkin kepada semua aktiviti. Saya hendak tanya, baru ini kita di Dewan ini baru dibentangkan dengan saraan yang baru, sistem yang baru, tetapi di tarik balik. Apa sebenarnya masalah? Saya mohon penjelasan. Ini kerana semua rakyat tidak tahu apa sebenarnya masalah, cuma melalui akhbar. Ini bagi saya sangat memalukan kerajaan. Perdana Menteri membentangkan dengan bersungguh-sungguh, akhir sekali terpaksa ditarik balik. Di mana salah? Hal ini saya rasa tidak pernah berlaku sebelum ini. Oleh kerana itulah kerajaan perlu prihatin dan menyiasat apa sebenarnya yang berlaku dan di mana silap salahnya. Saya harap perkara ini tidak berulang pada kali-kali yang lain.

Akhir sekali saya hendak sebut, yang terakhir ialah pinjaman perumahan rumah kos rendah. Banyak cakap kos tinggi kah, kos rendah kah, saya tidak tahu. Cuma apabila kerajaan ingin membina rumah kos rendah dan ini adalah ramai yang terlibat, maka, kalau belum buat, saya mencadangkan supaya biar dia selesa dan ada tiga bilik. Bilik ibu bapa, anak lelaki dan anak perempuan. Anak perempuan dan anak lelaki tidak boleh tidur sekali apabila mereka telah besar. Oleh kerana itulah saya mencadangkan supaya perkara ini diberi perhatian. Terima kasih di atas perhatian yang telah diberikan. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi kerjasama. Terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chiu Tiang Chai untuk turut serta membahaskan ucapan Titah Diraja. Terima kasih.

2.52 ptg.

Datuk Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian berucap Titah Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dengan limpah kurnia dan izin agar Ke Bawah Duli Tuanku terus dikurniakan kesihatan dan kekuatan untuk terus mentadbirkan negara ini bagi penggal lima tahun akan datang.

Juga saya turut berkongsi kesedihan di atas pemergian sahabat kita mendiang Yang Berhormat Senator Subbaiyah yang telah pergi meninggalkan kita buat selama-lamanya pada minggu lepas. Takziah saya ucapkan kepada keluarga beliau.

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku menyentuh isu berkaitan tahun 2012 yang diisytiharkan sebagai Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional yang dilihatkan bakal membudayakan sains, teknologi dan inovasi sehingga ke peringkat akar umbi bagi tujuan menekankan kepentingan penguasaan bidang-bidang tersebut dalam usaha melonjakkan Malaysia ke tahap negara berpendapatan tinggi. Saya melihat keprihatinan Ke Bawah Duli Tuanku di dalam perkembangan sains dan teknologi semasa agar negara seiring dengan perkembangan pesat global dan rakyat menikmati segala kemudahan secara optimum.

Dalam aspek ini, izinkan saya menyentuh isu berkaitan inovasi kreatif Anugerah Cipta 1Malaysia. Saya amat menyokong langkah kerajaan untuk memperkenalkan Anugerah Cipta 1Malaysia bagi memperuntukkan sebanyak RM100 juta dalam usaha mengiktiraf reka cipta pelajar dan belia yang paling inovatif di peringkat nasional. Program ini saya difahamkan bakal dilaksanakan oleh NGO dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Pelajar hari ini amat kreatif dan sudah saban kali kita mendengar pelajar kita berjaya mereka cipta produk dan prototaip terbaru yang seiring dengan teknologi canggih dari negara maju, malah sering kali juga memenangi pelbagai *award* dan anugerah hasil rekaan inovatif mereka.

Saya mencadangkan supaya MOSTI dengan kerjasama Kementerian Pelajaran perlu memikirkan kaedah terbaik untuk mengetengahkan bakat pelajar-pelajar muda ini supaya bakat mereka dapat menjulang nama sekolah dan seterusnya negara.

Mampu kah kita melatih pelajar kita yang masih muda untuk mencipta sesuatu yang bakal menjadi legenda di kemudian hari seperti mendiang Steve Jobs yang berinovasi dan juga kreatif tinggi sebagai *founder Apple* di awal tahun 70-an sehingga mewujudkan iPhone, iPad dan Mac? Bolehkah negara kita melahirkan seorang yang begitu hebat seperti beliau? Jelas, senario semasa dan masa hadapan memerlukan warga Malaysia yang kreatif dan berinovasi.

Saya berpandangan melalui kreatif dan berinovasi, produk-produk terbaru yang memudahkan manusia bakal dicipta dengan kreatif dan inovasi juga, dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besar perkara, akan mendatangkan manfaat kepada manusia. Idea tidak semestinya dari seorang yang dari bidang IT sahaja, malah dari semua industri dan lapisan masyarakat.

Contoh, seorang yang mempunyai idea untuk mengurangkan kos pendingin hawa yang amat tinggi yang terpaksa ditanggung oleh *company* juga merupakan seorang yang berinovasi meskipun idea beliau tidak melihatkan teknologi terkini. Yang penting idea bernas beliau dapat dilaksanakan dengan baik. Sesuatu idea kreatif dan inovasi hanya tinggal idea semata-mata jika tidak dilaksanakan. Lihat contoh seperti mencipta...

Datuk Maijol Mahap: Saya mohon mencelah.

Datuk Chiu Tiang Chai: Ya.

Datuk Maijol Mahap: Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang Di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Saya tertarik dengan hujah sahabat saya Datuk Chiw. Saya setuju dengan beliau bahawa bidang inovasi di negara kita harus diperkasakan lagi, kerana di negara-negara lain, inilah sumber kekuatan negara. Ini adalah sumber kekuatan negara untuk melonjakkan lagi pendapatan negara yang kita boleh gunakan untuk mengetengahkan produk-produk baru.

Di Malaysia ini kita mempunyai R&D yang sudah pun di buat di universiti-universiti tempatan dan juga oleh kementerian MOSTI. Setiap tahun kita mempunyai pertandingan inovasi yang diharapkan boleh melahirkan saintis-saintis muda, melahirkan produk-produk yang boleh kita banggakan di negara kita. Akan tetapi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Datuk, walaupun kita sudah belanja banyak wang dalam R&D dan juga usaha-usaha yang begitu jitu dan mungkin boleh dibanggakan, tapi setakat ini saya belum nampak lagi produk-produk buatan Malaysia yang boleh dibanggakan seperti di negara-negara lain. Korea contohnya, mereka mempunyai produk seperti Samsung dan produk-produk lain. Akan tetapi di Malaysia ini kita belum nampak lagi produk yang boleh diketengahkan dan di pasarkan di peringkat antarabangsa yang boleh kita banggakan.

Jadi apa pendapat Yang Berhormat? Adakah sudah produk kita ini yang kita boleh ketengahkan di peringkat antarabangsa ataupun kita masih tercari-cari? Terima kasih.

Datuk Chiw Tiang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya kita di Malaysia pun tidak kurang hebat daripada negara-negara yang lain seperti Jepun ataupun Korea. Semasa ini kita nampakkan kita pun ada kereta yang canggih seperti Proton, yang baru dilancarkan Proton global. Itu pun adalah keluaran Malaysia. Saya ingat Malaysia pun pada satu hari pun kita ada tahap yang sesama dengan luar negara. Terima kasih.

■1500

Lihat contoh seperti pencipta *Facebook* kita dan *Friendster*. Idea-idea yang segar, kreatif dan inovasi serta berani apabila diketengahkan mampu menjadi fenomena di seluruh negara dan dunia. Dalam tempoh tidak sampai berapa tahun sahaja ia telah menjadi satu fenomena di seluruh dunia. Pemiliknya kini mempunyai kekayaan berbilion ringgit Malaysia. Kerajaan perlu memikirkan sesuatu bentuk program yang boleh melahirkan pelajar yang kreatif dan berinovasi tinggi, walaupun kadang-kadang pencapaian akademiknya tidak tinggi atau mungkin *drop out student*.

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku menyentuh mengenai isu berkaitan aplikasi dan pembangunan teknologi hijau yang dikenal pasti sebagai sumber baru kekayaan negara di samping ianya turut berperanan untuk memelihara alam sekitar serta mengurangkan pembaziran sumber-sumber asli yang sedia ada dan terhad di samping turut menjaga kebersihan dan kandungan udara yang sihat untuk generasi yang akan datang. Dalam isu ini

pengenalan kenderaan hibrid elektrik dan mesra alam menjadi pilihan di kebanyakan negara maju serta menjadi agenda utama R&D pembangunan kenderaan masa depan. Saya mendapati syarikat automotif tempatan Proton tidak ketinggalan untuk meneroka pasaran baru yang berjenama tersendiri, di samping pelbagai insentif dan *rebate* yang ditawarkan kepada industri dan pengguna.

Izinkan pula saya menyentuh isu cukai dan insentif bagi kenderaan hibrid dan kenderaan elektrik. Pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais bagi mengimport kereta hibrid serta elektrik yang akan dilanjutkan hingga tahun 2013. Mungkin ada yang agak keliru antara definisi kereta hibrid dan kereta elektrik. Kereta elektrik adalah kereta yang menggunakan sepenuhnya elektrik dan baterinya dicaj sama seperti *hand phone*. Manakala kenderaan hibrid pula penggabungan tenaga petrol dan elektrik yang dijana mengikut keperluan kalau ianya bergerak menggunakan petrol kenderaan tersebut akan di caj bateri dan bila sudah penuh bateri yang di caj atau bila dipandu pada kelajuan tertentu ia akan *convert* sama ada kepada tenaga elektrik atau menggunakan petrol.

Contoh, kalau kita jalan di dalam bandar ia akan guna petrol manakala kalau kita perjalanan jarak jauh atau *long distance* kita gunakan bateri mengikut keperluannya. Pengecualian cukai untuk kereta elektrik dan hibrid amatlah saya alu-alukan. Namun, saya berpandangan agar pihak kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan untuk meluaskan lagi galakan ini dan bukan sekadar terhad kepada industri automotif. Malah wajar diberi potongan cukai atau insentif yang sesuai kepada mana-mana perusahaan yang mampu beroperasi secara bersih dan kurang pencemaran melalui sistem teknologi hijau.

Saya penuh yakin industri hibrid dan teknologi baru yang akan menjadi pilihan majoriti orang ramai apabila ia menjadi lebih murah segala kos. Jika dikira kos minyak purata RM300 sebulan maka setahun adalah RM3,600 dibelanjakan. Jika pinjaman kenderaan selama sembilan tahun maka kos minyak akan dalam RM33,000. Jelas jika buat perkiraan ini pengguna yang bijak akan mendapati harga hibrid lebih menjimatkan untuk jangka masa panjang. Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim Kader untuk berucap.

3.04 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia saya sampaikan dan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah yang telah meninggal dunia baru-baru ini. Tanpa melengahkan masa saya ingin menyentuh beberapa isu atas dasar ucapan Titah Diraja yang telah disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kedudukan politik negara yang ini dilihat di persimpangan kerana usaha-usaha pihak pembangkang untuk memporak-perandakan keamanan serta kesejahteraan masyarakat dan negara yang kita dicintai. Pada sesi pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita dapat melihat pihak pembangkang telah mencerminkan kelakuan yang tidak berprofesional dengan memperlekehkan orang-orang kenamaan serta Seri Paduka Baginda dengan mengeluarkan pendapat serta komen-komen yang mengguris hati dan naluri masyarakat kita.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya adalah salah seorang yang ditempatkan dekat dengan Yang Berhormat ahli pembangkang pada sesi tersebut dan saya mendengar sendiri komen-komen mereka yang amat tidak bertanggungjawab ke atas pemimpin-pemimpin teratas dalam majlis tersebut. Saya membantah sekeras-kerasnya tindakan serta perbuatan pihak pembangkang pada tempoh hari. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa walaupun kita mempunyai fahaman politik yang berbeza, pendirian yang berlainan akan tetapi perjuangan politik haruslah dipraktikkan secara rasional dan profesional.

Tahap kematangan adalah satu faktor utama dalam mengutarakan pendapat serta perjuangan politik. Masyarakat kini terutama di bandar khususnya dan amnya luar bandar kini dilihat lebih matang serta berpengetahuan dalam agenda pembelaan nasib serta kefahaman politik yang jauh lebih mendalam. Jadi, saya pohon agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengutarakan atau menyebarkan fahaman politik mereka agar membuatnya secara berhemah serta mengekalkan tahap ke profesionalisme mereka yang tinggi dan berjuang dengan mematuhi prinsip-prinsip sivik yang telah ditanam dalam jiwa dan jasad masyarakat sejak turun temurun lagi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kedudukan masyarakat India Muslim di negara ini. Sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, kami masyarakat India Muslim di negara ini jelas mempamerkan kelayakan untuk dikenali sebagai status bumiputera. Adat yang dipraktikkan, fahaman agama serta perkahwinan dan segala urusan hidup kaum India Muslim ini tidak lari daripada hukum Islam dan setiap perbuatan dan kepercayaan adalah sama dengan cara hidup orang Islam di negara ini.

Persoalannya adalah mengapa masyarakat India Muslim ini tidak diberikan status bumiputera sehingga kini? Apakah alasan yang menghalang perkara ini? Tuan Yang di-Pertua, sedar atau tidak masyarakat kami telah banyak menabur jasa dan bakti dalam memperkasakan negara khususnya dalam pembangunan ekonomi dan modal insan di kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Saya ingin mendapatkan satu jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang disanjung agar satu penjelasan yang komprehensif dapat digariskan dalam memerangi masalah status bumiputera bagi kaum India Muslim dalam negara ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengumuman sebanyak dua kali di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2010 dan 2011, bahawa India Muslim juga

adalah rumpun Melayu. Kenyataan ini juga sejajar dengan Perlembagaan yang menyatakan dengan jelas bahawa mereka yang beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu adalah orang Melayu bumiputera. Akan tetapi pada hari ini kaum India Muslim di negara ini dijadikan bola tennis. Apabila mohon apa jua peruntukan dalam kuota Melayu mereka disuruh memohon dalam kuota India. Apabila memohon di bawah kuota India mereka disuruh pergi memohon di bawah kuota Melayu. Ini bukan sahaja berlaku setahun dua malah sedang berlaku...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua? Boleh saya mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat? Ada Yang Berhormat ingin mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tidak saya tahu Yang Berhormat ini berada dalam Dewan ini atas kuota apa sebenarnya?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: India Muslim. Yang Berhormat saya ini memang dalam kuota India Muslim. Jadi saya perjuangkan masyarakat India Muslim.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Jadi tidaklah kena analogi bola tennis tadi itu sebenarnya.

■1510

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Okey. So, ini bukan sahaja berlaku setahun atau dua malah telah berlaku selama 54 tahun. Masyarakat India Muslim di seluruh negara ini menjalani hidupan seperti warga negara kelas dua. Saya pohon agar kerajaan mengamalkan prinsip seperti yang turut dinikmati oleh kaum minoriti yang lain. Hanya dengan deklarasi ini sahaja masalah yang dihadapi oleh masyarakat India Muslim dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja mendapat jawapan bagi soalan yang dikemukakan berhubung adakah etnik India Muslim juga termasuk dalam keturunan India. Mungkin ada yang terfikir apakah rasional di sebalik soalan tersebut. Saya mempunyai asas untuk bertanya sedemikian kerana setiap insentif yang kerajaan umumkan di masyarakat India ianya tidak pernah sampai untuk masyarakat India Muslim. Dalam program transformasi kerajaan bagi kaum India juga tidak ada sebarang penyertaan kaum India Muslim. NGO-NGO India Muslim serta usahawan India Muslim tidak pernah mendapat sebarang jemputan bagi menjadi sebahagian daripada program tersebut.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sekali lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebenarnya saya bersimpatilah dengan rasa keprihatinan Yang Berhormat itu. Akan tetapi saya rasa Yang Berhormat patut juga mengetahui latar belakang sejarah. Saya baru sahaja mengajar. Memberi kuliah satu topik *Malayan*

Nationalisms di Universiti Malaya minggu lalu. Di peringkat awalnya - tolong duduk. Di peringkat awalnya dahulu di dalam tahun 30-an di Singapura berlaku persengketaan rasa konflik antara yang digunakan dengan istilah pada masa itu DKA (darah keturunan Arab) dan DKK (darah keturunan Keling). Ini bukan *offensive*. Akan tetapi ini adalah tercatat dalam buku sejarah. Jadi orang-orang DKK yang disebut pada masa itu oleh Abdul Rahim Kajai, selalu memandang hina kepada orang Melayu. Maka kerana itulah berlaku penentangan-penentangan psikologi daripada orang Melayu terhadap orang yang pada masa itu dipanggil DKK dan juga DKA jika darah keturunan Arab. Jadi ini adalah sebahagian sejarahnya. Itu masa lalu.

Masa kontemporari, saya sendiri mengalami apabila beberapa sahabat saya dari keturunan India Muslim, Muslim Pakistan yang di Universiti Malaya yang tidak dapat menghayati hasrat dan masalah bangsa Melayu. Ini antara perkara-perkara yang barangkali patut juga penyelesaian terlebih dahulu sebelum tuntutan untuk status bumiputera itu dikemukakan. Latar belakang sejarah dan perlakuan semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu sebentar Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat meneruskan perbahasan Yang Berhormat, kita ada satu usul Menteri. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.15 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 25 April 2012."

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat. Silakan.

3.16 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih tadi Yang Berhormat Profesor katakan sedikit. Akan tetapi untuk makluman semua Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, masyarakat India Muslim ini walaupun ada banyak sejarah yang mana daripada awal sampai sekarang ini kita ada banyak yang perkahwinan di antara masyarakat Melayu dan India dan yang sedih sekali adalah seorang yang mualaf yang memeluk Islam. Dia dijadikan serta-merta sebagai orang Melayu dan bumiputera. So kita adalah satu golongan generasi yang kelima dan keenam yang dahulu kita datang ke Malaysia ini tetapi memang kita ini belum dapat taraf itu. Oleh Sebab kita ada banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan tanpa kita dapat satu jawapan yang mana perlu letakkan kita di mana sebenarnya. Itu yang kita hendak bawakan di sini. Saya harap kerajaan dapat mengambil perhatian serius terhadap hak isu ini dan segala langkah penambahbaikan dapat diambil bagi memastikan sistem penyampaian dengan izin *delivery system* yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat satu kelemahan yang begitu ketara dalam Bancian Penduduk Dan Perumahan 2010. Ianya dikategorikan terperinci oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Akan tetapi jumlah 61,466 adalah merupakan satu angka yang kurang tepat. Keahlian KIMA sendiri mencecah 200,000 orang. Ini hanya sebahagian daripada populasi kaum India Muslim di negara ini. Di bawah kaum India Muslim juga terdapat etnik yang lain seperti Tamil Muslim, Malabar Muslim, Telegu Muslim, Urdu Muslim, Pakistan Muslim dan lain-lain kumpulan kecil. Data yang diberikan ini jelas menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat India Muslim di negara ini.

Saya faham sekiranya adalah sebilangan besar masyarakat India Muslim di negara ini dibanci di bawah kategori Melayu. Oleh yang demikian saya mohon pada bancian penduduk yang akan datang kerajaan akan mengambil perhatian terhadap isu ini dengan mendapat data terperinci mengenai kaum India Muslim. Angka yang tidak tepat pada data bancian boleh memberikan implikasi yang besar kerana segala peruntukan mengikut nisbah populasi kaum tidak dapat disalurkan dengan sempurna.

Sejak kebelakangan ini pembangkang memperalatkan mahasiswa universiti demi kepentingan politik mereka menggunakan isu pemansuhan PTPTN. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menjelaskan pada minggu lepas bahawa kerajaan menanggung hampir 95% kos pengajian dan hanya 5% ditanggung oleh pelajar melalui PTPTN. Pembangkang yang menghasut mahasiswa kita yang kononnya kerajaan boleh memberikan pendidikan percuma adalah merupakan retorik politik semata-mata. Pakatan rakyat tidak pernah memegang kepada janji dan satu buktinya yang nyata yang dapat kita lihat adalah pelantikan YDP Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

Kita harus sedar bahawa PTPTN banyak membantu para mahasiswa kita di IPTA dan IPTS. Jika pembangkang menuntut pendidikan percuma di IPTA bagaimana pula di IPTS. Siapa yang akan tanggung pelajar yang kurang berkemampuan di IPTS di mana kosnya yang agak tinggi. Kita tidak mahu melutut di hadapan kuasa asing untuk dana seperti yang dilakukan oleh

setengah pihak demi *survival* politik mereka. Oleh yang demikian saya mohon agar kerajaan tidak tunduk kepada sebarang desakan pihak pembangkang ini dan terus membantu anak-anak kita di IPTA dan IPTS mendapat pendidikan yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan rasa terima kasih saya kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Diraja. Dengan ini saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim untuk membahaskan ucapan Titah Diraja. Silakan Yang Berhormat.

3.18 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi saya ruang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada petang ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuanku AlHaj Abdul Halim Muadzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah serta Raja Permaisuri Agong di atas pelantikan kali yang kedua sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Di sini juga saya ingin mengucapkan takziah kepada rakan seperjuangan kita iaitu mendiang Datuk P.K. Subaiyyah yang telah meninggal dunia. Saya hanya ingin berkongsi sedikit pengalaman bersama beliau semasa pada malam beliau menghembuskan nafas terakhir beliau masih bermesyuarat Barisan Nasional negeri Pulau Pinang sehinggalah ke jam 11 malam. Kami dimaklumkan jam 4 beliau sudah meninggal dunia. Jadi seorang pejuang yang amat rajin dan berjuang sehingga ke akhir hayat beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Dewan pada hari ini, kita negara Malaysia mempunyai rekod kejayaan yang amat cemerlang dalam menguruskan pelbagai kompleks dari segi pelbagai kaum di negara ini tetapi kita masih dapat hidup dalam keadaan rukun aman dan damai.

■1520

Kejayaan ini telah mewujudkan satu suasana yang kondusif bagi memacu pembangunan untuk kemudahan dan keselesaan rakyat di negara ini. Walau bagaimanapun kita berasa sedih kerana masih ada pihak-pihak yang tertentu yang tidak senang hati dengan kerajaan, dia tidak nampak bahawa walaupun pembangunan dan kemajuan yang di kecapai sekarang adalah hasil usaha kerajaan sedia ada yang berjaya menjamin kestabilan politik negara sejak dahulu sehingga sekarang dengan mengamalkan sistem demokrasi terbuka, terpimpin berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana dalam keadaan politik sekarang, beliau masih mampu membangunkan ekonomi negara melalui GTP dan ETP. GTPs ebenarnya haruslah ditransformasikan terlebih dahulu sebelum kita dapat

mentransformasikan ETP dengan lebih cemerlang. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini pada petang ini, yang menjadi kerisauan kita sekarang ini sama ada bolehkah ETP ini dapat kita realisasikan kalau keadaan negara kita tidak stabil, yang memberikan kerisauan kepada kita adalah pelabur-pelabur asing mampukah mereka melabur di negara kita kerana sekiranya mereka mendapat tahu bahawa rakyat kita tidak bersatu padu.

Manakala dalam hal ekonomi, kita harus memastikan bahawa rakyat kita bersatu padu dan kita harus mengetepikan agenda politik masing-masing. Kita tidak seharusnya mengadakan demonstrasi jalanan yang boleh mencetuskan keadaan huru-hara, politik perkauman harus kita singkirkan sama sekali. Kalau kita lihat di negara-negara yang maju, pemimpin-pemimpin parti sama ada pembangkang ataupun pemerintah kebiasaannya bercakap mengenai pembangunan ekonomi untuk negara mereka dan bukannya memainkan isu-isu remeh dan digunakan untuk menghuru-harakan negara. Di negara kita, saya ingin mencadangkan agar kerajaan lebih tegas terutamanya Kementerian Dalam Negeri dengan mengambil tindakan kepada mana-mana badan yang melanggar undang-undang negara, sekiranya perbuatan ini tidak diambil tindakan, maka kita sebagai pemimpin gagal untuk mengajar rakyat kita menghormati undang-undang.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apabila kita memansuhkan Akta ISA sementara kita menunggu rang undang-undang baru untuk kita menggantikan ISA sekiranya berlaku apa-apa keadaan atau huru-hara, bagaimanakah tindakan yang akan diambil sementara akta yang baru ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada masa ini kejayaan kerajaan melaksanakan pembangunan secara pantas dan mampan telah merubah landskap sosioekonomi ke tahap yang lebih baik sekali gus akan membantu menjayakan wawasan kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Tahniah kita ucapkan kepada Perdana Menteri dan kerajaan yang telah berusaha untuk menetapkan gaji minimum, kalau pada masa dahulu sebagaimana yang kita tahu kalau gaji harga barang pun akan naik, jadi saya rasa kerajaan kita pada hari ini adalah amat prihatin, kita rasa kita hendak menetapkan gaji minimum, kita hendak menaikkan gaji maka kita mencari sesuatu formula supaya apabila gaji naik, harga barang tidak akan naik, disebabkan itu kita memperkenalkan saya rasa Kedai 1Malaysia, BR1M dan lain-lain lagi, tahniah diucapkan kepada Perdana Menteri.

Pada tahun ini, kerajaan telah mengisytiharkan sebagai Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional untuk membudayakan sains teknologi, inovasi sehingga ke peringkat akar umbi. Ini bertujuan bagi mencungkil kepentingan penguasaan bidang-bidang tersebut dalam melonjakkan Malaysia ke tahap negara maju berpendapatan tinggi, sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap, kalau kita melihat teknologi atau inovasi sebagaimana yang ada di Korea Selatan mereka mempunyai *Samsung TV LED* dan *computer tablet* nya yang berjaya menyaingi *Apple* dari Amerika

Syarikat. Kita lihat pula inovasi telefon bimbit seperti *Sony*, *BlackBerry* di antara Jepun dan Kanada berlumba-lumba menghasilkan inovasi produk bagi diterima di peringkat penggunaan sejagat.

Wawasan Perdana Menteri telah membuka mata rakyat kepada inovasi yang boleh melonjakkan deras kepada sebuah negara maju. Kita semua tahu penciptaan teknologi dan inovasi telah banyak dilaksanakan di peringkat universiti, R&D juga diberikan tumpuan serius oleh kerajaan menerusi peruntukan dan geran yang besar yang disalurkan kepada universiti. Saya hanya ingin bertanya kepada kementerian, berapa banyak kah produk hasil R&D universiti yang telah dipatenkan dan seterusnya produk ini dikomersialkan dan mendapat tempat di kalangan pengguna tidak kira di pasaran domestik ataupun antarabangsa. Kita ingin tahu kerana apabila kita menyalurkan sesuatu sumber kewangan kepada universiti atau geran untuk dihasilkan produk R&D dan dipatenkan, ada kalanya produk dihasilkan tetapi ia kekal di situ tidak dikomersialkan dan tidak dibawa kepada peringkat antarabangsa, ini adalah salah satu kelemahan kita dan saya rasa kita harus memandang serius mengenai perkara ini.

Selain itu saya juga hendak tahu bagaimana pula dengan ciptaan inovasi di kalangan para pelajar tidak kira di peringkat universiti, politeknik ataupun sekolah. Baru-baru ini sekumpulan pelajar Politeknik Shah Alam telah mencipta beg mudah alih barbeku atau dasar kesukaran membawa peralatan untuk berbarbeku ketika beriadah. Jadi menerusi ciptaan mereka ini, mereka telah memenangi kategori sepenuh masa pertandingan dan pameran projek akhir pelajar. Soalnya sekarang adakah produk ciptaan pelajar ini hanya setakat pembelajaran projek akhir pelajar sahaja, saya hendak tahu apakah pihak IPTA mempunyai satu jawatankuasa penilai dalam membantu mengkomersialkan ciptaan inovasi kepada pelajar ini. Apakah pengurusan IPTA ada mengadakan kerjasama dengan industri berkaitan dalam menengahkan dan mengkomersialkan kepada pengguna.

Saya melihat perkara-perkara sebegini selalu menjadi penghalang dan masalah yang besar, kita telah lama menghadapi masalah sebegini dan memerlukan usaha yang lebih agresif. Saya berharap kerajaan serius dalam menangani masalah ini. Umpamanya kita melihat Anugerah Harta Intelek Negara adalah salah satu strategi terbaik dalam membentuk minda kreatif serta menanamkan budaya inovasi dan reka cipta di kalangan rakyat Malaysia. Menerusi anugerah ini juga akan dapat mengiktiraf kepada pereka cipta, pencipta, organisasi atas sumbangan hasil harta intelek mereka dalam kemajuan ekonomi dan sosial negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian kita mengenai sistem pengangkutan awam. Sebagaimana sekiranya kita melawat ke negara-negara asing sebagai contohnya di Singapura, Australia, New Zealand, New York, Amsterdam, London dan sebagainya, semuanya mempunyai sistem rangkaian pengangkutan awam yang sangat baik bukan setakat bandar tetapi juga di luar bandar. Kalau kita mengambil contoh seperti di Jepun, China mereka mempunyai kereta api laju malahan mereka mempunyai terminal pengangkutan awam yang moden, mesra termasuklah untuk golongan OKU, orang tua, kanak-kanak dan

wanita. Di negara kita, kita ke arah itu tetapi saya rasa kita masih tidak seaktif di negara lain dan kita masih ketinggalan.

Oleh yang demikian, saya menyarankan agar Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat SPAD melihat perkara ini dengan lebih proaktif. Saya difahamkan peruntukan besar sejumlah RM400 juta telah diperuntukkan bagi menyokong pengusaha bas henti-henti. Rakyat luar bandar amat memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih baik, kekerapan bas perlu dipertingkatkan selain keselesaan kenderaan awam, suasana kondusif dan selamat harus kita pentingkan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan modal insan adalah teras dan ciri paling utama dalam membina tamadun yang hebat, ia bukan diukur dalam tempoh 10 atau 20 tahun tetapi kejayaan itu dapat dilihat sesudah 50 tahun dan kemudian 100 tahun bagi membina sebuah negara yang hebat. Malaysia tidak terkecuali dan di peringkat pra sekolah dan kanak-kanak seawal usia tiga tahun sudah diterapkan dengan pelbagai transformasi kurikulum yang saya kira amat bertuah di negara Malaysia ini inisiatif kerajaan untuk menumpukan soal itu. Dengan kadar kemasukan ke pra sekolah yang mencapai 72% membabitkan 700,000 kanak-kanak pada tahun 2010.

■1530

Saya melihat ia semakin meningkat yang mana sesudah pendidikan prasekolah dijadikan sistem pendidikan kebangsaan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1990. Soalnya sekarang ialah sistem pembelajaran pra sekolah masih ditakuk lama. Sekadar para pelajar dapat menghayati 3M: Mengeja, Menulis dan Mengira. Apakah ia memadai sedangkan negara bergerak pantas? Saya ingin menarik perhatian dan saya mohon penjelasan daripada kementerian. Kalau kita lihat tadika-tadika KEMAS atau tadika-tadika Perpaduan yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sistem yang diperkenalkan adalah sistem yang masih ditakuk yang lama dan tidak pernah dikaji semula. Sebagai contoh, kita semua tahu bahawa di bawah Program PERMATA Negara telah berjaya mencungkil ramai bakat yang berkebolehan dalam kalangan kanak-kanak.

Jadi, saya rasa adakah ia lebih baik sekiranya sistem ini kita lebarkan kepada tadika-tadika di bawah KEMAS dan tadika Perpaduan supaya ia lebih efektif. Ia amat penting kerana ini adalah memberikan kesan kepada anak-anak kita di peringkat pra-persekolahan supaya mereka lebih berketerampilan, berkeyakinan tinggi, petah berbahasa dan cerdik daripada pelbagai aspek. Saya ingin mengambil contoh, saya rasa Ahli-ahli dalam Dewan Negara juga bersetuju dengan saya. Kebanyakan kita menghantar anak-anak kita ke tadika-tadika swasta seperti *Smart Reader*, *Montessori*. Mengapa kita tidak menghantar mereka ke tadika KEMAS semua ini. Ini disebabkan kita merasakan kita mahu anak-anak ini apabila masuk ke sekolah, mereka fasih berbahasa Inggeris, fasih berbahasa Malaysia dan mereka mempunyai pengetahuan dunia luar dengan lebih meluas.

Jadi, ini berlaku kerana tadika swasta, dengan izin, *providing*, menyediakan perkhidmatan ini yang mana ia tidak ada di tadika-tadika di bawah kementerian. Jadi, saya mencadangkan modul ini haruslah diambil berat oleh kementerian dan harus dikaji dari semasa ke semasa. Ini disebabkan kita harus memastikan dalam memacu negara kita yang maju, anak-anak ini perlu kita latih dan memberikan pendedahan dari peringkat prapersekolahan lagi. Maknanya, dari peringkat dia kecil, tiga tahun, kita harus memberikan pendedahan daripada segi aspek komputer, *general knowledge*, dengan izin, geografi yang *simple*. Jadi, saya rasa ini harus dilihat dan apalah salahnya sekiranya kita ambil program *Smart Reader*. Ini disebabkan saya difahamkan *Smart Reader* ini telah menembusi pasaran China, Thailand, Brunei, Jordon dan Syria. Sedangkan ia bermula di negara kita Malaysia. Jadi, apalah salahnya kita berbincang dan cuba mendapatkan modul mereka dan kita boleh guna pakai di tadika-tadika di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, masih saya ingin bercakap mengenai pendidikan. Kali ini saya ingin menyentuh mengenai masa depan pendidikan teknikal dan vokasional yang mana ia melibatkan sinergi antara jaringan universiti teknikal Malaysia, politeknik dan kolej komuniti sebagai usaha menambah bekalan modal insan berkemahiran. Kalau kita lihat keperluan tenaga pakar dalam bidang teknikal sentiasa berubah. Ia berlaku dengan begitu pantas dan sering dikaitkan dengan bidang yang diberi tumpuan oleh negara serta keperluan pihak industri. Apatah lagi Malaysia sedang menuju ke arah negara maju pada tahun 2020, maka keperluan tenaga teknikal amat penting. Negara tidak akan mencapai wawasan itu tanpa tenaga mahir dalam bidang teknikal.

Politeknik menawarkan pengajian alternatif kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah yang mana ia khusus pada pekerja separa profesional dan peringkat eksekutif pertengahan dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh negara. Jika pada masa dahulu, sekolah-sekolah dalam bidang teknikal seperti sekolah teknik dan vokasional adalah amat terkenal kerana mereka menghasilkan tenaga-tenaga pakar yang seterusnya boleh melanjutkan pelajaran ke universiti teknologi. Seterusnya boleh menjadi *technician* ataupun jurutera. Akan tetapi pada masa ini, sekolah-sekolah yang bernaung di bawah teknik dan vokasional menjadi sekolah-sekolah yang mana ditempatkan pelajar-pelajar yang lemah dan ia menjatuhkan imej teknikal dan vokasional bagi negara kita.

Jadi, saya rasa Kementerian Pelajaran harus memandang serius mengenai masalah ini. Kalau kita ingin menjadi sebuah negara yang maju dengan melahirkan ramai tenaga-tenaga teknikal dan vokasional, kita harus meningkatkan kembali tahap keyakinan ibu bapa dan keluarga terhadap sekolah-sekolah yang berlandaskan teknikal seperti sekolah teknik dan vokasional. Pemilihan pelajar-pelajar juga haruslah dibuat dengan serius yang mana pelajar yang betul-betul layak dan dianggap memenuhi syarat untuk kita ketengahkan mereka untuk satu hari menjadi seorang ahli teknikal yang berjaya. Janganlah kita ambil pelajar yang sekolah

lain tidak mahu, barulah kita masukkan mereka ke sekolah teknik. Maka dengan itu, kita menjatuhkan imej dan juga statistik sekolah teknikal ini.

Kalau kita lihat berdasarkan statistik, saya dimaklumkan menjelang tahun 2020, negara menyasarkan 1.3 orang juta pekerja mahir yang merupakan lulusan dalam bidang teknik dan vokasional. Daripada jumlah itu, 700,000 orang pekerja mempunyai kelayakan di peringkat diploma seperti yang dijana oleh politeknik dan beberapa buah institusi pendidikan serta latihan yang lain. Oleh itu saya berharap kerajaan dan kementerian akan peka terhadap perubahan yang begitu cepat dalam bidang teknikal dan kita berharap dan mencadangkan agar kementerian mewujudkan politeknik yang khusus dan dipadankan dengan keperluan industri. Malaysia juga tidak boleh menjadi negara kompetitif dan terus ketinggalan sekiranya pendidikan teknikal dan vokasional kita tidak mengalami perubahan yang besar dan segera. Mengambil kira perkembangan berlaku di negara maju dan serantau, kejayaan negara perlu diukur bukan hanya dengan pencapaian dalam bidang akademik sahaja tetapi definisi baru kejayaan ialah melalui bidang teknikal dan vokasional.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu di dalam Titah Ucapan Tuanku ada menyentuh soal wanita dalam 30% di dalam peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat dan sebagainya. Kita ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa prihatin dan memberikan keutamaan kepada wanita. Walau bagaimanapun, saya bersetuju yang mana wanita yang berkebolehan ini diberikan kursus dan latihan supaya mereka layak untuk diletakkan sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat korporat. Akan tetapi kita juga harus mengambil perhatian mengenai wanita-wanita yang terlibat dalam syarikat-syarikat sendiri, usahawan-usahawan wanita.

Oleh yang demikian, saya menyarankan satu unit penyertaan wanita diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mana syarikat-syarikat yang diterajui oleh wanita didaftarkan di bawah unit ini. Setiap kali ada pemberian projek atau perniagaan yang ditawarkan oleh kerajaan, haruslah syarikat-syarikat yang bernaung di bawah unit ini diberikan keutamaan setanding dengan kaum-kaum lain. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu untuk berucap. Silakan Yang Berhormat.

3.38 ptg.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Izinkan saya menyuarakan rasa penghargaan di atas kesediaan Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk membahaskan satu Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan sesi Parlimen ke-12 pada 12 Mac 2012.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Baginda menyentuh isu sektor pertanian. Saya ingin mengulangi Titah Baginda iaitu bagi sektor

pertanian pula strategi akan terus dilaksanakan untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi kepada pengguna. Kerajaan juga akan terus memastikan industri agro makanan dapat mempertingkatkan sumbangan pendapatan melalui perdagangan kepada industri yang berpotensi dan bernilai tinggi yang mampu menjana pendapatan eksport kepada negara.

■ 1540

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara yang sangat bertuah diberikan dengan cuaca dan keadaan yang sangat baik dengan tanahnya yang subur, curahan hujan yang mencukupi dan merupakan satu pemberian untuk menjana kejayaan dalam sektor pertanian. Malangnya, sehingga ke hari ini negara ini telah pun membelanjakan lebih dari berbilion-bilion ringgit setiap tahun untuk mengimport barang makanan. Jangankan untuk mengatakan kita mengeksport barangan pertanian ke luar negara malah makanan ruji harian kita beras 30% diimport dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah yang dikira mempunyai keluasan tanah yang sangat tinggi dan cuaca yang baik, tanah yang subur serta hujan yang mencukupi, 70% keperluan berasnya adalah diimport. Kita terlalu ideal dan terus membiarkan tanah yang subur ini terbiar tanpa mengusahakan sebarang penanaman. Ini sangat parah serta merugikan dan kerajaan menambah kerugian ini lagi dengan memberikan monopoli kepada sebuah syarikat sahaja iaitu kepada BERNAS untuk tujuan mengimport beras.

Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan Malaysia bersikap terbuka dalam mengimport beras dengan memberikan ruang yang lebih kepada saingan untuk tujuan mengimport, saya yakin secara amnya dalam perkiraan saya rakyat Malaysia akan lebih mendapat manfaat di mana harga beras akan menjadi lebih murah sehingga ke tahap 50%. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menyegerakan langkah-langkah perlu di mana pihak kerajaan hendaklah membubarkan monopoli kepada sebuah Syarikat BERNAS sahaja dengan memberikan lesen kepada syarikat-syarikat lain serta mewujudkan persaingan sihat dalam pengimportan beras. Dengan cara ini, secara tidak langsung rakyat akan lebih gembira dan saya yakin rakyat akan memberikan sokongan penuh kepada pihak kerajaan yang memerintah pada Pilihanraya Umum Ke-13 yang mesti diadakan selewat-lewatnya pada April tahun hadapan. Tuan Yang di-Pertua, pada skala dari jangka masa pertengahan ke jangka masa panjang, saya menyarankan supaya pihak kerajaan mengambil langkah dengan melantik seorang Menteri yang betul-betul tahu dan berminat dengan pertanian serta mengambil tindakan proaktif untuk mengurangkan penyertaan dalam pengimportan barangan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kebanyakan kawasan tanah terbiar ini adalah dalam lot-lot atau plot kecil saya menyarankan supaya pihak kerajaan di bawah Kementerian Industri dan Asas Tani membantu menggembelng semua tanah yang sesuai ini menjadikan ia satu bentuk estet yang lebih besar atau dalam apa bentuk berskala besar untuk menjana projek pertanian yang membawa ke satu arah membina industri *agro* makanan yang berdaya saing. Ini

dapat mengurangkan kepada pergantungan terhadap makanan yang diimport sekali gus mengurangkan penyata import negara.

Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung rancangan ini boleh menjana pendapatan di pertukaran wang asing dan dalam menjana ekonomi dalam penyertaan pekerjaan. Saya berharap negara kita dapat mempelajari teknologi pertanian daripada negara luar seperti Taiwan, Thailand, Jepun dan beberapa negara maju dalam industri sama yang lain. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan kita mempelajari sesuatu dari peristiwa projek *National Feedlot Corporation* yang diberikan kepada sebuah syarikat yang dianggap tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman di dalam perniagaan lembu dan daging lembu dan sesungguhnya syarikat ini tidak mempunyai modal yang cukup dan tidak tahu selok-belok berniaga dalam bidang ini.

Saya harap pihak kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang kekal menjalankan tugas dengan syarikat dan pihak kerajaan hendaklah berusaha mendapatkan balik setiap sen sejumlah pinjaman berjumlah RM250 juta yang diberikan secara *soft loan*. Tindakan undang-undang hendaklah diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab yang telah belot kepada kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan dan hendaklah dikenakan hukuman yang maksimum di bawah undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh soal sektor perladangan dan komoditi di mana Baginda Bertitah: "*Kerajaan Beta juga akan terus memberi tumpuan kepada sektor perladangan dan komoditi yang merupakan penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara dan pemangkin kepada peningkatan pendapatan rakyat luar bandar*".

Justeru, program penanaman semula dan tanaman baru bagi komoditi sawit dan getah akan diperkaitkan terutamanya di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, industri perladangan yang berasaskan kepada minyak sawit dan getah telah lama bertapak di Malaysia tetapi estet atau ladang kelapa sawit masih bergantung kepada buruh asing yang jumlahnya menghampiri setengah juta orang. Hanya 85,000 pekerja dari jumlah mereka adalah rakyat tempatan. Sejumlah hampir 400,000 orang pekerja asing ini adalah dari Indonesia. Saya dengan ini menyarankan supaya pihak kerajaan dapat mengadakan satu mekanisme dengan menggembeleng semua tenaga dari mereka yang mempunyai kepakaran dalam industri sawit melalui aktiviti *research and development*, mencari jalan untuk mengadakan satu kaedah untuk mengganti pekerjaan secara manual yang dilakukan oleh pekerja asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan pihak kerajaan secara serius menjalankan kajian terhadap struktur pembayaran atau gaji kebajikan pekerja ladang, tahap dan taraf kehidupan di ladang dalam usaha mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing ini. Kita sudah seharusnya pada hari ini dapat mengelakkan dan melatih orang muda tempatan bekerja di sektor perladangan apatah lagi negara Indonesia secara agresif telah

membuka dengan luas estet-estet kelapa sawit dan ini tentulah akan terus menjejaskan sektor perladangan kita dan terus menyumbang terhadap kekurangan tenaga buruh di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi pengetahuan umum bahawa lebih kurang 30% buah sawit tidak dapat dituai dan ini menyumbang kepada sejumlah pembaziran yang besar juga kepada kerugian ekonomi negara. menurut Tan Sri Lee Shin Cheng dari IOI *Corporation* dalam laporan tahunan syarikat tahun lepas menyatakan kerugian 30% ini adalah jika diterjemahkan dalam ringgit Malaysia ia berjumlah lebih daripada RM10 bilion setiap tahun. Keadaan ini tidak berubah dari tahun ke tahun sebelumnya. Oleh itu saya ingin bertanya, apakah yang telah dicapai oleh badan *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB) yang telah mengaut banyak duit dari industri kelapa sawit ini.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, jumlah penduduk dunia semakin bertambah. Kerajaan kita sepatutnya memberikan keutamaan terhadap makanan yang mencukupi. Kita patut berhemah dalam menjaga hasil alam semula jadi, persekitaran dan punca air. Tidak semua daripada kita mempunyai kemampuan mendapatkan wang yang cukup untuk menampung kehidupan harian. Oleh itu, pihak kerajaan hendaklah mencari jalan dalam membantu mengurangkan kos kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kos kehidupan pada hari ini semakin meningkat dan meningkat laju daripada peningkatan pendapatan, dan ia menjadi tekanan dan beban kepada rakyat. Secara tidak langsung, ia boleh menyebabkan kesihatan terganggu dan terus menjadi penyebab kepada kos perkhidmatan kesihatan berterusan. Akhirnya ia mungkin menjadi punca kepada masalah perpecahan unit kekeluargaan yang secara tidak langsung melibatkan produktiviti ekonomi negara kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong juga bertitah dan pada masa yang sama keluhan dan luahan hati rakyat turut didengar. Keprihatinan ini dapat dilihat daripada pelbagai projek dan program yang memberi manfaat secara terus kepada rakyat sama ada dalam bentuk bantuan wang tunai mahupun inisiatif-inisiatif lain yang bertujuan meringankan beban kewangan dan membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah menyuarakan rasa kebimbangan mereka terhadap peningkatan kos kehidupan ini. Mereka terjat di antara perangkap kumpulan yang berpendapatan sederhana di mana peningkatan inflasi lebih jelas daripada peningkatan pendapatan. Nilai ringgit menjurus menjadi lebih kecil nilainya hari demi hari. Harga barangan kini jauh lebih mahal, tetapi apakah yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memastikan masalah rakyat ini dapat dirumuskan dalam penyelesaian terbaik dan kekal? Persoalan gaji juga menampakkan kelembapan peningkatan sejak 30 tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas saya berjumpa dengan seorang ketua eksekutif sebuah syarikat konglomerat yang berdaftar dengan KLSE di mana syarikat beliau terlibat

dengan perniagaan berkaitan dengan kuari dan bahan pembinaan. Syarikat beliau memperoleh keuntungan setiap tahun melebihi RM1.1 bilion. Beliau datang ke Malaysia pada tahun 1983 dan merekrut graduan universiti sebagai pekerja dengan kadar gaji bulanan sebanyak RM1,500 ke RM1,600. Tahun lepas beliau merekrut graduan universiti dan selepas 28 tahun, gaji permulaan mereka adalah pada RM1,800 ke RM1,900, hanya 20% peningkatan. Satu jumlah yang sangat sedikit sedangkan kos saraan lain meningkat hingga berkali ganda selepas 28 tahun.

Oleh itu, saya menyarankan supaya graduan universiti ini dibayar dengan gaji permulaan sebanyak RM4,000 supaya mereka dapat menyumbang kerja dengan gembira dan dapat meningkatkan taraf kehidupan. Saya berharap agar dasar gaji minimum yang telah lama dinanti-nantikan dapat diumumkan dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong juga bertitah dan saya ulangi Titah Baginda, *"Menyedari keperluan perumahan untuk rakyat, Kerajaan Beta telah menggubal Dasar Perumahan Negara dengan matlamat menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa dan mampu dimiliki oleh rakyat. Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Awam, Program Bantuan Rumah serta Program Rumah Mesra Rakyat di samping melaksanakan pelbagai program baru seperti Skim Rumah Pertamaku dan Perumahan Rakyat 1Malaysia."*

Tuan Yang di-Pertua, hampir semua skim perumahan kerajaan mempunyai satu perkara serupa terutamanya di Sabah iaitu semua skim perumahan itu terletak di luar kawasan atau daerah yang letaknya jauh dari kawasan bandar. Saya juga mendapati kualiti kerja-kerja binaan boleh dikatakan *substandard and inferior*, dengan izin, dengan kualiti barangan yang digunakan juga rendah. Skim perumahan yang terletak jauh dari kawasan bandar menyusahkan di mana kos pengangkutan menjejaskan tuan punya rumah. Mereka terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi dan sangat membebankan. Kedua, perumahan yang terletak jauh ini tidak akan mendapatkan satu harga yang baik kemudian hari. Saya juga syak bahawa sesetengah aset atau rumah ini telah pun mengalami kejatuhan harga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak adil kepada rakyat terutama mereka yang miskin yang rata-ratanya datang daripada kumpulan berpendapatan rendah dan berpendapatan sederhana atau pertengahan. Jika skim perumahan ini terletak di kawasan yang dikira baik atau bagus, yang dikatakan hampir kepada kawasan bandar atau senang didatangi, maka sudah tentu harganya tidak akan jatuh pada masa hadapan. Oleh itu, pihak kerajaan hendaklah memastikan beban kepada mereka yang miskin ini dikurangkan atau diringankan dan pada masa yang sama membina kekayaan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya harga hartanah meningkat dari setahun ke setahun dan sesetengahnya harga naik berganda terutamanya beberapa tahun kebelakangan di antara tiga tahun ke lima tahun. Masalah ini menjadi lebih serius apabila hartanah tersebut terletak jauh dari capaian orang ramai terutamanya bagi mereka yang makan gaji.

Jadi saya ingin menyarankan di atas isu ini bahawa pihak kerajaan hendaklah campur tangan secara terus dengan mengenakan syarat ke atas pihak bank atau syarikat kewangan supaya dapat memberikan pinjaman kepada orang ramai sebanyak 70% untuk membeli rumah kedua, pinjaman sebanyak 50% untuk pembelian rumah ketiga. Langkah ini boleh memansuhkan spekulator pasaran hartanah yang hanya berniat untuk mendapatkan keuntungan cepat sahaja. Langkah ini juga dapat menstabilkan pasaran hartanah dan membina pasaran hartanah dengan cara yang sihat, mengelakkan pasaran sementara, *bubble market*, yang akhirnya akan meletakkan bank di krisis kewangan dan memungkinkan kebangkrapan.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh isu rasuah dalam negara kita dan saya mengulangi Titah Baginda yang berbunyi, *“Usaha dan komitmen kerajaan membanteras rasuah pula terbukti dengan penubuhan Suruhanjaya Integriti, agensi penguatkuasaan dan Mahkamah Seksyen Khas Rasuah, pengenalan, persepakatan, integrasi serta peningkatan kadar sabitan kes rasuah sebanyak 75% pada tahun 2011. Namun kerajaan masih memerlukan kerjasama semua pihak untuk menjadikan negara bebas rasuah melalui inisiatif yang mencakupi aspek pendidikan, pencegahan dan penguatkuasaan.”*

Tuan Yang di-Pertua, berapa tahun dahulu apabila orang membicarakan hal rasuah, mereka mengatakan tentang duit kopi atau duit di bawah meja. Membawa maksud sejumlah wang berpindah tangan secara rahsia tanpa diketahui sesiapa pun. Akan tetapi, hari ini keadaannya menjadi lain. Apabila rasuah berlaku ia mencadangkan sesuatu yang besar dan hebat menjadi satu urusan perniagaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Malah ia secara perlahan-lahan menjadi darah daging dalam masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, rasuah ini berlaku secara terbuka dengan berani menyoal beberapa jumlah yang menjadi hak dia, hak kamu, atau hak saya. Jika kita memandu di kota-kota dan bandar-bandar kita dapat melihat sekeliling kita, mereka yang memandu kereta besar dan mewah. Deretan rumah banglo yang dimiliki oleh orang-orang yang tidak dapat menjawab dengan betul dari manakah datangnya jumlah wang untuk membeli barangan mewah itu dan status kehidupan mewah mereka.

Saya tidak ingin mempersoalkan hal ini tetapi saya mahu menyarankan badan atau agensi kerajaan yang berkaitan perlulah lebih lagi peka dan serius dalam memerhatikan siapakah ikan besar atau *‘big fish’* di sekeliling kita ini. Tuan Yang di-Pertua, rasuah merupakan satu penyakit dalam masyarakat dan negara. Saya menyarankan di sini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hendaklah diberi kuasa penuh untuk mendakwa dan bukan sekadar hanya menjalankan siasatan sahaja. Baru-baru ini Timbalan Pesuruhjaya SPRM dan Ketua Bahagian Siasatan telah membuat aduan di mana kertas siasatan kes-kes yang dihantar ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut tidak mendapat perhatian. Banyak kes yang diajukan telah mengambil masa yang panjang dan berlalu begitu sahaja.

Jika SPRM diberikan kuasa untuk mendakwa, saya pasti SPRM lebih cekap dan bebas dalam membanteras rasuah di negara ini. Di atas kebebasan SPRM, saya mengambil peluang ini untuk menerangkan kepada pihak kerajaan. SPRM diletakkan di bawah bidang Parlimen dan bukan seperti sekarang di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong juga dalam Titah Ucapan Diraja menyatakan inisiatif melalui pelajaran, penjagaan melalui kuatkuasakan adalah merupakan langkah-langkah yang perlu diambil dalam membanteras rasuah.

Saya mencadangkan setiap orang ketua mestilah menetapkan satu standard atau piawai sebagai contoh untuk diikuti oleh rakyat. Bagi Menteri dan Timbalan Menteri, pegawai-pegawai kerajaan yang tertangkap kerana disyaki melakukan rasuah mereka hendaklah melepaskan jawatan dengan kadar segera. Jika tidak segera, sukarela mereka hendaklah menerima arahan berbuat demikian dan jika degil hendaklah diberhentikan atau ditamatkan jawatan. Hanya dengan tindakan serius ini sahaja diharapkan mereka yang ingin melakukan rasuah berfikir dua kali sebelum melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun dahulu seorang Menteri Kabinet Singapura di bawah Perdana Menteri Lee Kuan Yew dituduh melakukan rasuah. Walaupun beliau merupakan sahabat kepada Perdana Menteri Lee Kuan Yew dan isteri Menteri berkenaan meminta jasa baik Perdana Menteri Lee Kuan Yew membantu untuk *cover-up*. Perdana Menteri Lee Kuan Yew tidak dapat berbuat demikian untuk mengelakkan diri untuk mengelak dari berhadapan dengan pihak mahkamah serta malu Menteri Kabinet tadi memilih untuk membunuh diri. Sebuah kematian merupakan harga yang perlu dibayar kerana rasuah di Singapura.

Akan tetapi, lain halnya di Malaysia, beberapa kes berprofil tinggi berjaya ditonjolkan tetapi pihak berkuasa agak keberatan untuk mengambil tindakan ke atas perlakuan ini, ia dilihat sebagai satu tindakan yang menutup perlakuan mereka yang melakukan rasuah. Tuan Yang di-Pertua, memanglah mustahil untuk menghapuskan rasuah secara total tetapi sekurang-kurangnya kita mestilah mampu untuk mengurangkan rasuah dengan secara pemberi dan penerima rasuah hendaklah berfikir dua kali sebelum melakukannya.

Mungkin saranan ini perlu diambil perhatian iaitu guru *syllabus* hendaklah memasukkan isu jahatnya rasuah di awal pelajaran, semasa mereka masih pada peringkat awal persekolahan. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda juga menyentuh isu penjawat awam dan saya ulangi Titah Baginda. "*Oleh itu, perkhidmatan awam sebagai tongkat jentera kerajaan perlu sentiasa mencari idea dan pendekatan baru yang lebih kreatif serta inovatif, cekap, berintegriti serta berfikiran terbuka*".

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia ini kecil tetapi mempunyai peratusan penjawat awam yang tinggi. Sedangkan negara lain peratusan penjawat awam adalah pada jumlah yang kecil dibandingkan dengan populasi mereka seperti Indonesia 2%, United Kingdom pun lebih kurang 1.8%, Kanada 2.3%. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedih apabila pergi ke

sesetengah jabatan, kementerian, agensi kerajaan, saya nampak pekerja yang tidak melakukan apa-apa tugas. Memang terdapat jabatan di mana penjawat awam rajin dan sentiasa bekerja tetapi secara keseluruhannya ramai yang tidak bekerja dari yang melakukan tugas secara normal. Saya juga dapati ada jabatan yang *grossly over staff*.

Untuk menjayakan hasrat yang di titahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, pihak kerajaan hendaklah *streamline* dan mengurangkan jumlah penjawat awam terutamanya yang tidak cekap, malas, tidak berdisiplin, bermasalah dan mereka yang tidak berfungsi. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kerajaan berbelanja hampir RM70 bilion setiap tahun menampung jumlah penjawat awam yang besar. Kerajaan dapat berjimat jika penjawat awam yang diambil cekap dan berkesan. Bahkan lebih penjimatan ini boleh disalurkan kepada projek-projek dan program lain untuk rakyat.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, hari ini hukuman yang dijatuhkan terhadap penjawat awam yang salah laku terlibat dengan jenayah dan tidak berdisiplin hanyalah ditukarkan ke jabatan atau agensi kerajaan di daerah atau tempat yang lain. Yang lebih serius akan dikuarantin di dalam *cold storage* untuk satu tempoh masa. Betapa ruginya kerajaan membayar gaji kepada mereka yang tidak bekerja. Mana-mana penjawat awam yang melakukan kesalahan hendaklah diadili di mahkamah dan disabitkan kesalahan hendaklah dipenjarakan, bukannya dengan melindungi mereka kerana mereka itu penjawat awam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini saya hendak maklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini kerana saya amat mengalu-alukan supaya Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap pada hari ini, sila kemukakan nama kerana jangan di saat, kita tinggal dua hari sahaja esok dan lusa. Bila dah sampai terakhir, semuanya hendak bercakap ketika itu mungkin agaknya masa tidak cukup. Sekarang kalau saya ada masa, saya menggalakkan sila kemukakan nama pada hari ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung. Seterusnya saya harap semua berada di Dewan ini, Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb, Yang Berhormat Puan Hajah Noriah Mahat dan Yang Berhormat Dato' Haji Saat bin Haji Abu. Silakan Yang Berhormat.

4.12 ptg.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Parlimen Malaysia pada 12 Mac 2012 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan seruan Seri Paduka Baginda yang berbunyi, *'rakyat bersama-sama memainkan peranan dalam membudayakan sikap cintakan kebersihan dan keindahan alam sekitar melalui Kempen 1Malaysia Green, 1Malaysia Clean menjadikan sektor pelancongan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi luar bandar melalui*

produk ekopelancongan dan Inap desa'. Walaupun pendapatan negara kita yang dijana dari sektor pelancongan semakin bertambah tahun ke tahun, negeri Sarawak masih menghadapi masalah-masalah seperti jaringan penerbangan yang kurang memuaskan dan sistem pengangkutan yang tidak sempurna menyebabkan sektor pelancongan Sarawak jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Hakikatnya negeri Sarawak kaya dengan pemandangan semula jadi dan juga gabungan budaya-budaya yang berasal daripada pelbagai bangsa yang berlainan. Sekiranya dilengkapi dengan jaringan penerbangan yang sempurna dan usaha-usaha promosi yang strategi serta pelancongan Sarawak dapat dimajukan dengan lebih giat lagi. Dengan penambahan pelancong ke Sarawak, secara langsung meningkatkan pendapatan serta pelancongan tempatan.

Apakah rancangan-rancangan yang telah pun dibuat oleh pihak berkenaan untuk memajukan sektor pelancongan negeri Sarawak. Semasa menubuhkan 1Malaysia Green, 1Malaysia Clean, teringat saya ramai orang awam bukan sahaja tidak menemui suasana sekeliling malah mempunyai tabiat membuang sampah sarap merata-rata tempat. Lagi memilukan apabila sesetengah kontrak membuang sampah sarap Majlis Perbandaran Daerah ataupun Majlis Bandar Raya amat tidak memuaskan. Bagi mencapai matlamat 1Malaysia Green, 1Malaysia Clean bergantung pada tenaga rakyat sahaja tidak mencukupi. Majlis Bandar Raya atau Majlis Perbandaran seharusnya memainkan peranan sebagai tenaga kerap utama. Selain itu banyak Majlis Perbandaran atau Majlis Bandaraya tidak mengambil sebarang tindakan susulan selepas pelancaran Kempen Penanaman Pokok menyebabkan matlamat kempen-kempen tersebut tidak tercapai. Usaha Majlis Perbandaran atau Majlis Bandaraya dalam aspek ini haruslah digiatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kerana kerajaan mengambil berat dalam program penanaman semula dan tanaman baru bagi komoditi sawit dan getah terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sebenarnya rakyat amat memahami bahawa penanaman kelapa sawit dan getah dapat menjana pendapatan yang bagus dan stabil malah secara langsung dapat meringankan tahap kehidupan mereka. Akan tetapi ramai rakyat di negeri Sarawak tidak dapat menyertai penanaman kelapa sawit dan getah kerana tidak ada tanah penanaman.

Ramai di antara mereka hanya dapat menggunakan tanah negeri secara haram untuk menjalankan aktiviti penanaman kelapa sawit dan getah. Akibatnya mereka akan diambil tindakan kerana menggunakan tanah negeri secara haram melibatkan usaha mereka tersia-sia begitu sahaja. Saya berharap pihak kerajaan dapat membuka permohonan tanah kerajaan dengan syarat-syarat kepada mereka yang berminat untuk menyertai industri penanaman tetapi tidak ada tanah. Dengan ini lebih ramai rakyat mendapat manfaat dan pendapatan stabil daripada sektor penanaman mendorong kepada matlamat Wawasan 2020 untuk melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita setuju dengan usaha kerajaan memandangkan strategi terus dilaksanakan untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada pengguna. Pada masa kini, kaedah penanaman padi yang dipraktikkan di negeri Sarawak masih amat ketinggalan terutamanya penduduk asli yang masih mengamalkan jenis pertanian berpindah. Teknologi moden dan peralatan pertanian masih jarang digunakan menyebabkan hasil penanaman tidak begitu memuaskan. Keuntungan yang dapat dijana amatlah terhad. Ramai petani hanya mampu mendapat hasil tanaman untuk kegunaan sendiri sahaja. Keadaan ini menyebabkan ramai rakyat tidak giat dalam aktiviti pertanian di negeri Sarawak.

Selain daripada menggiatkan aktiviti penanaman getah dan kelapa sawit, kerajaan harus menggalakkan rakyat menyertai industri agro makanan dengan memberikan pelbagai panduan kepada mereka yang berminat. Panduan yang dimaksudkan termasuklah pembukaan tanah, panduan kewangan, latihan ilmu pertanian dan teknologi moden, pakej penjualan asli pertanian dan pengangkutan. Dengan sedemikian barulah orang awam berkeyakinan untuk menceburi bidang pertanian makanan seperti padi dan sayur-sayuran. Selain daripada untuk kegunaan sendiri, hasil tanaman berlebihan akan dibeli oleh pihak berkenaan kemudian dieksport atau dijual kepada negeri-negeri yang lain. Pada masa kini, kekurangan bekalan makanan negara bergantung dengan makanan import tetapi sekiranya berlaku bencana alam atau huru-hara di negara bekalan berkenaan, negara kita mungkin akan menghadapi masalah kekurangan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan Seri Paduka Baginda yang menyatakan kesejahteraan dan kebajikan segenap lapisan masyarakat meliputi golongan wanita, warga emas, kanak-kanak, remaja, Orang Kurang Upaya menjadi keupayaan. Panduan kebajikan kerajaan dijenamakan semula sebagai Kebajikan Rakyat 1Malaysia yang lebih holistik.

■1620

Sebelum ini saya pernah membangkitkan isu kebajikan isu warga emas di Dewan yang mulia ini bahawa warga emas merupakan golongan yang pernah berjasa kepada masyarakat dan negara dan harus diambil berat. Di Semenanjung khususnya di Kuala Lumpur, kerajaan memberikan pelbagai kemudahan seperti kemudahan pengangkutan awam yang bagus, memanfaatkan warga emas di Semenanjung. Warga emas di Sabah dan Sarawak meminta diskaun istimewa untuk tambang bas dan kapal terbang yang pernah dilaksanakan seketika dahulu tetapi telah pun dibatalkan. Selain itu juga termasuk diskaun istimewa caj kediaman hotel dan keutamaan diberikan kepada mereka semasa mendapat rawatan di hospital. Adakah pihak berkenaan akan memberikan pertimbangan kepada permintaan-permintaan warga emas di atas?

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan memastikan semua rakyat mampu memiliki rumah sendiri pelbagai jenis program rumah harga rendah telah pun dilancarkan dalam tahun-tahun yang lepas untuk golongan berpendapatan rendah. Akan tetapi sehingga hari ini masih terdapat ramai orang awam mengadu tidak diberikan peluang membeli rumah harga

rendah. Sebaliknya terdapat juga ada orang memiliki beberapa unit rumah harga rendah pada masa yang sama. Adakah keadaan ini disebabkan oleh terdapat kelonggaran dalam proses pengagihan rumah harga rendah?

Mereka yang tidak berjaya membeli rumah harga rendah terpaksa mendirikan rumah setinggan di tanah kerajaan secara haram. Rumah setinggan tidak terancang, tidak teratur, sistem infrastruktur amat berkurangan dan keadaan suasana amatlah tidak memuaskan, amat bercanggah dengan Wawasan 2020 yang menegakkan negara berpendapatan tinggi. Menurut statistik yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak tahun lepas, negeri Sarawak mempunyai lebih kurang 10,000 buah rumah setinggan. Dipercayai jumlah ini tidak akan berkurangan malah akan bertambah sehingga kini. Saya menyeru kerajaan menitik beratkan masalah ini dan mengambil pendekatan penyelesaian yang terbaik supaya warganegara mempunyai rumah kediaman sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, semasa warga negara Semenanjung asyik mengadu atas kekurangan sistem perkhidmatan pengangkutan awam, rakyat Sarawak masih menghadapi masalah jalan utama yang menghubungkan seluruh negeri berada di dalam keadaan yang kurang memuaskan. Jangan lagi berharap untuk sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang lengkap. Kementerian Kerja Raya juga bersetuju jalan utama Sarawak memerlukan kerja penyelenggaraan secara keseluruhan dan memakan perbelanjaan yang besar. Negeri Sarawak amatlah luas. Semua kenderaan sama ada kenderaan kecil seperti basikal, motosikal, motokar atau kenderaan besar seperti bas, lori, semua menggunakan jalan tersebut. Keadaan jalan tersebut yang turut juga menyebabkan pengguna jalan raya menghadapi risiko nyawa dan kerosakan kenderaan mereka. Apakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menjalani kerja penyelenggaraan menyeluruh untuk jalan utama Sarawak?

Selain itu, saya mencadangkan untuk mendirikan satu landasan kereta api yang menghubungkan bandar-bandar utama dan pelabuhan di negeri Sarawak. Dengan ini kenderaan pengangkutan berat seperti kayu balak, kelapa sawit atau produk-produk industri dapat dihantar melalui perkhidmatan kereta api, mengurangkan jumlah bilangan kenderaan berat yang bergerak di atas jalan utama, seterusnya mengurangkan kos penyelenggaraan jalan utama dan mengurangkan kos pengangkutan produk-produk industri dan pertanian. Dengan ini daya saing produk negeri Sarawak dapat ditingkatkan dan akhirnya memberi manfaat kepada pengguna. Dengan mengurangkan bilangan kenderaan berat atas jalan utama Sarawak ianya juga dapat meringankan beban jumlah subsidi diesel dan jumlah penggunaan bahan bakar diesel.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan udara Sarawak perlu dikaji semula dari semasa ke semasa bergantung kepada situasi dan keperluan semasa. Saya ingin mengetahui rancangan kerajaan terhadap beberapa isu yang pernah saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu projek pembesaran koridor perjalanan Lapangan Kuching di mana Timbalan Menteri pernah melawat ke tempat tersebut sendiri dan setuju dengan cadangan saya. Keduanya, penerbangan terus iaitu dengan izin, *direct flight* untuk sektor Kuching ke Bintulu sesi petang

belum lagi dipulihkan. Bintulu dan kawasan Industri Similajau telah berjaya menarik ramai pelabur asing dan projek-projek berkenaan sedang dijalankan. Ramai pelabur asing dan penduduk tempatan mengadu kerana penerbangan terus sektor Kuching-Bintulu sesi petang tidak mencukupi. Pada masa ini hanya satu penerbangan Kuching-Bintulu melalui Sibu pada sesi petang di mana penumpang ke Bintulu perlu menunggu dalam kapal terbang semasa transit di Sibu. Akan tetapi terdapat empat penerbangan untuk sektor Kuching-Sibu pada sesi petang. Sibu mempunyai populasi hanya 50,000 lebih daripada Bintulu. Sektor Kuching-Bintulu amat memerlukan penerbangan terus iaitu dengan izin, *direct flight* pada sesi petang. Saya berharap pihak berkenaan akan mengambil berat terhadap perkara ini. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat untuk berucap. Dipersilakan.

4.27 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Parlimen 2012.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebagaimana yang dititahkan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia dalam Titah Baginda telah membuktikan Pelan Transformasi Kerajaan dan Pelan Transformasi Ekonomi telah mampu membawa kita menuju negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah berjaya mentransformasikan negara Malaysia dan menyediakan pelan lakaran yang sungguh baik dan efektif yang menggariskan prinsip yang memandu hala tuju kerajaan iaitu Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan dalam menangani cabaran era globalisasi serta dunia tanpa sempadan bagi mengukuhkan masyarakat majmuk Malaysia.

Kemajuan negara kita pada hari ini adalah hasil dari penggemblengan tenaga rakyat dan usaha giat kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menjayakan program-program yang digariskan dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP). *Alhamdulillah* kita rakyat dalam bandar dan luar bandar telah merasai nikmat pengagihan hasil negara melalui pelbagai cara seperti BR1M, 1Azam, Perumahan PR1MA dan banyak lagi.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Pelajaran. Guru kokurikulum mengiringi pelajar. Saya ingin menyentuh berhubung dengan tugas dan tanggungjawab guru dan guru yang bukan sahaja dari segi

pembelajaran dan pengajaran tetapi juga terlibat dengan aktiviti kokurikulum pelajar seperti sukan, persatuan dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu sering kali guru kokurikulum atau lain-lain guru ditugaskan membawa pelajar bagi aktiviti ini yang kebiasaannya menggunakan kenderaan guru berkenaan. Malang tidak berbau, kadang-kadang guru ini terlibat dengan kemalangan dan masalahnya guru-guru ini dikatakan tidak mempunyai perlindungan insurans untuk mengiringi atau membawa pelajar. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi melindungi guru yang mengiringi pelajar-pelajar ini sekiranya berlaku kemalangan.

Seterusnya mengenai dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Pemberian Baucar Buku 1Malaysia yakni BB1M oleh kerajaan kepada pelajar institut pengajian tinggi yakni IPT awam dan swasta sebanyak RM200 merupakan peluang keemasan pada pelajar IPT kerana pelajar IPT tidak pernah menerimanya sebelum ini. Bantuan Baucar Buku 1Malaysia ini memberikan manfaat kepada lebih 1.3 juta pelajar IPT. Maklum balas yang diterima menunjukkan pelajar-pelajar ini amat menghargai pemberian baucar buku ini tetapi masalahnya ramai pelajar berpandangan pemberian baucar ini kurang tepat dari segi masanya.

Ada pelajar IPT yang menerima baucar ini di awal semester sedangkan pelajar-pelajar ini telah pun membeli buku yang diperlukan. Ada juga pelajar IPT yang menerima di akhir semester yang menyebabkan pelajar ini tidak dapat memanfaatkan kerana belum mengetahui buku teks atau rujukan yang diperlukan untuk semester berikutnya. Keadaan inilah yang mendorong sebahagian pelajar mengambil keputusan melolong di internet yang kemungkinannya tidak menyedari dari segi implikasi undang-undang.

Pemberian BB1M ini selain meringankan beban pelajar untuk mendapatkan buku rujukan berkualiti, ianya juga bertujuan untuk meningkatkan budaya membaca di kalangan pelajar IPT. Berhubung dengan BB1M ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah melanjutkan tempoh sah laku baucar ini daripada 31 Mac 2012 kepada 30 April 2012. Di samping itu saya ingin mencadangkan supaya ianya dapat diteruskan pemberian baucar buku kepada pelajar IPT ini di masa hadapan dan sama ada pemberian ini diberikan setiap semester ataupun setiap setahun sekali.

Mengenai dengan Kementerian Pengajian Tinggi iaitu kemasukan pelajar melalui UPU, baru-baru ini Kementerian Pelajaran menyatakan keputusan permohonan memasuki kolej matrikulasi akan diumumkan pada 25 April 2012 dan dijangka pelajar yang berjaya akan mendaftar diri di kolej matrikulasi pada 27 Mei 2012. Bagaimanapun Kementerian Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa keputusan permohonan untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA melalui permohonan Unit Pusat Universiti (UPU) akan diumumkan pada 8 Mei 2012 dan kemasukan pula 28 Mei 2012.

Keadaan ini telah menimbulkan serba salah di kalangan pelajar sama ada hendak menerima tawaran di kolej matrikulasi atau menunggu tawaran UPU. Keadaan seperti ini

berlanjutan bertahun-tahun. Jadi saya ingin mencadangkan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi, dua-dua Menteri datang daripada Johor, berpakat baik-baik supaya menyelaraskan agar keputusan permohonan ke kolej matrikulasi dan permohonan melalui UPU ini dapat diumumkan serentak.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional sebagaimana yang hangat diperkatakan sekarang ini walau telah agak ramai Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berhubung dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di Dewan yang mulia ini namun saya juga ingin menyambung sedikit.

PTPTN telah memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar baru untuk melanjutkan pelajaran ke IPT dan politeknik semenjak tahun 1999 lagi melalui Skim Wang Pendahuluan Diri yakni WPD dan kemudiannya Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) mulai Disember 2008 bagi keluarga berpendapatan kurang RM4,000 sebulan. PTPTN juga menyediakan Skim Pinjaman Pendidikan yakni SPP bagi pelajar IPT dan IPTS dari peringkat diploma hingga doktor falsafah termasuk kursus profesional.

Isu utama membangkitkan PTPTN iaitu melupuskan bayaran balik pinjaman PTPTN sedia ada dan menjadikannya biasiswa sepenuhnya. Cadangan ini adalah berdasarkan konsep *free education* yang diuar-uarkan sesetengah pihak dan kerajaan telah menjelaskan jika PTPTN melupuskan semua pinjaman, kerajaan terpaksa menanggung lebih RM43 bilion yang boleh memfliskan kerajaan. Selain itu, rasionalnya adalah sebahagian pinjaman PTPTN lebih kurang 1/3 adalah digunakan untuk membayar yuran manakala selebihnya untuk sara diri. Maka adalah tidak wajar pinjaman PTPTN dimansuhkan khususnya yang melibatkan perbelanjaan sara diri.

Saya amat terperanjat apabila ada Ahli Dewan Rakyat yang meminta kerajaan menghapuskan pinjaman PTPTN ini dengan alasan selama ini pun kerajaan membelanjakan jutaan ringgit untuk menanggung penagih dadah di pusat serenti dan pesalah di penjara, maka kerajaan diminta turut menghapuskan pinjaman PTPTN walaupun sebahagiannya adalah kos sara diri pelajar.

Kesimpulannya, saya ingin mempertahankan langkah kerajaan untuk terus menjadikan PTPTN ini sebagai pinjaman pelajaran dan hanya pelajar yang mencapai taraf cemerlang seperti ijazah kelas pertama sahaja wajar diberikan keistimewaan menukar dari pinjaman kepada biasiswa. PTPTN telah dianggarkan telah melupuskan pinjaman sebanyak RM339 juta bagi pelajar yang mendapat ijazah kelas pertama dan kebanyakannya adalah pelajar IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin berkongsi sedikit dengan Ahli Dewan pada hari ini, pada hari semalam saya sempat melihat tempat pelajar-pelajar yang buat tunjuk perasaan di sana dan saya yakin dan percaya mak bapa mereka ini tidak tahu menahu anaknya buat kerja dekat di situ dan ada dataran itu terpaparlah satu patung anak kecil, sudah dibungkuskan jadi mayat dan duduk ditengok ramai-ramai.

Saya sebenarnya ingin menyampaikan salam di Dewan ini daripada ibu bapa, orang kampung. Terima kasih banyak kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana ada PTPTN inilah anak-anak mereka dapat pergi ke pusat pengajian tinggi. Kalau tidak, "*pi mai, pi mai tang tulah*" macam dahulu. Anak orang kampung, anak orang miskin tidak merasa hendak pergi kalau bapanya tidak kaya, tidak jadi DO.

Jadi anak-anak kita, sedarlah bahawa kalau tidak ada Kerajaan Barisan Nasional yang membuat PTPTN ini, *insya-Allah* mereka memang tidak akan sampai ke pusat pengajian tinggi dan saya ingat Tuan Yang di-Pertua, anak-anak ini tidak pernah makan ikan kering buat sambal tumis. Waktu itu saya makan ikan kering bersama tumis kerana mak bapa kita hidup susah, anak-anak yang ada di situ saya rasa petik tepi, tengah menyala. Jadi dia tidak tahu susah payahnya mak bapa dia dahulu.

Jadi kita ingatkan semoga anak-anak kita yang berada di situ dia kena insaf. Mak bapa dia dekat rumah itu susah, dia pun tidak tahu anaknya duduk di situ. Kalau dia tahu anak dia duduk di situ, dia mesti menangis Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya ingin menyambung, sehubungan dengan itu saya ingin menarik perhatian agar PTPTN memberikan penukaran daripada pinjaman kepada biasiswa hanya kepada pelajar IPTA sahaja manakala pelajar IPTS yang membuat ijazah kelas pertama diberikan potongan 50% daripada pinjaman berbanding penukaran kepada biasiswa sekarang memandangkan pelajar sendiri memilih untuk belajar di IPTS dan yuran yang tinggi di IPTS selain *grading* di IPTS yang agak rendah berbanding IPTA.

■ 1640

Tambahan pula kebanyakan yang memilih untuk belajar di IPTS adalah dari keluarga yang berkemampuan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar peminjam PTPTN yang mencapai ijazah kelas dua atas sama ada di IPTA atau IPTS turut diberikan pengurangan bayaran balik pinjaman sebanyak 30% daripada pinjaman bagi menggalakkan pencapaian cemerlang pendidikan. Berhubung dengan PTPTN ini saya menggesa agar PTPTN mengambil tindakan yang lebih tegas kepada peminjam PTPTN yang degil untuk membayar balik pinjaman. Walau bagaimanapun, saya berharap PTPTN mencari jalan yang lebih berkesan selain menyenaraihitamkan peminjam melalui Jabatan Imigresen Malaysia, PTPTN perlu wujudkan mekanisme yang lebih efektif untuk mengutip pinjaman dari lebih satu bilion peminjam.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan belia. Belia adalah merupakan aset negara dan merupakan lebih 46% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Ini bermakna suara belia dan juga tenaga belia adalah penting bagi merealisasikan matlamat dan visi kita ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Namun perubahan persekitaran kesan daripada arus globalisasi, urbanisasi dan kepesatan kemajuan teknologi maklumat telah mempengaruhi senario belia masa kini dan generasi belia kini berhadapan dengan unsur yang boleh membentuk persepsi dan sistem nilai sehingga

menjejaskan keharmonian dan cara hidup mereka. Masalah sosial seperti homoseksual, buang bayi, bunuh diri dan sebagainya cukup sinonim dengan golongan belia.

Justeru sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam memperkasakan lebih 46% daripada keseluruhan jumlah penduduk negara yang akan mewarisi negara ini wajar sekalilah sistem penyampaian kementerian diperingkatkan bagi memastikan dasar dan polisi kerajaan dalam memperkasakan belia negara ini dapat dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi selaras dengan Program Transformasi kerajaan. Dicadangkan agar satu mekanisme perlu diwujudkan yang berupaya melaksanakan program pembangunan yang diterajui oleh sumber modal insan yang profesional dan sokongan yang jitu daripada golongan belia serta di dokong oleh sistem penyelarasan dan pemantauan yang berkesan.

Kita dapat lihat wujudnya masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan transformasi bagi memperkasakan Program Bina Upaya dalam membentuk generasi belia berintegrasi dan jati diri yang tinggi. Antaranya program-program KBS yakni Kementerian Belia dan Sukan kurang mendapat sokongan daripada pertubuhan belia, kelemahan pengurusan program di peringkat daerah, sistem pemantauan program yang kurang berkesan, kelemahan penyelarasan program dan kekurangan pegawai berwibawa di peringkat akar umbi.

Cadangan saya disarankan agar KBS mengkaji semula pendekatan dan strategi yang terbaik untuk meningkatkan tahap pengurusan pertubuhan belia, mempertingkatkan daya kepimpinan persatuan serta keberkesanan peranan pegawai-pegawai penggerak belia di samping memantau prestasi...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: ...Setiap belia dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada Yang Berhormat bangun minta penjelasan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta mencelah sedikit. Saya tertarik dengan pemerhatian Yang Berhormat tentang perlunya KBS memberikan tumpuan yang lebih banyak menggunakan sumber dan keupayaan untuk pembangunan belia sebab kesan yang saya dapat setakat ini ialah bahawa KBS lebih menekankan sektor sukannya dan seakan-akan mengabaikan sektor belianya.

Sebenarnya perkara ini hendak saya sentuh dalam ucapan saya tetapi terlajak Yang Berhormat telah menyentuhnya jadi saya hanya hendak berkongsi pandangan dan menyetujui apa Yang Berhormat sebutkan itu dan saya rasa memang patut ini kita berikan penekanan supaya kementerian namanya sahaja belia lebih dahulu daripada sukan tetapi sumber-sumber yang digunakan lebih banyak untuk sukan daripada belia. Pada pandangan saya. Mungkin silap tetapi setidaknya-tidaknya itulah daripada segi publisiti bahawa sektor sukanlah yang lebih banyak mendapat keutamaan. Terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Memanglah itu pun yang dicakapkan di peringkat bawah. Yang

Berhormat kerana sekarang ini nampaknya kerajaan lebih mengutamakan sukan. Patut namanya didahulukan Kementerian Sukan dan Belia bukan Kementerian Belia dan Sukan. Jadi kena ubahlah ataupun *diseparatekan* kementerian belia satu, kementerian sukan itu satu. Jadi tidaklah anak-anak belia kita ini keciciran nanti. Jadi kalau belia ini sudah marah di peringkat bawah inilah jadinya kita ini, payah. Saya sambung, terima kasih.

Jadi disarankan agar KBS mewujudkan pejabat di setiap kawasan di peringkat Parlimen dan meletakkan pegawai-pegawai bagi tujuan pemantauan dan sebagainya sebagaimana agensi-agensi lain seperti KEMAS, JASA dan sebagainya ada di peringkat DUN-DUN. Saya tidak pasti kenapa Menteri Belia dan Sukan tidak nampak benda ini. Patutnya sudah lama dahulu dia nampak. Saya minta Tuan Yang di-Pertua oleh kerana belia ini penting untuk dunia, untuk masyarakat di Malaysia ini, saya rasa di peringkat akar umbi ini sudah boleh ada kena wujudkan seberapa segera yang boleh. Tidak silap saya yang lepas saya ada bangkitkan tetapi tidak ada nampaknya *follow-up*.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan belia masa kini menghadapi pelbagai cabaran dalaman dan luaran. Antaranya melibatkan gambaran imej pertubuhan yang tidak memuaskan. Penganjuran program yang kurang berkualiti, kewangan, pertubuhan yang lemah, masalah kepimpinan golongan belia yang tidak minat berpersatuan serta pengurusan yang lemah. Adalah dianggarkan terdapat lebih kurang 60% daripada jumlah populasi belia tidak terlibat dalam mana-mana pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sekejap Yang Berhormat. Saya hendak menarik perhatian Dewan ini ada tidak wakil-wakil Kementerian Belia dan Sukan di dalam Dewan? Ada tidak, di kiri kanan itu pegawai-pegawai Kementerian Belia dan Sukan? Timbalan Menteri sudah tidak ada. Wakil-wakil kementerian ada tidak, duduk di luarkah? Saya ingin menegur sekali lagi. Pernah saya buat teguran dahulu sungguhpun waktu ini agaknya memang sedap tidur tetapi walau bagaimanapun, saya hendak ini adalah satu Dewan yang mulia kita membincangkan satu dasar saya hendakkan pegawai-pegawai kementerian berada dalam Dewan. Inilah contohnya.

Saya ingin menarik perhatian semua pihak yang bertanggungjawab termasuk mana-mana kementerian. *I'm very serious* dalam perkara ini, dengan izin. Jangan ingat Dewan ini hanya untuk berseronok dan untuk bercakap tetapi orang yang berkenaan tidak ada. Silakan Yang Berhormat. Teruskan. Cakap Yang Berhormat apa yang patut. Teruskan dan kita hendak tengok jawapan macam mana Kementerian Belia dan Sukan jawab nanti.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana ingatan itu dan saya selaku Ahli Dewan Negara turut berdukacita di atas ketidakhadiran pegawai-pegawai termasuklah pegawai Kementerian Belia dan Sukan yang sepatutnya kementerian yang dipandang tinggi yang sedang diutamakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat keadaan yang sedang berlaku di Dewan Negara sekarang ini. Terima kasih.

Jadi cadangan saya justeru KBS perlu mengambil pendekatan yang sesuai dengan menggalakkan perwujudan persatuan belia dan semua kawasan Parlimen menghidupkan semula persatuan belia yang tidak aktif dan menjadikan belia sebagai kumpulan sasaran serta sebagai rakan kongsi melalui perancangan bersama. Bagi menggerakkan persatuan secara aktif program-program bimbingan, galakan dan promosi perlu dilaksanakan secara berterusan dengan lebih intensif dan berfokus.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membawa isu masalah gejala sosial iaitu LGBT (*lesbian, gay, bisexual dan transgender*). Proses globalisasi yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang membangun dan stabil telah membawa pelbagai pengaruh luar selain mampu mempengaruhi dan mentransformasikan institusi ekonomi dan sosial rakyat negara ini. Keadaan ini telah menimbulkan suasana yang menampilkan sikap individualisme, materialisme dan juga budaya Hinduisme.

■1650

Hal ini lebih membimbangkan apabila wujudnya gejala sosial yang tidak bermoral dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya homoseksual dan LGBT. Seperti mana yang kita maklum, laporan menyatakan terdapat 70,000 orang yang dikategorikan sebagai LGBT ini. Ramai daripada mereka adalah dari golongan profesional. Hal ini dapat dilihat sebagai masalah apabila golongan LGBT semakin diiktiraf oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Hal ini ditambah dengan berleluasa aktiviti-aktiviti terancang dengan adanya kelab dan pertubuhan yang menawarkan perkhidmatan kepada ahlinya. *Masya-Allah*. Bertambah teruk apabila berlaku golongan LGBT mengambil tindakan untuk keluar daripada agama Islam kerana mereka tahu perbuatan mereka adalah salah di sisi agama.

Banyak contoh-contoh kes yang kita baca di internet. Malah, kita melihat beberapa pertubuhan mengiktiraf golongan tersebut di negara ini dengan menekan undang-undang negara yang meletakkan hubungan itu sebagai kesalahan jenayah. Majlis Peguam misalnya menolak hubungan sesama jenis yang dilakukan secara suka sama suka antara orang dewasa suatu jenayah sekali gus tidak harus dibawa ke mahkamah. Institut Hak Asasi Manusia Persatuan Guam Antarabangsa (IBAHRI) yang mendesak kerajaan menghalalkan aktiviti LGBT dengan meminda undang-undang sedia ada kononnya bagi memastikan perundangan negara seiring dengan undang-undang antarabangsa.

Isu LGBT ini makin dibincangkan setelah pembebasan Ketua Pembangkang daripada tuduhan kes liwat baru-baru ini. Dilaporkan pembebasan beliau tersebut diraikan oleh golongan LGBT. Laporan media juga menyatakan bahawa Anwar menegaskan prinsipnya mengenai LGBT dan akta berhubung golongan tersebut adalah lapuk dan wajar dihapuskan sama sekali. Kenyataan Anwar Ibrahim ini bertentangan dengan agama Islam. Adakah pemimpin yang ini yang hendak kita pilih esok untuk jadi Perdana Menteri? Barang dijauhkan Allah. Kita amat mengecam perkara tersebut dan rakyat sepatutnya sedar dan sebagai seorang Islam dan digelar pemimpin, beliau tidak wajar bersikap demikian. Sanggup bersikap mengetepikan

prinsip dan pegangan Islam semata-mata cuba menonjolkan kepada masyarakat dunia terutamanya barat bahawa beliau boleh bersifat terbuka dalam perjuangan hak asasi manusia termasuk dalam soal hubungan sejenis meskipun perkara itu jelas ditolak oleh semua agama. Namun bagi mereka yang waras, ia adalah satu kenyataan yang melampau.

Sebagaimana yang diketahui umum, tiada agama dan budaya di dalam dunia ini menghalalkan seks songsang mahupun amalan yang diperjuangkan LGBT itu. Dalam hal ini kita boleh merujuk kepada firman Allah SWT menerusi Surah Hud ayat 113 yang bermaksud, *“Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim. Maka kalau kamu berlaku demikian, api neraka akan membakar kamu sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah. Kemudian dengan sebab kecenderungan kamu itu, kamu tidak akan mendapat pertolongan”*.

Justeru, adalah dicadangkan agar kerajaan perlu tegas dalam membanteras isu-isu LGBT ini. Jangan diberi muka kepada golongan yang mengadakan apa pun jenis program dan sebagainya yang seolah-olah mengiktiraf mereka. Penguatkuasaan dari segi undang-undang wajar dipertingkatkan bagi menyekat penularan budaya ini di kalangan masyarakat kita.

Kedua, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan diminta melihat dan memantau dan memastikan radio dan televisyen serta media massa menghentikan serta-merta rancangan yang menyiarkan watak pondan (lelaki lembut) serta watak yang bercanggah dengan norma masyarakat kita di negara ini yang beragama. Ini bagi mengelakkan penularan gejala negatif lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) yang tidak diterima oleh mana-mana agama pun di dunia. Meskipun hanya suara yang ditayangkan dan didengar tetapi kesannya seolah-olah masyarakat negara ini mengiktiraf golongan ini.

Ketiga, kerajaan patut menghentikan tayangan drama atau filem, kartun dan apa juga yang berkaitan dengan LGBT ini. Kita lihat di negara Korea, drama-dramanya banyak diminati oleh rakyat Malaysia tidak kira umur. Meskipun cerita moden, namun cerita yang ditayangkan mesti memegang adat budaya dan cerita sebegini mesti mendapat tempat di kalangan penduduknya yang sekarang jauh lebih maju meninggalkan kita.

Di sini saya juga ingin mengambil peluang menyarankan agar kerajaan mengkaji semula garis panduan penyiaran berita-berita berkenaan masalah sosial seperti membunuh, merogol dan sebagainya di berita utama. Masyarakat merungut *stress* serta penat dengan berita sekarang yang banyak menyiarkan berita-berita jenayah di sana sini seolah-olah negara kita tidak selamat dan jenayah tidak dapat dikawal. Jadi kita sepatutnya memulakan berita-berita utama dengan menyiarkan isu-isu pembangunan negara, kejayaan-kejayaan dan berita-berita yang positif di awal berita. Berita negatif seperti sosial diminta diletakkan sebagai berita sampingan, dipilih dan dikhabarkan dalam bentuk yang mampu menyedarkan masyarakat. Berita sebegini sepatutnya disiarkan setelah kes itu diputuskan di mahkamah dan menekankan pengajaran kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda... *[Batuk]* Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya minum air sikit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ambil masa, Yang Berhormat. *No problem.* Minum dulu.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lembut hati saya tengok Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya minum air tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana Yang Berhormat bercakap sudah cukup bagus dan kita harap kementerian-kementerian yang berkenaan itu ada di dalam Dewan ini mewakili kementerian untuk menjawab nanti. Saya akan memerhatikan perkara ini mestilah diambil perhatian oleh semua kementerian. Dipersilakan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Dalam Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia telah menyebut bahawa wanita adalah bak mutiara yang tidak ternilai sumbangannya bukan sahaja kepada keluarga dan masyarakat malah kepada negara. Baginda berbangga dengan penyertaan kaum wanita dalam pelbagai sektor kini semakin diiktiraf di dalam dan di luar negara. Di dalam Parlimen sendiri, kerajaan telah menterjemahkan pencapaian wanita itu sendiri di negara.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah dan berbangga dengan Yang Berhormat Puan Doris. Pelantikan Yang Berhormat Puan Doris sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua jelas melonjakkan semangat wanita dalam menyumbang tenaga dan keupayaan kepada pembangunan negara. Kita berikan tahniah kepada Yang Berhormat Puan Doris. *[Tepuk]*

Hal ini menunjukkan kepercayaan kerajaan terhadap keupayaan wanita dalam pelbagai bidang terutamanya dalam mengendalikan sidang Dewan Parlimen yang merangka dasar dan polisi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dasar melibatkan 30% penyertaan wanita dalam peringkat menentukan dasar dilancarkan pada tahun 2004 dahulu, pelbagai usaha dan program memperkasakan wanita telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan. Penyertaan wanita dalam tenaga buruh juga makin meningkat daripada 45.7% pada tahun 2007 kepada 46.1% tenaga kerja wanita pada tahun 2010.

Namun, tidak dinafikan bahawa statistik menunjukkan bahawa kita hanya mempunyai 5.2% terlibat dalam peringkat penggubal undang-undang. Pegawai kanan dan pengurusan sebanyak 8.4% adalah profesional. Statistik menunjukkan jumlah enrolmen wanita yang melahirkan tenaga profesional adalah lebih tinggi iaitu di IPTA adalah 60.1% dan 53.7% di IPTS. Jadi ke manakah para profesional dan graduan-graduan wanita ini?

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan matlamat 55% wanita dalam sektor pekerjaan pada tahun 2015 sebagaimana yang telah dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini?

Apakah inisiatif dan mekanisme yang diambil kerajaan bagi memastikan semua pusat asuhan kanak-kanak dapat didaftarkan? Adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan pusat asuhan swasta beroperasi di jabatan kerajaan untuk memastikan pusat asuhan dapat diwujudkan di jabatan-jabatan kerajaan? Apakah inisiatif dan mekanisme yang diambil kerajaan bagi memastikan semua pusat asuhan kanak-kanak dapat didaftarkan? Adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan pusat asuhan swasta beroperasi di jabatan kerajaan untuk memastikan pusat asuhan dapat diwujudkan di jabatan-jabatan kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang sektor pelancongan. Di sini secara ringkas sahaja saya minta pihak kementerian datang melawat ke Parlimen Pagoh, kawasan Timbalan Perdana Menteri dan memajukan kawasan kita untuk pelancongan. Memandangkan Pagoh berdekatan dengan pintu masuk negara melalui Singapura dan bakal dimajukan sebagai hab pendidikan serta laluan kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Singapura. Maka wajar sekali ia dimajukan sebagai kawasan *hub* pelancongan. Kita juga mempunyai tempat-tempat bersejarah seperti Bukit Kepong. Di mana Muzium Bukit Kepong akan dibangunkan? Di sini saya juga hendak mengambil kesempatan bertanya kepada kementerian berkenaan, bilakah Muzium Bukit Kepong ini akan dibina? Saya berharap agar muzium ini dapat dibangunkan dengan segera bagi memastikan sejarah Bukit Kepong dan warisnya segar dalam setiap peringkat masyarakat dan menanam jati diri yang tinggi kepada warganegara terutamanya kepada belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkhidmatan awam. Saya ingin menyentuh berhubung dengan perkhidmatan awam khususnya berhubung gaji penjawat awam. Baru-baru ini kerajaan telah membatalkan hasrat untuk memperkenalkan Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam yang didapati mempunyai banyak kelemahan dan sebaliknya. Mengekalkan Skim Saraan Malaysia dengan beberapa penambahbaikan. Di samping itu kerajaan juga mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Khas bagi menyemak SSM yang memastikan keadilan bagi semua penjawat awam. Dalam masa yang sama akan melahirkan penjawat awam yang berkualiti dalam membawa negara maju dan pendapatan tinggi menjelang 2020.

Sehubungan dengan itu, kerajaan baru-baru ini mengumumkan pelarasan gaji lebih tinggi kepada penjawat awam dalam kumpulan gaji Gred 1 hingga Gred 54 sebanyak 13% dan 7% hingga 9% kepada kumpulan JUSA ke atas. Kadar pelarasan gaji ini membayangkan penggunaan prinsip peratus kenaikan yang lebih tinggi bagi golongan berpendapatan rendah dan peratus kenaikan yang kurang bagi golongan berpendapatan tinggi. Sementara itu, kadar kenaikan gaji tahunan bagi penjawat awam Gred 1 hingga Gred 54 ialah antara RM80 hingga RM320 setahun. Keputusan ini boleh dianggap mempunyai keadilan dan kesaksamaan bagi semua penjawat awam. Bagaimanapun jurang gaji di kalangan penjawat awam ini masih wujud berterusan dan melebar.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sama ada akan mengkaji semula kenaikan gaji yang lebih tinggi bagi Gred 1 hingga Gred 41 jurang pendapatan gaji penjawat awam dapat

dikurangkan dan memastikan setiap penjawat awam berada di atas garis kemiskinan sebanyak RM1,500 sebulan. Saya ingin mencadangkan kenaikan gaji penjawat Gred 1 hingga Gred 41 ini dikaji dan mencadangkan kenaikan sehingga 30% untuk Gred 1 dan 20% untuk Gred 41.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sekejap Yang Berhormat. Ada tidak wakil-wakil daripada JPA? Pegawai-pegawai dari JPA ada? Terima kasih bagus. *[Tepuk]* Teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada JPA yang prihatin dan ini juga saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampak siapa yang rajin siapa yang tidak rajin Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apakah insentif lain kerajaan bagi mengurangkan beban penjawat awam dalam Kumpulan Gred 1 hingga Gred 41 ini? Berhubung dengan kenaikan gaji penjawat awam saya ingin membangkitkan tentang penjawat awam sama ada berjawatan tetap ataupun kontrak yang telah mencapai gaji maksimum. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan jumlah penjawat awam kontrak dan tetap serta berbagai-bagai gred yang telah mencapai gaji maksimum. Ramai di kalangan penjawat awam sama ada tetap ataupun kontrak telah mencapai gaji maksimum melebihi lima tahun. Adakah kerajaan sedar keadaan ini telah menyebabkan sebahagian penjawat awam demoralisasi atau bermotivasi rendah?

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah mekanisme yang akan digunakan bagi memastikan setiap penjawat awam sama ada tetap mahupun kontrak. Mendapat anjakan gaji dan tidak terus beku beberapa tahun malah ada yang telah melebihi tujuh tahun pada paras gaji maksimum. Selain gaji, isu besar dalam perkhidmatan awam ialah berkaitan dengan kedudukan penjawat awam yang layak dinaikkan pangkat tetapi jabatannya tidak mempunyai peruntukan bagi kenaikan pangkat. Ini yang belum lagi yang ada diskriminasi Tuan Yang di-Pertua. Keadaan ini terjadi kerana jawatan dalam perkhidmatan awam mempunyai terlalu banyak klasifikasi perjawatan yang bilangannya terhad.

Oleh itu bagi penjawat awam yang berhadapan klasifikasi kekosongan jawatan untuk kenaikan pangkat terus terperangkap dalam sangkar jawatannya yang tidak mempunyai laluan terbuka. Hal ini menyukarkan urusan pengurusan sumber manusia di pelbagai peringkat dalam perkhidmatan awam. Saya ingin mengalu-alukan langkah JPA yang telah membangunkan dan mewujudkan Sistem Selenggara Skim Perkhidmatan dan Fungsi baru-baru ini. Bagi memastikan sistem yang lebih cekap untuk menyelenggara gred gaji termasuk menambah gred gaji baru atau mengemas kini serta menghapus gred gaji yang sedia ada berdasarkan maklumat terkini dan bersepadu. Oleh itu sistem pengurusan sistem penjawat dalam perkhidmatan awam yang kompleks ini memerlukan teknologi pengurusan maklumat yang canggih.

Perkara berkaitan keadilan dan kesaksamaan bagi setiap orang penjawat awam juga akan dapat ditangani dengan menggunakan teknologi pengurusan maklumat yang canggih. Sehubungan itu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi

penggunaan teknologi dalam membantu pengurusan penjawat awam bagi memastikan setiap orang penjawat awam dapat keadilan dan kesaksamaan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan daripada kementerian-kementerian yang sama-sama menghadiri sidang Dewan pada hari ini, yang tidak jemu sampai petang nanti, juga rakan-rakan kita yang masih lagi setia berada di dalam Dewan. Mungkin ini menjadi contoh dan teladan dan dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin sekali lagi menarik perhatian semua Dewan yang mulia ini. Dalam persidangan Dewan sama ada Dewan Rakyat, Dewan Negara pengalaman saya ada dalam perkara ini. Maknanya kalau pihak Menteri, Timbalan Menteri tidak perlu datang tetapi sekurang-kurangnya dia menghantar seorang pegawai mewakili kementerian yang berkenaan. Memang ada tugas itu. Tadi contohnya Kementerian Belia dan Sukan, apabila saya arahkan bentara pergi seluruh mencari baru dia masuk. Mana duduknya, mungkin dekat surau kah, sembahyang, wirid kah, macam mana? Persoalannya sekarang ini jangan ambil remeh, ringan, apa yang berlaku di Dewan ini.

Dewan ini adalah satu Dewan yang tertinggi sekali membuat dasar kerajaan dan kementerian, kerajaan telah buat segala-galanya untuk kebaikan rakyat. Akan tetapi pegawai-pegawai di peringkat bawah mesti juga peka dan prihatin dalam perkara ini. Saya akan merakamkan perkara ini dan saya akan menyatakan kepada kementerian yang berkenaan. Saya harap perkara ini diambil perhatian semua kementerian. Sekian. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

5.09 ptg.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang untuk sama-sama membahaskan usul menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

■1710

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada Datin Vallini kerana pemergian salah seorang rakan baik kita iaitu Senator Datuk Subayah. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyambung sikit sahaja apa yang disebut Yang Berhormat Hajah Noriah tadi berhubung dengan Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun pada asalnya saya tidak berhajat untuk menyentuh perkara ini iaitu dalam soalan ke 19 untuk hari ini, saya telah membangkitkan satu soalan yang berkaitan dengan belia, kepentingan kita menjaga belia. Soalan saya berbunyi, saya minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah strategi kementerian menganjurkan sambutan Hari Belia secara besar-besaran di peringkat nasional dan negeri sedangkan sambutan yang sama tidak lagi dianjurkan di peringkat akar umbi iaitu di daerah-daerah.

Jadi saya dapat jawapan dan jawapan ini saya rasa mungkin tidak lengkap dan tidak memuaskan Tuan Yang di-Pertua. Ia tidak menampakkan kesungguhan kita menjaga

kepentingan belia-belua di peringkat akar umbi. Jadi mungkin saya boleh mengajukan soalan tambahan, sebenarnya berapa banyakkannya sambutan Hari Belia di peringkat daerah yang bakal diadakan? Berapa bilangannya? Jadi secara khususnya kita tahu nanti. Ini sebab *statement* yang diberi jawapan bertulis ini, dia kata ada tetapi tidak ada kesahihannya. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, prosedurnya, kalau ada yang mencelah dia bangun, Yang Berhormat setuju beri laluan? Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sikit sahaja sebenarnya. Bila Yang Berhormat Dato' Najeeb minta supaya kementerian berkenaan menyatakan bilangan projeknya, saya rasa perlu juga diminta sekali bajet yang telah diperuntukkan untuk melihat keseriusan perancangannya, terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak masuk ke bahagian kedua, tetapi baguslah sudah sokong. *[Ketawa]* Saya banyak mendapat rintihan daripada persatuan-persatuan belia yang nampaknya merasakan mereka susah hendak bergerak disebabkan peruntukan yang begitu terhad, sumber yang begitu terhad. Jadi soalan pokok tadi Yang Berhormat Hajah Noriah tadi sama ada peruntukan besar diberi kepada sukan sedangkan belia dikurangkan ataupun dianaktirikan. Ini satu isu besar yang kita perlu rungkaikan.

Biar saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, transformasi kerajaan dalam membuat pengagihan dalam bentuk subsidi, nampaknya begitu memberangsangkan. Tahun ini, selaras dengan apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan 2012, maka telah dilancarkan beberapa bentuk pengagihan yang terus kepada rakyat. Kita semua tahu bahawa di peringkat awal kita dah dapat RM100 untuk anak-anak kita bersekolah, RM200 kepada pelajar IPTS dan IPTA, dan BR1M yang ketiga di mana pendekatan ini menampakkan suatu transformasi. Sebagai pemimpin di peringkat bawah, kita telah sama-sama memainkan peranan mengagihkan baucar BR1M itu dan jelas nampaknya bahawa rakyat daripada pelbagai latar belakang, dari pelbagai agama, daripada pelbagai suku kaum, etnik dan juga fahaman politik nampaknya menerima dengan hati yang gembira. Daripada air muka mereka ketika kita mengagihkan baucar itu, nampaknya mereka amat berterima kasih kepada kerajaan dan tidak silap ataupun salah kalau saya panjangkan bahawa mereka mengharapkan agar program-program pengagihan seumpama ini dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

Saya berpendapat dan bersengkongkol dengan mereka-mereka ini kerana RM2.6 bilion yang kita guna pakai untuk diagihkan kepada 4.3 juta mereka-mereka yang layak di bawah Bantuan Rakyat 1 Malaysia sebenarnya satu angka yang boleh kita sumbangkan ataupun kita ketepikan atau agihkan untuk kumpulan sasar iaitu seramai 4.3 juta setakat ini. Kalau paling banyak pun sekitar 5 juta, ertinya 2.5 bilion. Dengan ini kita boleh lakukan dengan mudah

apabila kita mengubah strategi kita mengalirkan subsidi kepada rakyat jelata. Hari ini kita tahu bahawa jumlah RM33.2 bilion yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk subsidi tahun ini, sebilangan besarnya adalah untuk bahan api dan inilah salah satu *area* ataupun sesuatu yang boleh kita kaji semula sistem pengagihan ini supaya golongan yang berpendapatan tinggi yang lebih mewah, dikurangkan subsidi tetapi kita mengalihkan pandangan yang lebih kepada mereka-mereka yang memerlukan.

Saya ucapkan tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang telah berjaya mengurus pengagihan ini dengan cepat dan cekap yang mana kalau diikuti bukanlah sesuatu yang mudah. Kalau kumpulan sasar sekitar 5 juta ini, kalau kita hendak proses dengan cara yang biasa, ia memakan masa yang amat panjang tetapi Lembaga Hasil Dalam Negeri berjaya dan kita telah mengagihkan secara berperingkat-peringkat. Sekarang kita sudah ada *database* ataupun pangkalan data yang lengkap mereka-mereka yang layak dan sudah tentu ini akan memudahkan apabila kerajaan ingin membuat pengagihan pada masa-masa yang akan datang.

Di samping itu, di samping kita mengkaji subsidi-subsidi yang ada, kita perlu lihat kembali satu persatu sama ada dalam sektor bahan api ataupun bahan makanan kerana terdapat hari ini kita dah ketahui baru-baru ini apabila sebuah organisasi membangkitkan kepada kementerian bahawa rupanya ada pengilang-pengilang yang membuat kek dan biskut yang hari ini berniaga berjaya mengurangkan harga jualannya disebabkan oleh bahan mentah iaitu tepung yang digunakan adalah bahan-bahan yang disubsidi oleh kerajaan, tetapi digunakan secara komersial. Inilah antara ketirisan-ketirisan yang saya rasa perlu kita perbaiki dari semasa ke semasa dan simpanan ataupun *saving* daripada ini dapat kita agihkan sebanyak RM2.6 bilion tadi untuk BR1M pada masa akan datang, begitu juga RM553 juta untuk bantuan kepada 5.5 juta anak-anak kita di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita telah terbaca di paparan akhbar bahawa pegangan hak milik bumiputera dalam sektor korporat telah meningkat. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kepimpinan negara kerana hari ini, pemilikan ekuiti bumiputera di dalam sektor korporat telah meningkat daripada RM127.4 bilion pada tahun 2008 kepada RM167.7 bilion pada hari ini. Peningkatan yg ini tinggi dan sekarang ini kita bumiputera mempunyai 23.0% pemilikan ekuiti. Inilah sesuatu yang boleh kita banggakan disebabkan oleh beberapa dasar yang baru yang telah diperkenalkan terutamanya dalam penguasaan syarikat-syarikat melalui agensi-agensi yang sedia ada ataupun yang telah diwujudkan baru-baru ini setelah Yang Amat Berhormat melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi yang antaranya adalah melalui TERAJU.

■1720

Saya yakin kalau pelan seumpama ini diteruskan dengan keadaan ekonomi akan terus berkembang pada tahap hari ini, *insya-Allah* kita boleh, mampu menguasai 30% pada tahun sasaran iaitu tahun 2020. Perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan kolaborasi di antara *Malaysia Airline System* (MAS) dengan AirAsia. Kita semua telah

dimaklumkan pada pertengahan tahun dahulu bahawa telah dilakukan satu kerjasama pada asalnya *merger* atau penggabungan dan selepas itu dikatakan kolaborasi tetapi setakat hari ini, kita masih samar-samar lagi apakah *synergy* ataupun penggabungan itu telah melahirkan *efficiency* yang lebih tinggi. Saya rasa kita perlu tahu bagaimanakah caranya penggabungan ini nanti boleh memanfaatkan, terutamanya *stakeholders* yang sedia ada, pertamanya ialah kakitangan. Ahli Yang Berhormat semua tahu bahawa 20,000 kakitangan *Malaysia Airline* baru-baru ini telah melahirkan kerisauan mereka, kerana kedudukan pekerjaan mereka masih belum selamat.

Nasib baiklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan tidak ada yang akan diberhentikan setelah penggabungan ini dilakukan. Jadi kita ingin tahu sekarang ini, apakah, ke arah manakah penggabungan ini ataupun kolaborasi ini akan menuju dan siapakah sebenarnya yang akan lebih mendapat manfaat di samping pemilik-pemilik baru dalam penggabungan ini. Satu perkara yang harus kita ingatkan di sini ialah – saya pernah bertanya dalam Dewan yang mulia ini pada sesi yang lepas, apakah kesudahannya dengan *fact-finding* ataupun usaha yang dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti berhubung dengan dakwaan bahawa terdapat anasir-anasir yang boleh meragukan tentang pertukaran saham di antara MAS dan juga AirAsia. Setakat hari ini, kita masih belum dapat keputusan ataupun *fact-finding* yang telah dibuat sekian lama.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan pengenalan dasar baru oleh Bank Negara berhubung dengan pengeluaran pinjaman peribadi yang dikuatkuasakan pada 1 Januari baru lalu, di mana Bank Negara telah mengarahkan semua institusi bank agar mengetatkan syarat-syarat kita mengeluarkan pinjaman. Kalau sebelum ini pinjaman adalah tertakluk kepada jumlah pendapatan seseorang itu, tetapi mulai daripada 1 Januari baru lalu, syarat-syarat ini telah diubah kepada kebergantungan kepada *net income* seseorang itu. Ini merangkumi pinjaman-pinjaman untuk perumahan, kereta, kad kredit dan seterusnya.

Saya bertanyakan ini kerana terdapat beberapa sektor industri yang merasakan syarat-syarat baru itu telah bergerak ke arah sesuatu yang negatif. Umpamanya surat khabar hari ini telah memaparkan bahawa PEDDA, Proton Edar Distribution Association dengan izin telah melahirkan keresahan mereka kerana sebagai pengedar kereta-kereta Proton, bilangan permintaan untuk kereta Proton telah menurun begitu banyak sekali. Daripada setiap permohonan yang dibuat, hanya 30% sahaja permohonan yang diluluskan, bayangkan. Ini menyebabkan 70% lagi tidak mendapat kelulusan pembiayaan dan sudah tentu mereka terpaksa membatalkan hasrat untuk membeli kereta itu. Begitu juga satu lagi industri iaitu REHDA, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia yang mana mereka merasakan dengan syarat-syarat baru ini yang lebih ketat, maka permintaan untuk perumahan semakin menurun, terutamanya di bidang perumahan yang di dalam sekitar harga pertengahan iaitu

medium *cost houses* dengan izin. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, apakah sebenarnya impak setelah syarat-syarat baru ini diutarakan sejak 1 Januari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kerana baru-baru ini telah mengumumkan bahawa kalau selama ini ada sebuah sahaja syarikat *pay TV* atau TV berbayar iaitu ASTRO yang selama ini telah memonopoli kandungan-kandungan TV, terutamanya di dalam bidang sukan, umpamanya *Barclays Premier League* iaitu, *English Premier League* (EPL) maka dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri itu, monopoli oleh *pay TV* akan tidak wujud lagi selepas 1 Mei. Ini bermakna syarikat-syarikat TV yang dipanggil FTA, *Free-To-Air TV* yang mana mereka tidak mengenakan apa-apa bayaran kepada pelanggan, boleh menayangkan kandungan-kandungan yang sama daripada syarikat TV berbayar tadi. Ini saya rasa satu langkah ke hadapan bagi kita menggalakkan persaingan, dan sudah tentu ia boleh menurunkan kos kepada kita sebagai pelanggan.

Di samping itu, baru-baru ini saya telah dimaklumkan bahawa Astro sebagai sebuah *pay TV* telah melancarkan satu rangkaian baru yang dinamakan NJOI. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat semua tidak tahu ini sebab ia belum berada dalam pasaran. NJOI ini adalah merupakan satu rangkaian TV percuma dikelolakan oleh Astro yang melingkungi lebih kurang 37 saluran, termasuklah saluran-saluran seperti Awani, Prima dan Astro Oasis, TV1, TV2 dan sebagainya. Ini juga cara operasinya sama, di bawah Akta Multimedia dan Komunikasi 1998. yang mana mereka dibenarkan juga menayangkan iklan-iklan setiap hari. Jadi saya ingin tahu, sama ada NJOI ini akan dapat dinikmati kepada mereka-mereka yang layak keseluruhannya di seluruh Malaysia, kerana saya difahamkan ia akan mula beroperasi pada pertengahan tahun ini.

Saya juga mencadangkan, kalau TV1, TV2 ada dalam itu, mungkin kita boleh masukkan saluran-saluran TV yang dikelolakan oleh Media Prima seperti TV3, Al-Hijrah dan sebagainya supaya mereka-mereka di luar bandar ini boleh menerima saluran rangkaian NJOI ini, boleh menikmati saluran-saluran yang saya sebutkan tadi dengan lebih jelas. Kalau tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat bahawa TV1 tidak berapa jelas, mungkin kalau mereka *subscribe* kepada saluran NJOI ini, sudah tentu akan menikmati saluran yang lebih jelas selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, pagi ini saya telah juga mengutarakan isu berhubung dengan SME Bank iaitu satu bank yang diamanahkan untuk membantu kumpulan sasar Industri Kecil dan Sederhana. Kalau diikuti kepada laporan kewangannya, nampaknya bank ini telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM146 juta sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi. Apa yang saya ingin ulas semula ialah tentang sumbangan SME Bank ini kepada masyarakat IKS. Ini kerana SME Bank ini mempunyai modal yang terhad dengan saham pemilik berjumlah RM752 juta.

Dengan pinjaman yang ada dalam buku mereka RM3.5 bilion, sudah tentu mereka mempunyai sumber yang terhad untuk mengembangkan perniagaan. Jadi, itu sebab hari ini diumumkan juga bahawa mereka bercadang untuk menerbitkan sukuk atau pun bon Islam bagi meningkatkan kuasa modal mereka supaya mereka boleh mengembangkan.

Akan tetapi dalam masa yang sama kita juga ingin tahu bahawa SME Bank ini sebenarnya mempunyai peranan yang lebih besar lagi daripada itu. Kalau dalam penyata atau pun jawapan yang diberi oleh Menteri tadi, kejayaan mereka setakat ini hanya satu kelompok kecil sahaja yang telah menerima manfaat. Kalau setakat 7,500 pelanggan yang mereka ada setakat ini setelah beroperasi tujuh tahun, saya rasa itu satu bilangan yang cukup kecil sedangkan IKS di negara kita beratus-ratus ribu angkanya dan 7,500 sudah tentu *percentage* nya terlalu kecil.

Jadi, kita mencadangkan agar SEM Bank ini dilihat semula modus operandinya, di samping peningkatan modal bagaimana SME Bank boleh bekerjasama secara lebih hebat lagi dengan agensi-agensi yang mempunyai matlamat yang sama. Umpamanya SME Corp dan lain-lain agensi yang lain, agensi-agensi kerajaan yang lain.

Saya juga ingin bertanya apakah rasionalnya SME Bank di dalam rangkaian produk yang mereka ada termasuk produk yang dipanggil I-CASH iaitu satu pinjaman peribadi. Sedangkan sebagai sebuah bank yang fokusnya kepada IKS kenapa ada produk untuk pinjaman peribadi kepada kakitangan kerajaan. Ini yang saya tidak faham. Saya juga mencadangkan kepada SME Bank supaya menyemak semula cara mereka beroperasi selama ini kerana dalam pengalaman saya dengan SME Bank ini saya lihat ada perkara-perkara yang terlampau birokratik yang boleh mengekang kemajuan perkembangan bank di samping meningkatkan bilangan IKS yang berjaya dan di samping itu sudah tentu meningkatkan *percentage* yang lebih tinggi iaitu sumbangan IKS kepada KDNK negara.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, isu PATI yang berkait rapat dengan Jabatan Imigresen telah banyak disentuh dalam kita bersidang dua hari ini. Saya juga ingin menyentuh sedikit dan mengaitkan pengalaman saya ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhenti sementara? Terima kasih. Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Dewan ini sebab mengikut catatan saya cuma ada satu lagi yang hendak berucap selepas Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb. Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat ada yang hendak bercakap pada hari ini? Kalau ada, tolong hantar nama kepada saya sekarang. Kalau tidak, saya terpaksa mencari seorang menteri untuk mengemukakan satu usul. Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam proses pemulihan 6P yang dijalankan baru-baru ini, yang telah tamat pada 10 April baru-baru ini, kita dimaklumkan sebanyak 2.3 juta warga asing telah direkodkan. Daripada angka ini, 1.01 juta adalah mereka yang sah dan 1.3 lagi adalah daripada kalangan PATI iaitu yang tidak sah. Nampaknya di sini memberi gambaran bahawa di Malaysia hari ini adalah lebih ramai yang tidak sah daripada yang sah.

Di samping itu sebanyak 70,000 majikan telah mendapat manfaat. 372,000 pekerja telah diampunkan sepenuhnya, telah diberikan pemutihan. Manakala 132,000 telah diberi pengampunan dan telah pun balik. Ini satu inisiatif yang baik dan berjaya dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri dan saya ingin mengucapkan tahniah.

Di samping itu saya lihat ada beberapa perkara yang menyulitkan semasa program 6P ini dijalankan. Dalam pengalaman saya sendirilah apabila pembantu rumah saya yang tanpa disedari telah tamat tempohnya dalam beberapa bulan akibat kecuaijan ejen yang telah saya amanahkan. Apabila saya berhubung dengan pihak Jabatan Imigresen nampaknya banyak perkara yang menyulitkan yang boleh menjadikan proses ini susah. Itu satu.

Yang kedua, pegawai-pegawai yang ada di sana nampaknya macam tidak tahu prosedur. Tidak tahu apa yang hendak dinasihatkan kepada pelanggan dan ini akhirnya menyulitkan dan menyebabkan saya sendiri sebagai majikan kepada pembantu rumah saya terpaksa menunggu sehingga awal tahun ini, baru saya boleh berurusan dengan Jabatan Imigresen dan akhirnya saya dikenakan denda sebanyak RM2,000 disebabkan kelewatan yang bukan saya sengajakan, bukan saya yang lakukan melebihi enam bulan.

Bila berhubung dengan pihak atasan di jabatan tersebut, dia ada kuasa bagi diskaun 10% sahaja. RM200 sahaja. Saya rasa macam lebih kurang sama, tidak ada diskaun lah itu. Jadi, bila ditanya dia kata itu limit dia. Jadi, sama ada masuk akal atau tidak ini satu perkara kebenaran.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya berpengalaman dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Najeeb tadi adalah pengalaman yang juga banyak dialami oleh orang-orang lain, individu lain termasuk saya sendiri. Jadi, kita mengharapkan supaya jawapan yang sekhhusus mungkin, jawapan yang paling spesifik diberikan mengenai penggunaan denda yang tidak munasabah ini.

Apa alasan kita yang menjadi mangsa dan kita juga yang dikenakan denda. Kata orang Melayu ini sudah jatuh ditimpa tangga. Jadi, saya berkongsi keprihatinan dengan Yang Berhormat Dato' Najeeb. Saya mohon supaya pihak yang berkenaan bila menjawab persoalan ini nanti memberi jawapan yang tidak *general* tetapi memberi jawapan yang spesifik. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Najeeb, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus yang mungkin telah sama-sama berkongsi pengalaman. Satu lagi saya hendak sebut di sini, apabila di tahun pertama pembantu rumah saya telah *expired*. Masuk tahun kedua saya dikenakan denda dan saya dikehendaki untuk membuat - FOMEMA untuk dua tahun. *Where is the logic* dengan izin. Ertinya saya terpaksa membuat dua laporan FOMEMA kesihatan untuk dua tahun. Satu tahun untuk yang *current* dan satu tahun untuk yang sebelum ini. Ini prosedur.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kecil tetapi saya bangkitkan kerana inilah birokrasi yang berlaku di bawah yang kadang-kadang tidak dirasai tetapi berlaku dan menyulitkan. Sedangkan kita berusaha untuk memutihkan tetapi prosedurnya menyulitkan, satu.

■1740

Keduanya, sudah tentulah yang saya sebutkan tadi iaitu pegawai-pegawai mungkin tidak di taklimat sebaik mungkin yang menyebabkan lain pegawai memberi penerangan yang berbeza dan ini juga menyulitkan prosedur. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh berhubung dengan pejabat Imigresen Seremban, Negeri Sembilan yang mana saya membuat hubungan ini dan saya lihat pejabat itu terlampau sempit dan orang terlampau ramai. Saya ada gambar-gambar untuk menjadikan bahan bukti. Gambar-gambar ini bukan saya yang ambil tetapi pegawai-pegawai imigresen yang beri saya. Nampaknya mereka yang minta saya ketengahkan kerana mereka pun sudah tidak tahanlah. Jadi saya berharap Kementerian Dalam Negeri dapat membantu dalam menguruskan perkara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan satu perkara ataupun isu yang sering dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat iaitu isu pendidikan percuma. Saya hendak sentuh sedikit sahaja sebab banyak yang sudah disentuh oleh orang lain. Sekadar ingin berkongsi iaitu apabila PTPTN mula ditubuhkan dan dalam keadaan yang begitu serta-merta dan ketika itu saya bertugas dalam salah sebuah institusi perbankan telah sama-sama melihat perkembangannya dan sama-sama membantu mengurus pengagihan dan juga kutipannya.

Saya lihat program yang bagus ini telah disalahtafsirkan. Kalau sebelum ini saya banyak berhadapan dengan masalah-masalah penuntut-penuntut yang dapat tawaran belajar di IPTA terutamanya. Kita lihat pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang mendapat tawaran tetapi kebanyakannya sebelum ini telah menolak kerana tidak mampu untuk masuk universiti. Pada ketika itu hendak menyediakan wang pendahuluan sebanyak RM1,000.00 pun mereka tidak mampu dan setelah PTPTN diperkenalkan, kita seharusnya tidak lagi mendengar mana-mana lagi golongan yang tercicir untuk masuk universiti IPTS atau IPTA. Jadi PTPTN kalau dihalusi niat kerajaan sebenarnya ialah untuk membantu golongan-golongan ini dan juga golongan-golongan yang mampu sedikit untuk mendapat pembelajaran di *level* atau di peringkat IPTS-IPTS tadi dengan bantuan segera melalui PTPTN.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit?

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bagaimana pandangan setengah pihak kata PTPTN harus dihapuskan, bagi sedikit komen?

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih sahabat saya Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar, saya akan komen, *insya-Allah*. Jadi niat yang suci yang ingin melihat tidak ada keciciran anak-anak kita ke universiti, ke IPTA, IPTS dan sebagainya akhirnya telah mencecah ke satu angka yang tinggi iaitu RM43 bilion dan di peringkat awalnya tadi saya sendiri mengamati bahawa sistem kutipan memang longgar pada ketika itu. Bukan sahaja dalam PTPTN sebenarnya banyak lagi agensi-agensi kerajaan kalau saya sebut. Banyak dana yang telah dikeluarkan tetapi tidak mempunyai sistem untuk mengutip balik, banyak. Tidak usah kalau sebut nanti panjang. Jadi biar kita fokus dalam PTPTN dan sistem ini diperbaiki beberapa tahun kemudian dengan pertukaran CEO-CEO dan sebagainya.

Akhirnya kita dapat satu sistem di PTPTN itu yang mampu mengutip sekian banyak dan saya hendak tahulah daripada kementerian setakat ini berapakah NPL yang ada, berapa bilangannya, berapa yang telah *blacklist*kan dan berapa yang menghadapi masalah di atas sebab-sebab ini tadi? Saya rasa tidak ada sebabnya kita harus menghapuskan PTPTN dan saya juga menghargai pandangan-pandangan daripada pihak pembangkang sendiri kalau kita lihat akhbar semalam pun bersetuju. Apa yang diperlukan ialah memperbaiki keadaan dan mengukuhkan sistem dalaman supaya pengagihan dibuat dengan baik, dengan cepat di samping itu sistem kutipan pun hendaklah diperkukuhkan.

Jadi saya berharap saya dapat menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar tadi bahawa menghapuskannya tidak produktif kerana kita akan mendidik generasi muda ini untuk sesuatu yang percuma yang mereka tidak hargai. Kita boleh bagi subsidi, kita boleh bagi agihan tetapi kalau kita memberi atau menghapuskan pinjaman ini seolah-olah kita membuat satu *floodgate* yang baru kepada generasi akan datang. Kumpulan yang RM43 bilion ini jumlahnya sudah tentu mereka yang memerlukan dan mungkin satu mekanisme sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat tadi kita kaji dan kita beri sedikit kelonggaran kepada mereka-mereka yang berjaya mendapat keputusan yang baik sama ada bagi 75% diskaunkah, 25% kah bergantung pada mekanisme yang kita cadangkan tetapi untuk dimansuhkan 100% sudah tentu ini tidak mampu yang pertama, RM43 bilion sebenarnya satu angka yang besar.

Kedua kita akan menghadapi masalah pada masa-masa yang akan datang untuk mengagihkan pinjaman-pinjaman yang baru. Saya juga hendak tahu daripada kementerian berapakah jumlah kutipan yang kita kutip setiap tahun yang mana ini dijadikan modal untuk kita agihkan kepada pelajar-pelajar yang baru memohon? Jadi itulah beberapa perkara yang saya sempat sentuh Tuan Yang di-Pertua dan dengan itu saya juga mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu silakan Yang Berhormat.

5.48 petang.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi junjungan terima kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah atas sudinya Baginda merasmikan Penggal Kelima Parlimen Kedua Belas pada 12 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua secara umumnya Baginda telah mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana telah merealisasikan pelbagai pembaharuan melalui gagasan 1Malaysia di mana rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Sekali gus telah juga meningkatkan kesejahteraan dan imej negara di peringkat persada dunia dan terus menyeru rakyat supaya bersatu-padu berganding bahu dan terus bekerjasama rapat dengan kerajaan yang sedia ada untuk memastikan negara terus maju, aman dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi negara mestilah terus berada di landasan yang betul dan kukuh. Ianya memerlukan pengorbanan semua pihak terutama pembuat dasar, ahli-ahli politik, pelaksana dasar, kakitangan-kakitangan kerajaan dan penerima dasar iaitu peniaga dan rakyat jelata.

■1750

Walaupun berbagai-bagai transformasi nasional dilakukan, jika rakyat di peringkat bawahan dan ahli-ahli politik, kakitangan kerajaan tidak memahami atas hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020 dapat direalisasikan, kerana hanya tinggal tujuh tahun setengah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam transformasi politik negara, Malaysia telah pun mencapai kemerdekaan selama 55 tahun. Dalam mencapai kemerdekaan bagi membebaskan negara dari belenggu penjajahan iaitu hampir 446 tahun, negara telah pun dijajah oleh berbagai-bagai bangsa iaitu Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan Inggeris. Melihat kepada sejarah, Melaka telah jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.

Pada ketika itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Portugis tidaklah begitu kuat tetapi kerana terdapat pembesar-pembesar istana yang bernama Kitol dan konco-konconya bersepakat bersama Portugis dan membocorkan semua rahsia istana, maka jatuhlah Kesultanan Melaka pada tahun 1511. Dari itu bermulalah penjajahan dari satu negeri ke satu negeri hingga ke Sabah dan ke Sarawak. Maka larilah Sultan Melaka iaitu bernama Mahmud

Shah ke Pekan Baru. Dengan itu tamatlah riwayat Kesultanan Melaka yang cuma dapat bertahan dari tahun 1412 hingga 1511.

Dengan mengambil iktibar ini, Dewan yang mulia ini sebagai warganegara Malaysia, pihak kerajaan dan pakatan pembangkang, paling utama yang ada pada kita, yang perlu ada dalam sanubari kita ialah kecintaan kita kepada agama, bangsa dan negara. Dalam apa jua situasi politik, perkauman hendaklah kita hindarkan kerana dalam negara kita ini terapat berbagai-bagai etnik, kaum dan berbagai-bagai sensitiviti yang perlu dijaga bagi menjaga kesejahteraan kehidupan rakyat sejabat di dalam negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai transformasi ekonomi terutama transformasi ekonomi luar bandar. Suka saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya dapat terus membantu petani-petani tradisional seperti pesawah-pesawah, petani-petani, penternak-penternak dan nelayan-nelayan, maka dengan cara bantuan secara profesional oleh pegawai-pegawai yang dilatih khusus oleh kementerian-kementerian yang berkaitan dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Saya yakin petani-petani tradisional akan dapat memperkembangkan industri pertanian mereka dan sekali gus dapat mempertingkatkan pendapatan mereka.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya dalam pembentangan bajet ke-13, satu bajet besar hendaklah disediakan supaya petani tradisional, penternak, nelayan dan lain-lain industri yang berkaitan bolehlah dimodenisasikan mengikut acuan dan transformasi yang hendak dilaksanakan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan import makanan dari luar negara bernilai hampir RM12.5 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan Transformasi Kerajaan, perkara paling pokok ialah pelaksanaan dasar iaitu pegawai-pegawai kakitangan-kakitangan awam. Ini kerana kakitangan awam ini merupakan mekanisme yang paling penting dalam merealisasikan transformasi-transformasi yang dicadangkan oleh kerajaan. Jika kerajaan menyediakan dana-dana, yang membelanjakan dana-dana tersebut adalah pelaksana dasar iaitu kakitangan ataupun pegawai-pegawai kerajaan. Jika pelaksana dasar jujur, ikhlas, efisien dan bersungguh-sungguh dalam mengurus, menyedia dan berbelanja dalam semua pengurusan tanpa mengambil kira kepentingan peribadi dengan melibatkan kos-kos yang munasabah, kita yakin transformasi yang diilhamkan dapat direalisasikan oleh semua pihak dapat dikecapi dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan menjana pertumbuhan ekonomi, sumber domestik menjadi asas paling penting terutama melalui pelaburan pihak swasta iaitu kira-kira 55%. Supaya pihak swasta menjadi pemacu kepada pertumbuhan negara, dalam konteks ini saya cadangkan supaya kerajaan dapat menubuhkan satu pusat yang dipanggil *one stop centre*, dengan izin. Bukan sahaja di peringkat Kerajaan Pusat tetapi juga diadakan di peringkat kerajaan negeri supaya permasalahan tentang apa-apa juga permohonan bukan sahaja dapat

diselesaikan dengan kadar segera supaya pihak-pihak swasta lebih cepat bertindak dan melabur dalam bidang-bidang yang mereka ceburi.

Di Dewan yang mulia ini, disyorkan kepada pihak-pihak swasta yang telah amat berjaya memperoleh keuntungan berbilion-bilion ringgit supaya dapat menyumbang kembali kepada kerajaan dengan menyediakan projek-projek perumahan mampu milik rakyat yang memerlukan dan projek-projek prasarana di luar-luar bandar. Kerajaan pula hendaklah memberikan insentif-insentif tertentu kepada pihak swasta yang telah menyumbang ke arah kesejahteraan rakyat. Mungkin dengan cara ini, beban kerajaan bagi menyediakan rumah-rumah rakyat dapat dipercepatkan dalam konteks mengejar negara maju 2020.

Dengan cara ini kita perkenalkan lagi satu konsep iaitu *sharing the power, sharing the cake* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ditinjau dari dalam masyarakat di dalam mahupun di luar bandar, masih banyak lagi keluarga yang miskin yang pendapatan mereka kurang daripada RM3,000 per bulan. Kalau seseorang keluarga miskin berkahwin dengan keluarga miskin yang lain, maka lahirlah keluarga miskin yang lebih ramai. Terdapat hampir 4.3 juta penerima BR1M yang dilancarkan baru-baru ini. Jika ini tidak dibendung dengan merancang pendekatan-pendekatan baru, maka golongan ini akan terus bertambah dan menimbulkan gejala sosial baru kepada kerajaan di masa-masa akan datang.

Oleh yang demikian, dicadangkan supaya kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas supaya membuat kajian tentang bantuan jangka panjang supaya 4.3 juta rakyat dan mungkin ramai lagi yang belum dikesan dapat dikeluarkan dari takrif kemiskinan. Fokus perlu diambil. Mungkin kerajaan dapat menyediakan dana-dana bagi membimbing dan membantu golongan-golongan ini bagi tujuan mempertingkatkan ekonomi mereka dan terus boleh keluar dari golongan miskin kepada golongan pertengahan selaras dengan hasrat kerajaan menuju negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merealisasikan konsep 1Malaysia memacu ekonomi negara, sejarah telah membuktikan bahawa dari segi tradisinya, orang-orang Melayu kebanyakannya pandai berpolitik dan kebanyakan bekerja dengan kerajaan. Orang-orang Cina tradisinya ialah mereka ini pandai berniaga dan orang-orang India tradisinya ialah bekerja di estet-estet.

■1800

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan di dalam Dewan yang mulia ini, apakah pendekatan terbaik pergi perlu kita lakukan untuk merapatkan kembali hubungan kaum dalam negara kita ini. Kalau dulu sebelum merdeka, kita sanggup kongsi kuasa politik untuk memerdekakan negara. Untuk itu apa tidaknya melalui kerajaan yang sedia ada, kita bantu kepada generasi-generasi muda yang akan datang, yang ingin menjalankan perniagaan berkongsi bersama masyarakat-masyarakat terutamanya masyarakat Cina, masyarakat India dan kaum-kaum lain yang berada di dalam negara kita ini, di dalam semua bidang perniagaan.

Kita tidak nafikan bahawa masyarakat Cina yang berada dalam negara kita ini memang bijak menjalankan perniagaan. Saya yakin kalau kita dapat mewujudkan model-model bagi kongsi-kongsi perniagaan ini maka kita akan terus dapat melahirkan usahawan-usahawan yang berbentuk integrasi nasional. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Tuan Yang di-Pertua, saya nampaknya ada sedikit. Nanti saya minta izin bertenang.

Timbalan Yang di-Pertua: Bertenanglah Yang Berhormat.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Apa yang saya katakan tadi ialah untuk mewujudkan model-model perniagaan di kalangan generasi-generasi muda yang terdapat di dalam negara kita supaya mereka ini sama-sama dapat memberikan perhatian kepada usaha-usaha bagi mewujudkan kongsi ekonomi masa jangka panjang. Dengan itu kita rasa kalau ini dapat kita lakukan, jurang ekonomi dapat diimbangkan maka timbullah rasa kasih sayang antara kaum kerana semua kaum di dalam negara kita ini dapat merasakan K-ekonomi dengan sama rata.

Kita yakin dengan adanya pendekatan-pendekatan yang akan kita laksanakan, perpaduan kaum dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam membentuk perpaduan nasional dengan slogan "*Transformasi Berjaya Rakyat Sejahtera*" yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, satu *benchmark* ke arah mengembalikan semula perpaduan kaum yang terdapat di dalam negara ini.

Tugas ke arah kewujudan perpaduan nasional ini bukan terletak di bahu pemimpin kerajaan sahaja tetapi mestilah dipikul bersama oleh rakan-rakan kita daripada pakatan pembangkang. Elakkan diri kita daripada mengetengahkan isu-isu yang boleh membakar semangat perkauman. Berhentikanlah bercakap soal isu-isu yang telah dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin yang lalu. Raja-Raja Melayu hendaklah didaulatkan oleh semua pihak.

Yang di-Pertuan Agong adalah hak rakyat Malaysia. Sesiapa yang mempertikaikan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong perlulah kita tentang habis-habisan. Menyokong yang hak dan menentang yang batil kerana kita akan dipersoalkan apabila kita mati kelak. "*Apa yang kamu lakukan semasa kamu menjadi pemimpin di muka bumi?*" Itulah harapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda dalam Mesyuarat Kelima Parlimen Kedua Belas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyelesaikan isu-isu penduduk tetap iaitu PR, saya cadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya mereka-mereka yang telah menduduki negara kita melebihi 21 tahun dan telah mempunyai keluarga dan anak diberi pertimbangan secara automatik menjadi warganegara Malaysia tanpa memohon. Banyak kes-kes terutama di kawasan saya sendiri, penduduk tetap ini kadang-kadang-kadang-kadang telah berumur hampir 80 tahun sedangkan anak-anak mereka telah pun berumur 50 tahun dan telah beberapa kali mengundi dalam pilihan raya tetapi bapa dan emaknya masih menjadi penduduk tetap di dalam negara kita.

Kita harap Kementerian Dalam Negeri mengambil langkah-langkah perlu mengatasi masalah ini. Masih terdapat hampir-hampir 300,000 kes penduduk tetap yang ini belum kita

dapat diselesaikan. Oleh yang demikian saya mohon kepada Menteri dalam Negeri supaya dapat membuat kajian kepada isu-isu yang saya sebutkan tadi supaya permasalahan penduduk tetap ini dapat diselesaikan berdasarkan kepada isu-isu yang saya sebutkan tadi. Oleh kerana sesetengah pemilik penduduk tetap telah terlalu tua, tidak fasih berbahasa Melayu dan banyak lagi perkara-perkara yang kita rasa mereka ini telah pun memohon tetapi tidak dapat maklum balas yang sewajarnya.

Kadang-kadang apabila mereka ini dipanggil untuk ditemu duga bagi mendapatkan kelulusan dan apabila mereka ini diminta untuk menyanyikan lagu *Negaraku*, kebanyakannya mereka ini tidak begitu fasih. Akhirnya permohonan mereka ini ditolak sedangkan anak-anak mereka telah menjadi warganegara Malaysia begitu lama. Oleh itu kita harap kepada Kementerian Dalam Negeri membuat kajian ke atas kes-kes yang saya sebutkan tadi. Oleh kerana jika ada apa-apa juga perjumpaan ataupun majlis-majlis dialog yang kita buat di kawasan-kawasan kita, kita lihat memang banyak kes-kes yang begini yang dibangkitkan oleh rakyat yang berada di kawasan-kawasan dan di peringkat-peringkat bawahan.

Oleh itu kita harap jika kes-kes ini dapat kita selesaikan dengan kadar segera, maka banyak kes-kes tertunggak yang dapat kita selesaikan sesuai dengan konsep "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*". Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh dalam Dewan yang mulia ini ialah berkaitan dengan badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela ataupun pertubuhan-pertubuhan NGO yang begitu subur sekali, yang terdapat di dalam negara kita.

Oleh itu bagi mengawal kegiatan-kegiatan pertubuhan-pertubuhan yang ada di dalam negara kita ini saya syorkan supaya satu kementerian dapat diwujudkan bagi mengawal, membantu dan mengawas kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang hendak dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan ataupun pertubuhan-pertubuhan NGO selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020. Kementerian itu boleh dinamakan Kementerian Hal Ehwal Pertubuhan-pertubuhan NGO Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang perlu saya sampaikan di Dewan yang mulia ini berkaitan dengan perkara memberikan pertanyaan kepada kementerian apakah langkah-langkah Kementerian Kewangan kepada mereka-mereka yang telah di senarai hitamkan oleh CTOS atas dasar pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu dan mereka ini kalau kita lihat banyak kes-kes yang telah pun melebihi 10 tahun. Mereka ini kebanyakannya adalah mereka-mereka yang tidak berdaya ataupun mampu lagi membayar hutang-hutang yang mereka pinjam.

■1810

Oleh itu kita cadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya mereka-mereka yang telah tidak mampu membayar hutang-hutang yang telah melebihi sepuluh tahun supaya mereka-mereka ini diberikan tempoh pengampunan ataupun mereka-mereka yang berhutang kurang daripada RM100 ribu diberikan pelepasan kerana mereka ini memang tidak mampu lagi

membayar hutang-hutang yang telah mereka hutang pada masa yang lepas. Oleh itu adalah tidak adil Tuan Yang di-Pertua kerana dalam situasi CTOS ini, mereka yang berhutang RM10 ribu ke atas dan mereka yang berhutang mungkin RM1 juta ke RM10 juta tetapi menghadapi hukuman yang sama kerana nama mereka telah disenaraihitamkan dan mereka ini tidak boleh membuat apa-apa juga pinjaman dengan mana-mana agensi yang berada di dalam negara kita.

Oleh itu bagi menyelesaikan masalah ini, kita cadangkan di Dewan yang mulia ini supaya mereka-mereka yang berhutang RM100 ribu ke bawah dan kita buat kajian memang mereka ini tidak mampu untuk membayar balik hutang-hutang yang telah dibuat. Oleh itu kita beri mereka ini peluang kedua ataupun *second chance* dengan izin supaya dengan cara itu mereka dapat memperbaiki taraf hidup mereka pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan saya turut menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu. Kita masih ada lagi satu jam lapan belas minit sebelum Dewan ini ditangguhkan dan memandangkan kita tidak ada lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang belum, yang mahu berucap pada hari ini, maka saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin untuk menyambung ucapan beliau semalam kerana saya difahamkan beliau masih ada lagi *point-point* yang belum disampaikan. Silakan Yang Berhormat.

6.12 ptg.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya menunggu saat-saat terakhir tetapi telah diberi peluang sekali lagi untuk berucap. Saya amat-amat berterima kasih. Saya tahu selepas saya Dato' akan berucap, mungkin saya ambil dalam masa setengah jam.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu jam pun boleh.

Tuan Ahmad bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak zahirkan secara terbuka, amat keterbukaan di Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia adalah negara paling selamat dan kita rakamkan di sini. [*Tepuk*] Malaysia sekali lagi saya sebut dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab bahawa dalam negara Malaysia ini telah disahihkan oleh Indeks Keamanan Dunia pada 2011 bahawa Malaysia negara paling selamat. Pertama di Asia Tenggara dan sembilan belas di dunia. Ini satu penghormatan yang sangat tinggi bagi seluruh warganegara yang bertanggungjawab, yang mempunyai akauntabiliti yang tinggi kepada kerajaan, yang bersih, yang cekap termasuk kakitangan-kakitangan kerajaan. Kita berbangga.

Ini bukan dibuat oleh kita tetapi *Global Peace Index*. Ini bermakna mereka yang kaya-kaya di dalam Malaysia ini kena ingat kekayaan mereka adalah disebabkan mereka mempunyai peluang yang luas untuk berniaga, untuk bekerja kerana di sini, di Malaysia adalah negara selamat. Pembangunan dan keselamatan adalah dua perkara yang cukup akrab Tuan Yang di-Pertua. Bagaikan aur dan tebing, dengan keselamatan kita dapat pembangunan. Dengan pembangunan, kita dapat keselamatan. Bagi mereka yang membayar cukai, janganlah ingat

bahawa ini satu keberatan, tidak. Kekayaan yang terdapat pada mereka ini adalah disebabkan oleh kesempurnaan keselamatan yang ada dalam negara.

Jadi kesemua amat bertanggungjawab dan secara ikhlas, yang Islam kalau sampai tahunnya bayarlah zakat. Yang lain bayarlah *income tax*, yang Islam pun yang kaya bayar zakat, bayar cukai. Jadi dengan ini, duit yang kita dapat, yang kita simpan kita belanjakan untuk siapa? Untuk luar bandar sebab inilah manusia-manusia yang harus kita beri perhatian serius. Mereka juga mengharapkan nikmat-nikmat yang terdapat dalam negara ini. Itu yang pertama.

Saya hendak masuk yang pagi tadi, soalan pertama oleh Dato' Najeeb tentang IKS, tentang SME Bank. Ada satu kajian oleh 'Neorosis' pada tahun 1995 di Kedah. Ada masalah dengan IKS, pertumbuhannya agak perlahan. Walaupun kita mengakui bahawa mereka sudah sampai pada tahap gear satu, dia dah masuk gear dua tetapi belum sampai gear yang ketiga, sebab apa. Di sini yang saya dapat masalah-masalah rasuah masih ada lagi. Mengikut kajian, ini bukan saya, ini kajian yang dibuat di Kedah dan kerenah birokrasi. Itu yang pertama, masih ada lagi.

Kedua, permohonan ini sentiasa kena tolak. Macam manalah IKS. Saya ambil contoh di Langkawi. Syarikat coklat dah tutup. Yang kedua, syarikat roti Arab, ini bukan roti Israel, roti Arab pun tutup. Di mana SME Bank? Saya harap SME Bank dengar, pada hari ini saya sebut dah dua. Banyak lagi saya hendak sebut. Jadi pada masa ini, saya merayu pada SME Bank panggillah pengurus-pengurus yang telah susah-susah hati ini, bagilah kaunseling, bagilah kaedah menang-menang atau *win-win situation* dengan izin. Hidupkan mereka, mereka bersemangat, saya kenal tetapi masalah kerana banyak sangat, katanya tidak ada cagaran. Kalau semua hendak pakai cagaran, kita ambil Tan Sri Syed Mokhtar Bukhari lah, antara orang yang terkaya di Malaysia. Kita ambil YTL, Yeoh Tiong Lay...

■1820

Ini mereka-mereka yang berjinak-jinak dengan perusahaan. Kenapa kita tidak boleh tolong? Banyak lagi perkara yang kita boleh tolong. Banyak lagi kita habis. Soal IKS ini adalah soal pokok yang akan memberi pendapatan kepada negara. Saya harap semua IKS mendapat perhatian oleh SME Bank sebab kerajaan sudah bubuh *parking* duit di situ. Jangan salah gunakan duit tersebut. Ini bukan duit bank tetapi ini duit kerajaan, cuma *parking* sahaja. Dato' – *parking*. Jadi saya harap pemikiran SME Bank pada hari ini buka, turun dan selesaikan masalah secara praktikal. Hendak dapatkan rekod perniagaan yang katanya satu lagi sebab alasan ialah rekod perniagaan yang tidak teratur. Bagi teratur, apa masalah? Tidak ada masalah. Jangan buat masalah. Saya berharap SME Bank jangan buat masalah. Selesaikan masalah.

Ketiganya – eh Dato' Rahman pergi mana? Saya hendak sambung tentang orang – ini seronok sedikit. Tentang orang-orang yang pandai berbicara. Orang yang retorik, orang yang boleh memberi satu persepsi yang tidak betul, jadi betul. Sekarang dalam dunia di negara kita sudah timbul dua perkataan yang cukup agung. Satu, persepsi, keduanya rasional. Yang mana

kita hendak pilih? Persepsi ini kita boleh buat macam-macam – *perception* tetapi rasional yang payah. Kita berharap masyarakat kita harus rasional. Jangan apa sahaja yang dibawa oleh orang yang bijak berbicara, kita kata betul. Ini masalah dalam negara. Ini masalah. Apabila negara sudah maju, bila ada macam-macam saluran, boleh *Twitter*lah, *Facebook*lah, itu ini dan sebagainya. Dahulu tidak ada, zaman kita tidak ada. Kita pun sekolah tinggi juga tetapi kita tidak buat kerja-kerja khurafat ini. Bila orang pandai bercakap, bijak berbicara, akhirnya dia boleh menyesatkan umat. Saya kata sekali lagi supaya kita jangan lari daripada kaedah iaitu bahaya pemimpin bijak berbicara boleh menyesatkan umat. Oleh itu cuba jangan terlalu ikut persepsi tetapi lihatlah kepada rasionalnya.

Saya cukup teruja dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh saudara Anwar. Saya hendak sebut di sini kerana kita selesaikan. Saya sudah sebutkan semasa ucapan yang pertama. Saya hendak habiskan beberapa perkara, beberapa *statement* yang disebutkan oleh saudara kita tadi. Kita hendak tengok ayat saya sebut tadi tentang pemimpin bijak berbicara. Saudara kita ini bijak. Apa yang dia kata? Pertama, tentang Lim Kit Siang, Malaysia tidak memerlukan pemimpin yang berjuang untuk kepentingan satu kaum seperti yang diamalkan oleh DAP dan parti-parti pembangkang lain. Saya tidak nampak pemimpin pembangkang seperti Lim Kit Siang daripada DAP berjuang dan bekerjasama dengan orang-orang Melayu. Siapa kata? Orang yang bijak berpidato, orang yang bijak berkata-kata. Di mana dia kata? Masa itu Anwar berkata ketika berucap merasmikan Lapangan Terbang Sibu yang berharga RM112 juta di Sarawak pada 17 April 1995. Saya pun tidak nafikan. Tidak ada masalah. Kalau benda ini tidak betul saya minta saudara Anwar nafi, tidak ada masalah. *One to one*, dengan izin. Dato' Nalla.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat Dato' Nalla.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh? Terima kasih. Yang Berhormat, *one to one* bahaya you mahu tengok Anwar Ibrahim. Tidak usahlah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Dato' Nalla, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini nasihat kepada saudara kita Dato' Nalla, nasihat kepada saya. Katanya dia tidak bagi saya bertemu *one by one* – satu dengan satu. Saya tidak tahu sebab apa. Apa istimewanya saudara Anwar ini tidak boleh bertemu seorang dengan seorang? Ai sepatutnya saya ini tidak pakai *body guard* tetapi Dato' Nalla pesan, bahaya. Bahaya tang mana? Orang Perlis kata. *[Ketawa]*

Jadi sama-samalah kita rasionalkan benda ini. Jangan persepsi. Saya tidak hendak persepsi Tuan Yang di-Pertua sebab kita hendak rasional dan telah pun disebut oleh saudara Dato' Nalla. Dato' Nalla ini kawan main tenis 30 tahun. Bukan tiga bulan, bukan 30 bulan tetapi 30 tahun berturut-turut Tuan Yang di-Pertua. Mesti ada rahsia. So saya teruskan lagi. Saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Nalla yang orang kata memperingatkan saya. Mungkin tuan-tuan juga tetapi bukan puan-puan. Tuan-tuan.

Seterusnya saya minta satu lagi saudara Anwar nafikan. Ada beberapa perkara. Bayaran wawancara dengan *CNN* dan *Al Jazeera* serta *Wall Street Journal*. Anwar ada memberitahu bahawa setiap temu bual dengan *CNN* dan *Al Jazeera* dia dibayar sebanyak RM2 juta. Oleh sebab saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini, kalau Dato' Seri Anwar hendak minta saya cakap di luar pun, tidak ada masalah sebab hari ini hari *last*. Tidak ada masalah. Jadi tidak hairanlah kalau dia boleh beri pada Bersih yang begitu kotor. Ini sumber yang sedikit. Saya sebut dalam ucapan yang pertama sebanyak RM3 bilion. Itu belum masuk yang kroni-kroni. Bila kita jaga Kementerian Kewangan ini seperti contoh orang Melayu kata, ayam jatuh dalam kepok padi. Itik di air, dia boleh buat apa sahaja. Sekarang saya minta dia nafikan. Waima apa hendak nafi tidak ada masalah sebab kita terbuka.

■1830

Apa hendak takut? Berani kerana benar, takut kerana salah. Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Kita kena *settle* benda *in once and for all*, tidak payah masuk *Facebook*, buat apa? Buat apa tulis surat-surat layang? Tidak payah, hari ini hari terbaik kita *settle* dengan izin, *once and for all*. Seterusnya, mana Dato' Rahman ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Tentang saya suka sebut benda ini sebab Anwar ini dia bijak berbicara. Dia memang kalau orang Melayu, sebut apa? Orang Melayu sebut perangai belut, belut ini licin. Inilah Anwar, dia licin sampai orang tidak perasan pun. Tunggu sat ya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sebab saya minat dengan Anwar ini, sebab itu saya suka sebut nama dia sahaja hari ini, kita *settle*. Kemudian tentang apa yang Anwar kata terhadap DAP dan DAP ini apa? *Democratic Actions Party*. Siapa bapa dia? Bapa DAP siapa? Bapa DAP ialah PAP atau *Peoples Action Party*. Siapa yang buat PAP? Lee Kuan Yew.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan sebut perkara-perkara yang luar negara itu tidak usah sebut. *Confined* kita punya dalam negara.

Tuan Ahmad bin Hussin: Akan tetapi ada bapa. Apa kita hendak sebut nama bapa?

Tuan Yang di-Pertua: Bapa tidak mengapa tetapi jangan sebut Singapura dan sebagainya itu.

Tuan Ahmad bin Hussin: Malaysia boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. DAP tidak apa.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih. Apa perjuangan DAP? DAP memperjuangkan Malaysian Malaysia. Apa dia Malaysian Malaysia, sama rata. Apa dia sama rata? Tidak ada 152, bahasa 153 semua orang Melayu, semua tidak ada dan saya kena sebut, di Dewan Rakyat disebut DAP adalah anti Islam, itu disebut di Dewan Rakyat dan saya hendak sebut nama ialah Dato' Zulkifli bin Noordin. Saya kena sebut benda *recorded*, bukan saya

sebut dan keluar dalam *paper*. Kita hendak takut apa? Berani buat berani tanggung. Saya berani tanggung, boleh saman saya bila-bila masa, tidak ada masalah. Kalau tidak saya tidak duduk dalam Dewan ini. Saya masuk dalam Dewan ini dengan hati yang terbuka, dengan ikhlas, dengan jujur dan saya keluar Dewan pun dengan ikhlas.

Saya sebut daripada hati nurani saya. Apa Anwar kata tentang DAP? Saya hairan bagaimana masih ada orang Melayu yang sanggup bekerja dengan DAP sedangkan Encik Lee Lam Thye yang telah lama berada di dalam DAP tidak boleh bekerja dengan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang. Anwar kata di mana? Ada tempat, suara Anwar Ibrahim berkata semasa beliau berceramah di Kubang Menerung, Kepala Batas pada 15 Oktober 1990.

Siapa kawan dengan DAP? Siapa? Orang yang pandai bercakap, orang yang petah bercakap telah bersekongkol dengan DAP sebab kita kena zahirkan benda ini. Ini cerita benar. Okey, hendak nafi, silakan tetapi jangan lupa dengan Islam, kita orang Islam. Setiap patah kalimah yang kita sebut, yang kita ucapkan, yang baik ditulis Kariman, yang tidak baik ditulis oleh Katibin. Tulisan ini tidak akan luntur sampai ke akhir hayat, sampai padang mahsyar, sampai kita menghadap Allah Rabbul Jalil, tidak boleh. Ini bukan boleh pakai *lawyer*. Mungkin di dalam dunia Tuan Yang di-Pertua 10%, itu sen dan sen boleh pakai, bayar duit. Di sana tidak ada, *no way* dengan izin. Jadi saya sebut di sini Tuan Yang di-Pertua saya sebut benda yang disebut oleh tuan punya tubuh.

Lagi, Dato' sudah sedia? Tentang PAS memaki hamun. Saya kena sebut tindakan parti pembangkang memaki hamun dan mencerca Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan para pemimpin UMNO ketika berdakwah di seluruh negara adalah keterlaluan. Umat Islam tidak boleh membawa kebencian dan memfitnah dalam berdakwah kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam. Cantik ayatnya, terletak, tersusun Islam sunni, sunah. Ayat sunah ini, ayat nabi. Siapa kata saudara Anwar berkata di Masjid Muriah di Kampung Sungai Kayu Ara di Petaling Jaya pada 20 Februari 1995. Oleh sebab itu apabila naik atas, jadi imam semua ikut. Lani jangan ikut, ini semua bukti. Cakap lain, buat lain. Tuan Yang di-Pertua, cakap - cakap bohong, janji - tidak tepati, amanah - pecah amanah. Tiga perkara ini munafik.

Jadi persepsi yang disebut tadi berhati-hati. Rasionalkan dan jangan ingat sebab seseorang itu ada pangkat kita hendak ikut. Tidak, pada saya walaupun dia seorang pelacur sekalipun tetapi perkataan yang keluar di mulut itu yang penting bukan perbuatan itu yang penting. Walau dia pangkat besar apa sekalipun, mulutnya, perkataannya itu Tuan Yang di-Pertua saya ingat kita kena perbetul supaya rakyat Malaysia ini menjadi rakyat yang betul-betul bertanggungjawab, betul-betul bersih, betul-betul mempunyai akidah yang tinggi, betul-betul mempunyai kepercayaan dan sujud kepada al-Quran dan hadis, Perlembagaan Persekutuan dan juga Rukun Negara.

Apa Anwar kata tentang UMNO? Ini bukan sebab saya orang UMNO, tidak sebab ini disebut oleh saudara kita. Kata saudara Anwar tentang UMNO, gagal UMNO, suramlah masa depan bangsa. Ayat ini kuat, *power*. Di mana Anwar kata? Anwar berkata semasa berucap

merasmikan Persidangan Pemuda dan Wanita UMNO di PWTC pada 10 Oktober 1996, saya ada. Ayat ini kalau kita tengok, tidak tercabut Tuan Yang di-Pertua. Kuat, mantap tetapi sekarang apa jadi? La apa jadi? Sudah jadi lagu mana kawan kita ini Tuan Yang di-Pertua? Ini sudah terbalik kok orang utara kata, sudah terbalik.

■1840

Itu pun hendak ikut lagi? Saya buka untuk perbincangan, perbincangan. Tidak puas hati tanya saya di luar sekejap lagi. Bagi kedua yang terakhir, boleh Tuan Yang di-Pertua? Ingat Tuan Yang di-Pertua hendak cakap lagi. Saya ada dua lagi.

Satu, kedua terakhir ialah apa saudara Anwar kata tentang kenapa beliau tidak sertai PAS. Ini Anwar kata. Anwar ada dua pilihan pada masa itu. Saya tahu. Saya bersama-sama. UMNO, PAS, UMNO, PAS Tuan Yang di-Pertua dan Anwar buat keputusan sendiri. Bukan saya, bukan kita dan sebagainya. Apa katanya masa hendak buat keputusan? "*Saya tidak memilih PAS sebagai wadah perjuangan kerana parti itu mengamalkan pendekatan Islam yang kasar lagi gopoh!*" Itu dia. Padat, tepat sekali, pukul mati Tuan Yang di-Pertua. Ayat ini ayat susah hendak sebut. Saya pun itu tidak sama masa itu. Tuan Yang di-Pertua, disambung lagi sedikit. "*Saya tidak sanggup melihat bagaimana sebuah parti Islam menilai kebolehan pemimpin mereka berdasarkan sejauh mana seseorang itu boleh mengkafirkan saudara sesama Islam!*". Oh! Kuat Tuan Yang di-Pertua.

Ayat ini bisa sampai ke tulang sum-sum, sampai ke jantung menggegarkan. Di mana Anwar kata? Ha, ini kita hendak tahu, itu yang penting. Masa itu di mana? Dia kecoh di mana? Kalau dia hendak kecohlah Tuan Yang di-Pertua. Masa itu di majlis taklimat khas kepada kakitangan kerajaan di PWTC pada 11 April 1995, itu dia. Masa itu semua kakitangan kerajaan tidak sanggah, bersemangat. Sekarang apa jadi? *Civil service* apa jadi? Hendak ikut lagi? Dia suruh buang pula *civil service*. Banyak sangat. Apa ini banyak sangat Tuan Yang di-Pertua. Buang, buang, buang. Jangan ikut. Hari ini simpul mati, sokong kerajaan. Kerajaan ini tidak buang *insya-Allah*. Tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Tanya Tuan Yang di-Pertua pula. Speaker pangkat besar. Kita apa sahaja?

Last, apa yang disebut oleh saudara Anwar ini? Sebelum *last* ini saya hairan dalam surat khabar dia keluar macam ini. Sebelum saya cakap *last* ini ada disebut dalam surat khabar. Saya baca "*Pihak tertentu parti itu cuba bawa masuk bekas Presiden Majlis Peguam*". Ini disebut oleh Anwar tetapi bukan Anwar Ibrahim. Anwar bekas setiausaha sulit iaitu Ambiga Naib Presiden PAS. *Allahuakbar!* Apa sudah jadi? Pening kita Tuan Yang di-Pertua. Pening. Ini apa hendak jadi? Saya ingat doktor itu, saya sebut nama ya? Bolehkah parti Islam, sunah, serambi Mekah, Ambiga timbalan presiden. Sekarang ini saman. Saya harap PAS saman. Kalau dia tidak setuju, saman. Ini keluar dalam surat khabar. Saya ingat sudah lama sudah. Dekat tiga bulan sudah, tidak saman pun. Betul agaknya ini Tuan Yang di-Pertua? Ambiga, Naib Presiden PAS. Mati kali ini. Jadi saya harap tolong jawablah. Di luarlah bukan dalam

Dewan. Jawab di luar sebab ditulis sini lagi satu PKR dapat sokongan asing untuk menang PRU-13.

Saya sudah sebut dalam ucapan saya yang sulung itu saya ada bagi bukti-bukti yang nyata bagaimana Ambiga bawa dua surat saudara Anwar - Ini saya bertanggungjawab ya. Bila saya bercakap ini saya tidak minta Dewan ini bertanggungjawab. Saya bertanggungjawab seorang. Saman saya. Dua pucuk surat saudara Anwar bagi dekat Ambiga sebelum hendak pergi ke Amerika, Anwar berjanji kalau *you* tolong saya akan pilih *you* sebagai calon Parti Keadilan. Dua pucuk surat yang saya sebut satu kepada *First Lady* Obama, yang kedua kepada Hillary Clinton. Dalam surat itu disebut tentang penganiayaan, penindasan, konspirasi, macam-macam hendak lepas dia daripada *jail*. Oleh sebab itulah banyak dana masuk.

Bolehkah BERSIH hendak buat dahulu? Seorang RM200 Tuan Yang di-Pertua. Beribu-ribu orang dapat RM200, beribu-ribu orang dapat baju, beribu-ribu orang dapat makan, beribu-ribu orang dapat pengangkutan, macam-macam. Mana duit? Ini bukan duit daripada langit. Mana duit daripada langit? Bukan duit boleh buat duit. Duit mesti melalui saluran tertentu. Inilah dan semua dunia tidak tahu bila Ambiga pergi ke sana membawa surat, semua tidak tahu disebabkan disebut Ambiga dijemput ke Amerika Syarikat dan ke Perancis untuk menerima bintang perjuangan pembebasan wanita. Wah! Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua senator wanita inilah pejuang-pejuang wanita. Apa sudah jadi? Dia dapat dua bintang, kiri kanan dan dapat Datuk *ship* pula di sini. Kita jangan terima begitu sahaja. Ada benda di sebaliknya dan dia telah menjadi budak suruhan Anwar.

Last sekali, tentang komitmen kerajaan Barisan Nasional. Ini disebut. Saudara Anwar sebut bukan saya ya. Dia puji masa dalam kerajaan. Dia Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden, Menteri Kewangan. Ini dia sebut. Ini orang pandai bercakap. Lidah tidak bertulang tentang komitmen Kerajaan Barisan Nasional. *"Tidak harus ada pandangan yang mengatakan pembangunan selama ini seolah-olah dicapai oleh cara yang kejam menindas rakyat, mengetepikan masalah sosial masyarakat"*. *"Saya cabar!"* bukan saya cabar, Anwar cabar. *"Saya cabar pihak pembangkang"* masa itu PASlah, *"Supaya menyenaraikan kemudahan atau keistimewaan yang disediakan oleh negara-negara lain yang setanding dengan komitmen Kerajaan Malaysia"*. Ini disebut. Semasa mana? Semasa melancarkan Amanah Saham Simpanan Nasional di Kuala Lumpur pada 12 Januari 1995. *"Akhirnya, saya minta seluruh pemuda, seluruh anak-anak muda yang ada dalam negara sama ada mahasiswa, sama ada di kampung, sama ada di desa ada satu benda yang boleh kita jadikan sebagai role model"*. Siapa? Tetapi ia telah pun meninggal dunia. Siapa? lalah pada 14 Februari tiap-tiap 14 Februari kita memperingati Leftenan Adnan, pejuang yang benar-benar berkorban untuk bangsa, agama, tanah air.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit? Hendak tanya sedikit Mat Sabu kata pejuang itu bukan hero sebaliknya komunis hero. Beri komen sedikit.

■1850

Tuan Ahmad bin Hussin: Saya ingat tidak mahu tanya sudah tadi. Hendak cakap tetapi tanya. Bila tanya, jawab. Ini perangai kerajaanlah. Datuk Abdul Rahman yang bertanya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingat soalan Yang Berhormat, kita jangan lupa Saudara Mat Sabu semasa membuat kenyataan ini dan kes ini akan ke mahkamah di mana akan ada lima hakim-hakim bijaksana yang adil-adil akan ada di sana. Kita berharap Mat Sabu tidak boleh lepas kali ini. Itu dia. Ini dia sudah masuk bubu sudah. Dia betul-betul sudah masuk perangkap ini. Apa hendak buat? Betul-betul kerana hendak keadilan, kita tidak boleh. Hakim, tidak boleh tetapi menunjuk perasan geram, boleh. Tidak puas hati, boleh. Saya sebut tadi Leftenan Adnan kerana bukan saya sebut tetapi saya *quote and unquote*, Tuan Yang di-Pertua pada petang yang berbahagia di Dewan ini.

Sebab itu saya minta pemuda seluruh negara, pemudi seluruh negara, anak-anak muda di luar dan dalam kampus, ingat perkataan ini yang saya sebut. Jadi perkataan keramat untuk Kerajaan Malaysia. Keramat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini disebut keberanian Leftenan Adnan turut diakui oleh Jeneral Yamashita yang dikenali sebagai Harimau Malaya. Beliau mengatakan jika terdapat sepuluh orang Leftenan Adnan, belum pasti Malaya jatuh ke tangan Jepun. Sekian, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Dipersilakan, Yang Berhormat.

6.52 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya semalam saya sudah bercakap ada sembilan *point*. Hari ini saya cuba habiskan bakinya lebih kurang 15 *point*.

Tadi saya terpegun dengan Yang Berhormat Ahmad bin Hussin. Terkedu saya. Pandai dia berucap. Tahniah dan syabas.

Pertama, saya hendak sentuh bidang pelancongan. Kita *relax* sikit. Jangan marah-marah. Kita santai sikit. Bidang ini bagi saya satu bidang yang penting. Ia menyumbang kepada ekonomi negara keempat terbesar di Malaysia. Jadi sektor pelancongan ini satu yang penting tetapi kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjana pendapatan.

Walau bagaimanapun, masih lagi ada ruang-ruang yang besar yang kita belum terokai lagi. Contohnya kita ada banyak tempat-tempat yang cantik dan menarik sekadar *touch and go* sahaja. Bagi saya, ada tempat-tempat yang betul-betul menarik, satu-satunya dalam dunia tetapi kita tidak *explore* dengan betul-betul. Contohnya Gua Mulu. Gua Mulu di Sarawak dekat Brunei itu besar dan bisa menampung lebih kurang 60 buah Boeing 737 atau Boeing 747 yang

besar-besar. Jadi kalau ini boleh *explore* lagi, saya rasa bidang pelancongan bukan sahaja menarik tetapi menambah pendapatan.

Kedua, kita ada pulau-pulau yang cantik dan indah seperti Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Semporna, Sabah. Terumbunya macam payung. Kecil di bawah dan besar di atas. Yang terbaik antara yang terbaik dalam dunia. Cantik sangat. Ikan-ikan banyak. Macam-macam ikan. Situ tempat menyelam yang paling cantik dalam dunia tetapi kita tidak *explore* betul-betul. Kita asyik *touch and go* sahaja. Jadi contoh yang kedua itu Kementerian Pelancongan kena betul-betul buat kajian bagaimana dan cara mana hendak tarik pelancong.

Contoh ketiga ialah pulau-pulau di Pulau Perhentian dan Pulau Redang yang merupakan satu-satunya pulau yang terbaik, tercantik dan terindah dalam dunia. Satu daripada sepuluh lebih cantik daripada pulau-pulau Amerika atau pulau-pulau Indonesia. Akan tetapi kita *touch and go* sahaja. So, kita dapati pulau-pulau ini boleh dimajukan lagi dan boleh ditingkatkan lagi.

Keempat, Pulau Langkawi satu-satunya pulau indah dan cantik tetapi kerajaan bisa membuat *show* di Pulau Langkawi sahaja, tidak di tempat-tempat lain. Saya harap kerajaan juga akan mencari jalan dan kaedah bagaimana hendak memajukan Pulau Pisang di Johor, Pulau Aur, Pulau Tebing di Johor dan termasuk Pulau Tioman di Pahang, di depan Mersing.

Jadi, pendek kata saya harap, satu, majukan tempat-tempat yang saya contohkan tadi; dan kedua, saya minta kementerian senaraikan semua tempat-tempat pelancongan terbaik. Dalam televisyen sudah ada melancong di Malaysia tetapi tidak cukup. Kena *explore* lagi dan kena teroka lagi.

Kemudian, saya lihat bidang budaya seperti silat, tarian singa, tarian India, tarian kayu, tarian Portugis bisa untuk ditunjukkan dalam acara-acara rasmi sahaja. Alangkah indahnya kalau kita buat sampai akar umbi dan tidak bermusim tetapi sepanjang zaman, sepanjang masa di semua tempat. Tidaklah untuk sambut pembesar-pembesar sahaja atau acara-acara *e-tour* sahaja. Akar umbi kena luas.

Kedua, saya juga merujuk kepada Titah Ucapan Tuanku, disebutkan pada tahun 2012 adalah Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional. Akan tetapi kita tidak rasa sangat gerakan itu bermula dan berjalan sekarang. Mungkin dia hendak akhir tahun ini, bukan tahun depan tetapi tahun ini. Dahulu, kita ada program acara angkasawan tetapi kini tidak ada lagi. Saya hendak tanya dan hendak tuntutan bilakah hendak pulih balik program angkasawan? Kita tidak mahu ada satu atau dua angkasawan iaitu Datuk Sheikh Muszaphar dan seorang lagi siapa dia? Tidak ingat. Tuan Yang di-Pertua ingat? Jadi dua orang angkasawan...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Dr. Faiz, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, Dr. Faiz. Aku hendak *check* sahaja. *[Ketawa]* Dr. Faiz. Saya ada gambar dengan dia. Dr. Faiz dan Datuk Sheikh Muszaphar. Itu dua orang. Kemudian berhenti. Kemudian tidak ada lagi.

So, inovasi sains tidak berjalan lancar, ia bermusim. Ketika itu saya ingat lagi Menteriya ialah Dato' Sri Dr. Jamaluddin Mohd Jarjis (JJ) sekarang Duta ke Amerika Syarikat. Bila bertukar tangan Menteri, bertukar program, acara berhenti tidak baik. Acara yang baik teruskan macam Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak buat, Perdana Menteri buat. ECER zaman Pak Lah, walaupun zaman Pak Lah, ECER itu baik diteruskan. Oleh itu saya menyeru supaya yang baik itu, Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 perlu teruskan termasuk yang baru-baru, bukan sahaja angkasawan, termasuk yang lain-lain. Supaya kita rasa bahangnya, kita terasa acaranya.

Ketiga sektor perladangan dan komoditi. Saya lihat pagi ini Menteri di sebelah saya, Yang Berhormat Menteri Tan Sri Bernard Giluk Dompok kata hasil komoditi negara sawit, getah, kayu kayan, koko dan juga kelapa menjana eksport negara yang besar lebih daripada RM141 bilion, Eh! Bilion. Jadi RM141 bilion itu angka yang sangat besar tetapi malangnya bila negara-negara dalam dunia ini minta lagi tambahan kepada sawit tidak ada minyak. Saya dijumpai oleh banyak orang, saya pergi Saudi, saya pergi Dubai. Arab tanya adakah kalau pesaing ada lagi minyak. Saya balik sini tanya FELDA, semua minyak orang sudah *booking* tidak cukup minyak. Jadi kita syorkan FELDA buka lagi ladang. Kalau sudah maju, kalau sudah laku tambahlah, buat apa diam bisu sahaja. Betul? Kita kena tambah soalnya kena tambah.

Seterusnya kelapa. Kelapa kita rasa banyak tetapi sekarang kelapa masih lagi kita import daripada jiran kita, Indonesia Sumatera. Bukan kelapa sahaja calar-calar sedikit, pucuk ubi, nangka, daun pandan, keledak, kubis, ubi kayu, ubi tidak kayu. *[Ketawa]* Macam-macam kita import daripada Indonesia tidak percaya pergi Chow Kit. Bangun pagi pukul 4, pukul 5 semua import barang daripada Indonesia. Saya menyeru supaya Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi buka lagi ladang-ladang kelapa sawit.

Seterusnya kayu kayan tidak cukup. Saya harap jangan eksport balak sahaja. Saya harap eksport yang kayu *sound timber* tidak boleh... produk. Produk yang sudah siap boleh import, boleh eksport. Kalau balak-balak sahaja jual boleh cepat duit tetapi kalau produk yang sudah siap lebih baik, lebih banyak dan lebih bertambah lagi.

Seterusnya saya hendak cadangkan supaya kerajaan hati-hati, bila beli balak kena jaga kawasan balak. Saya tidak mahu lagi Indonesia tuduh kita curi balak mereka. Dahulu ada isu di Sarawak, di Sabah, sempadan dengan Indonesia kata kita curi balak dia, curi kawasan dia walhal kita tidak curi. Apa yang jadi masalah kita tidak pantau, tidak kuat kuasa, langsung Indonesia tuduh kita hasil komoditi kita, negara kita makan duit curi kayu balak daripada Indonesia. Tidak boleh begini. Jadi, kawasan beri tetapi pantau, kuat kuasa juga kena ada. Itu kayu kayan. Koko, lada hitam juga tidak cukup. Tidak cukup koko kita coklat buat coklat, Poland, Belanda, Eropah import kita punya koko tetapi koko kita tidak cukup.

Jadi saya harap negeri-negeri yang tanahnya subur seperti Sabah, Sarawak banyak lagi, buka ladang koko termasuk lada hitam. Jadi keseluruhan sumbangan ternyata besar yang

diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Tan Sri Bernard Giluk Dompok tadi kena besar. Kalau besar sekali ganda, saya harap pendapatan negara kali dua. Kalau RM141 bilion dia jadi RM282 bilion. Sejumlah RM282 bilion, kalau BR1M beri RM500 tahun ini, bagilah RM1,000, betul? *[Disampuk]* Jadi bila pendapatan bertambah kita boleh bagi kebajikan kepada rakyat dengan baik dengan, berganda lagi. Itu sahaja saya hendak syor.

Satu lagi bekalan makanan. Kita ada Dasar Agro Makanan cukup, cukup makanan. Akan tetapi malang cogan kata ini sudah lama, ada pakar di sini catat saya cakap. Iaitu agro makanan sudah lama, dasar sudah lama, berjalan sudah lama tetapi lembu ada, kambing ada, biri-biri pun ada. Akan tetapi tahukah kita, biri-biri, lembu, kambing hanya tidak lebih daripada 30%, lain-lain import. Sebanyak 70% lagi import, mana hendak cukup sebab kita sengaja buat, mungkin "*lepas batuk di tangga*" sahaja. Jadi, kita mahu tidak import lagi sebab kita tanah pertanian cukup besar.

Kedua, ayam itik. Tuan-tuan mungkin terkejut ayam itik kita hanya cukup dalam kadar 25% sahaja, lain-lain 85% tidak cukup. Kalau fikir saya salah ini, saya mohon kementerian jawab esok, betulkah atau tidak betul. Saya rasa saya betul. Lagi, lagi, lagi, ikan. Kita negara semua laut, keliling laut. Laut China Selatan, Laut Selat Melaka. *[Disampuk]* Selat Melaka itu bukan laut, selat sahaja. Laut Sulu ada tetapi ikan kita tidak cukup. Bila musim tengkujuh kita import daripada Thailand, kita malu. Negara semua laut, jadi kita kena buat satu rumah macam Siam juga. Bila musim tengkujuh dia stor makanan, ikan-ikan, *fish ball*, *fish cake*, macam-macam *fish*. Jadi, musim tengkujuh dia keluar ikan-ikan itu. Kita tidak buat.

Ada satu kilang di Chendering Terengganu, pun sedikit tidak cukup. Masa itu saya *Chairman* Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, lepas itu tidak ada lagi. Kalau lantik semula, aku buatlah. *[Ketawa]* So, kita tidak nampak satu usaha yang bagus-bagus untuk kita cukupkan makanan. Berkenaan sayur. Kita terkejut, kita import daripada Siam. Kubis pun kita import daripada Sumatera. Saya pergi Sumatera dan Medan masuk ladang kubis, besar-besar Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, besar-besar ladang dia, bukan kecil-kecil tetapi besar-besar.

Akan tetapi kita ada tanah besar. Ada tanah besar, kita cakap besar, cukup makanan, cukup hidup tetapi kubis pun import, terung pun import, kacang pun import, hatta pinang pun import. Aduh! Malu, malu. So, kita tegur ini dengan cara ikhlas, bukan hendak lemah, bukan hendak kata sangat tetapi terus saya kata bahan makanan kita terpaksa import daripada luar, malu kita. Jadi tukarlah, kajilah cara mana, bentuk mana kita hendak cukupkan makanan.

■1910

Lagi satu tajuk, saya lihat Orang Asli. Orang Asli ini saya sudah cakap lama. Kita sedih tengok. Saya pergi Rompin, saya pergi Batu 8, saya pergi macam-macam tempat hatta di Cameron Highlands, hatta di Perak. Rumah dia sempit sahaja, kecil. Bini satu, anak ramai. Kalau bini dua tidak apalah. Ini bini satu, anak tujuh, lapan. Tidak ada ruang tidur, dangau sahaja. So, kerajaan kena betul-betul berikan dekat dia rumah yang cukup. Ini ada yang beri, ada yang tidak beri. Satu kampung di Kampung Kamedol, Rompin Pahang.

Saya pergi ke kampung itu. Saya saing dengan Orang Asli. Dia kata, "*Datuk, itu rumah lapang. Diberi rumah PPRT. Kami kenapa tidak beri?*" Kalau hendak sokong BN, pun saya sokong BN tetapi tidak beri. Jadi pendek cerita, saya harap semua rumah Orang Asli kena bantu sebab mereka pendapatan RM3,000 ke bawah. Tidak ada Orang Asli rata-rata yang kaya. Semua rata-rata miskin, majoriti miskin. Orang Asli ini sekarang tidak macam dulu, anak dia tahu komputer, anak dia tahu *laptop*, anak dia tahu telefon Samsung macam saya ini. Akan tetapi tuan-tuan ingat, bila masuk rumah, pondok tiang. Tiang, kayu, atap bukan saya kelentong. Bukan saya hendak suka-suka Dewan ini tetapi kalau tidak percaya, pergilah. Pergi kampung-kampung Orang Asli. Jadi *outdated*. Jadi Kementerian Luar Bandar kena cakna, kena prihatin. Jangan duduk dalam *office* sahaja, peluk tubuh.

So, sekarang kalau PM, kalau TPM, kalau menteri turun padang, pegawai juga kena turun padang. Betul tak? Kena turun padang, kena jejak yang betul-betul jejaki. Bukan jejak *story*. Bukan jejak baca buku, jejak kepada yang nyata, yang betul-betul. Kemudian saya suka hendak juga hendak sentuh berkenaan RISDA. Di dalam RISDA dia bagi tanah bukan besar sangat, enam ekar, enam ekar, lapan ekar. Tidak ada satu pun FELCRA atau RISDA yang bagi tanah lebih daripada 10 ekar. Ada pegawai di sini catat.

So, kalaulah tidak sampai 10 ekar, tidak ekonomi. Istilah ekonomi, tidak ekonomi. Jadi dia kata kepada saya, "*Datuk kita terima tanah hanya 6 ekar. Jadi, enam ekar cukup makan, tidak lebih daripada RM2,000 sebulan*". Belum ada lagi peserta yang di bawah FELCRA dan RISDA boleh RM3,000 ke atas. Kalau salah, betulkan saya. Akan tetapi yang nyata bolehlah RM700, RM1,000, RM1,200, RM1,500, RM2,000. tinggi-tinggi pun RM2,500. Itu pun orang rajin.

Sekarang kita tahu kalau RM3,000 ke bawah miskin. Jadi saya hendak simpulkan semua peserta RISDA dengan FELCRA miskin. Buat apa dasar? Buat apa kita bertungkus-lumus? Buat apa kita ada pejabat? Kita ada pegawai? Pegawai pula bukan calang-calang orang, lulusan Universiti Pertanian Malaysia. Lulus 'U' tetapi ekonomi tidak berkembang. Berkembang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. So ekonomi kita tidak berjalan. Saya sedih. Barang naik, pakaian naik, buku *free*. Kasut naik harga, apa lagi? Tambang bas, kalau dapat MIDA, okey. Kalau jauh-jauh, naik bas prebet mahal. Jadi saya harap dasar yang lama pembahagian 6 ekar atau ekar atau ke bawah dihapuskan. Saya syorkan *at least* 10 ekar ke atas bagi RISDA dan FELCRA.

Saya lagi saya hendak cakap pelaburan-pelaburan yang tidak seimbang dalam sektor minyak dan gas. Saya dapat tahu banyak pelabur asing luar negara dan domestik melabur dalam sektor gas dan minyak tetapi tidak seimbang. Contoh bagi tahun 2012, sebanyak 31 buah projek diluluskan dengan pelaburan luar negara sebanyak RM10.9 bilion. Manakala domestik, RM9.6 bilion dalam sektor minyak dan gas. Jadi orang luar banyak lagi, orang dalam sikit. So, saya syorkan supaya kerajaan cari jalan bagaimana hendak tingkatkan pelaburan

untuk domestik mengatasi orang luar. Kedua saya juga bagi contoh. Bagi tahun 2011, pelaburan yang diluluskan ialah RM26.6 bilion merangkumi 44 projek.

Akan tetapi import luar negara sebanyak RM15.9 bilion manakala pelaburan domestik hanya sebanyak RM10.7 bilion. Kalau kita tolak 15.9 dengan 10.7 bezanya ialah 5 bilion iaitu domestik lebih kecil daripada luar. So, kita hendak seimbangkan. Saya minta MITI memainkan peranan supaya seimbangkan supaya jangan jadi pepatah kata, '*Kera di hutan disusukan, anak di buaian ditinggalkan*'. Betul? So, dasar kita hendak kaji. Bukan kaji demo tepi jalan sahaja. Bukan kaji LGBT sahaja. Kaji teras ekonomi yang penting. Apa yang penting bagi kita untuk selamatkan ekonomi. Buat apa kita kaya tetapi raihnya, untungnya orang luar. Kita bukan anti orang luar tetapi dalam dasar kita hendaklah kita utamakan orang dalam dahulu daripada orang luar.

Kemudian saya tengok satu cukai. Cukai korporat di sektor perlombongan dan gas diturunkan daripada 38% kepada 25%. Saya syorkan cukai ini diturunkan lagi jadi 20%. Sebab apa diturunkan lagi? Sebab dia untung sikit. Kita hendak untung banyak. Bila dia untung banyak, banyak pelabur itu boleh lagi berkembang. Bila berkembang, lagi orang banyak boleh kerja. Ingat sektor perlombongan ini ada *downstream* buat alat-alat, beri pekerjaan dan macam-macamlah seperti di Pahang, seperti di Melaka, seperti di Terengganu dan lain-lain negeri.

Satu lagi saya hendak sebut juga yang penting bagi kita ialah pengangkutan awam. Saya mulakan dengan MAS. MAS dengan AirAsia *joint venture*. Akan tetapi pelik bin takjub bin ajaib. Yang untungnya ialah AirAsia. Sedangkan kita tokeh besar tetapi dia untung.

■1920

Saya hendak syorkan supaya kerajaan segera siasat siapa dia lembaga yang syorkan penubuhan JV itu? Saya tidak tuduh itu korup, tidak tuduh dia rasuah. Akan tetapi saya hairan bin takjub bin ajaib. Semua yang rugi MAS, yang untung AirAsia. Sebab itu Tony Fernandes merupakan orang terkaya, salah satu orang terkaya. Bukan sahaja dalam Malaysia, terkaya dalam dunia, cepat sangat. Aku sudah 22 tahun miskin lagi, dia kaya. Bukan dengki tetapi saya hairan macam mana yang tidak seimbang ini boleh berlaku? Pekerja-pekerja MAS dahulu 22,000 sekarang mungkin 20,000. Ada berhenti, ada tak suka. Terumbang-ambing sebab dia hendak tahu nasib dia ke mana pergi? Ada orang kata AirAsia akan pegang majoriti ekuiti. Dia tidak selamat. Bila-bila masa sahaja boleh berhenti. Jadi kita bimbang.

Satu lagi saya yang saya hairan kenapa AirAsia baru sahaja beroperasi, untung, untung, untung, untung. MAS, semenjak saya tak lahir lagi, rugi, rugi, rugi, rugi. Tukar, tukar, tukar, *chairman*, tukar *chairman*, tukar *chairman*. Jadi rugi. Saya hairan, itu kena kaji, kena siasat. Kena beri faktor-faktor yang rugi. Jangan rugi, tutup. Sekarang kita percaya MAS rugi besar. MAS rugi dalam RM1.5 bilion, betul? Yang Berhormat Najeeb, kalau saya salah, betullah, RM1.5 bilion.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya betulkan Tuan Yang di-Pertua, RM2.5 bilion.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ha! Saya orang rendah, dia tinggi lagi. *[Ketawa]* RM2.5 bilion, besar itu Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya naik MAS atau Tuan Yang di-Pertua naik MAS, kalau naik MAS apa yang pertama kita ingat? Bukan pramugari! Saya ingat rugi, rugi, rugi, rugi. Betul? Rugi, saya duduk *first class* rugi, Paul rugi, Firdaus rugi, betul? Rugi! Malu kita. Kita kerajaan besar, rugi, rugi. Semasa Idris Jala untung, semasa orang baru rugi lagi. Tidak apalah, saya tinggalkan isu ini. Kita minta siasat.

Lagi satu, luar bandar. Luar bandar kena baiki jalan-jalan. Sabah, Sarawak, masih lagi jalan-jalannya kena baiki. Lagi satu yang saya hendak timbulkan di sini Lebuhraya Pantai Timur. Sudah berapa tahun buat, tidak siap-siap lagi. Yang siap daripada kawasan saya, Parlimen saya, Bukit Payung sampai Bukit Besi. Dahulu Bukit Payung sampai Bukit Besi satu jam setengah. Bila siap tidak sampai pun 20 minit tetapi daripada 12 pakej yang ada, yang siap cuma satu. Mana lagi pakej lain? Lagi banyak kaya, ada minyak. Tidak bolehkah siap? Saya malulah. Saya minta JKR betul-betul kaji dan mana-mana kontraktor yang tidak mampu, yang tidak boleh siap, jangan beri lagi. Diberi lagi, beri lagi, beri lagi. Tidak boleh! Jadi saya tuntutan supaya Lebuhraya Pantai Timur siap macam juga siapnya Lebuhraya Utara Selatan, tidak *delay*. Ini Terengganu, *delay, delay*, kita malulah.

Satu lagi saya hendak cakap, modal insan. Modal insan itu penting tetapi modal insan kita sudah cakap banyak. Pentingnya modal insan untuk kita tumbuhkan orang baru untuk mahir, untuk ilmu, untuk tadbir negara. Akan tetapi tahukah anda bahawa ekspatriat dagang - susah hendak sebut, dagang-dagang, kita import. Indonesia, Arab, orang putih, orang Amerika jadi pegawai dagang kita. Jadi bila kita hendak ganti dia? Sudahlah pekerja asing orang luar, ada tiga juta yang sah, yang tidak sah, dua juta lebih. Pegawai dagang, ekspatriat - ha baru boleh sebut, banyak orang luar. Jadi tidak boleh, tidak sesuai. Kena ganti.

Kemudian saya hendak cakap sedikit dengan belia. Saya ada cakap dahulu, Kementerian Belia jangan program, balik-balik main, balik-balik main sukan. Saya juga minat sukan. Dahulu saya pemain ragbi, wakil Johor. Akan tetapi kelab-kelab belia semua mati, mati. Kalau bertanding pun, kalah, hidup, kalau Kelab A-A, A-A. Tahun ini A, tahun hadapan A, tahun hadapan lagi A. Itu sahaja, walhal belia itu penting. Akan tetapi kelab-kelab belia banyak yang mati, banyak yang hidup segan, mati tak mahu. Jadi kena tengok juga. Jadi hiduskan lagi Skim Belia Niaga, kena hidup.

Satu lagi saya hendak sentuh keamanan global. Kita bercakap tentang keamanan global. Saya bukan hendak sokong sangat tetapi saya rasa tidak adil. Isu Palestin ini. Semua negara Islam kena sokong Palestin, kena sokong. Ini tidak, kalau Malaysia boleh jadi *Chairman OIC*, kenapa tidak panggil semua negara Islam? Ini pernah ditanya bila Gamal Abdel Nasser jadi Presiden Mesir dahulu. Gamal ditanya, kenapa 15 negara Arab Islam tidak bisa, tidak boleh mengalahkan satu negara Israel. Jawab Gamal Abdel Nasser, arwah, kita negara 15. Dia negara satu, Israel, itu jawapan dia, faham? Jadi negara 15 itu pecah-pecah.

Akan tetapi yang saya hendak sentuh di sini ialah keamanan global kena selesai. Kita Ahli Dewan kena suara. Kalau boleh kena hantar memo dekat Amerika, dekat NATO supaya selesai. Bukan Palestin ini dijadikan tempat bahan uji senjata, bahan uji politik, bahan uji ekonomi. Ini tidak patut. Contoh, hendak hantar bekalan makanan di Palestin kena pelabuhan negara Israel. Oleh sebab itu pembangkang tuduh kita hantar barang ke Israel, sedangkan tidak. Kita guna pelabuhan dia sahaja sebab Palestin tidak ada pelabuhan.

Kedua, Iran. Iran tidak dibenarkan buat senjata nuklear, kenapa Israel boleh? Kenapa negara lain boleh? Itu tempang, Amerika tempang, Amerika senget, Amerika tidak betul. Kalau Iran tidak boleh, negara lain pun tak boleh. Kalau Israel boleh, kalau Perancis boleh, kalau Britain boleh, kalau Jerman boleh, mesti negara Iran boleh. Iran bukan ancaman. Kalau ditekan-tekan sangat, dia mungkin meletup. Yang di-Pertuan Agong sentuh tentang keamanan global. Jadi saya minta supaya kita tumpukan kepada keamanan, isu Palestin dengan Iran sama rata.

Satu lagi saya hendak sebut, SPR. Kata Yang Berhormat Mumtaz semalam, dia kata banyak pengundi hantu. Macam-macam. Baca ayat al-Quran hendak nangis, nangislah, sedih, sedihlah. Saya rasa dia berlakon. Apa pun saya hendak cabar dia. Saya hendak cabar dia di Marang, di Terengganu, banyak pengundi hantu dibawa oleh PAS. Di Parlimen saya, Marang, di DUN saya, DUN Rhu Rendang lebih daripada 3,000 - 4,000 banyak saya ingat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh sebab masa telah menunjukkan tepat jam 7.30 malam...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh saya sambung esok?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, esok rasanya kita ada program lain. Setakat itu sahajalah buat kita pada petang ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya gulung, saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya gulung dua minit Tuan Yang di-Pertua boleh? Tuan Yang di-Pertua baik hati. *[Ketawa]* Dua minit sahaja. Jadi kena adil bila bercakap pengundi hantu. Begitu juga di Penang, banyak pengundi dibawa oleh DAP, kenapa tidak sebut?

Akhirnya saya juga hendak ucapkan terima kasih. Hendak sambung esok saya faham, Tuan Yang di-Pertua kita mahu tidak mahu, jadi saya berhenti di sini sahaja. Terima kasih, terima kasih, terima kasih. *Wassalam*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak. Semua Ahli Yang Berhormat, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana kita telah sampai ke penghujung perbahasan kita pada hari ini dan untuk makluman semua bahawa mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan semula sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu, 25 April 2012, esok. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam.